



---

# LAPORAN TAHUNAN 2016

## MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA





# Kandungan

• Ringkasan Eksekutif	4
• Maklumat Utama	6
Petaling Jaya	
• Fungsi Dan Peranan MBPJ	7
• Kawasan Pentadbiran MBPJ	8
• Misi, Visi, Matlamat dan Objektif	9
• Maklumat Organisasi	10
• Pengurusan Tertinggi	24
• Jabatan Khidmat Pengurusan	28
• Jabatan Perbendaharaan	40
• Jabatan Kejuruteraan	
• Jabatan Perkhidmatan	70
Kesihatan dan Persekitaran	
• Jabatan Penilaian dan	80
Pengurusan Harta	
• Jabatan Pembangunan	100
Kemasyarakatan	
• Jabatan Kawalan Bangunan	112
• Jabatan Penguatkuasaan	122
• Jabatan Landskap	132
• Jabatan Pelesenan	152
• Jabatan Pengurusan	164
Sisa Pepejal dan Pembersihan	
Awam	
• Unit Teknologi Maklumat	178
• Unit Perundangan	190
• Unit Komunikasi Korporat	198
• Unit Audit Dalam dan Integriti	212
• Unit Pusat Setempat (OSC)	220
• Unit Pesuruhjaya Bangunan	228
(COB)	
• Penyata Kewangan Berakhir	234
Pada 31 Disember 2016	

# Ringkasan Eksekutif

KEWUJUDAN PETALING JAYA BERTITIK TOLAK DARIPADA PERKEMBANGAN PESAT YANG DIALAMI OLEH KUALA LUMPUR PADA AWAL 1950-AN. KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN TERSEBUT TELAH MENEMPATKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI SEBUAH BANDAR YANG MENJADI TUMPUAN RAMAI.



Ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap pertambahan penduduk sehingga mendorong kepada pertumbuhan kawasan setinggan di pinggirnya. Bagi mengatasi masalah kesesakan penduduk dan setinggan, Kerajaan Negeri Selangor telah mengenal pasti Effingham Estate iaitu sebuah tanah ladang getah seluas 1,200 ekar di Jalan Klang Lama untuk dibangunkan sebagai sebuah penempatan baru. Penempatan baru yang diberi nama Petaling Jaya ini juga mencipta sejarah tersendiri kerana menjadi bandar satelit pertama di Malaysia. Agenda pembangunan pada peringkat awal tertumpu pada usaha menangani masalah penempatan setinggan, penyediaan perumahan serta kemudahan awam yang lebih selesa dan mampu menarik pelaburan bagi menggalakkan sektor perindustrian sebagai saluran menawarkan pekerjaan kepada Penduduk. Bagi memenuhi agenda ini, Kerajaan Negeri Selangor pada ketika itu menawarkan harga yang nominal kepada para setinggan untuk membeli lebih kurang 1,300 buah lot tanah yang berukuran 4,000 kaki persegi setiap satu.

Kesungguhan dan usaha menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar baru terancang dan maju terus disemarakkan dengan sokongan Kerajaan Persekutuan yang telah memberi pinjaman bagi pertambahan kawasan iaitu sejumlah 1,370 ekar tanah dan 980 ekar tanah tebus guna lombong untuk dibangunkan. Pertambahan ini telah menjadikan Petaling

Jaya memiliki kawasan seluar 3,600 ekar dan merintis pada pembukaan New Town. Disamping itu, seluas 300 ekar dari keseluruhan kawasan Petaling Jaya diperuntukkan sebagai kawasan perindustrian dan dijual pada harga yang sederhana. Terdapat juga kilang-kilang yang dibangunkan untuk disewakan kepada para pelabur yang tidak berkemampuan membina kilang sendiri.

Pihak yang diberi kepercayaan untuk mengurus tadbir petempatan baru ini diserahkan kepada Pegawai Daerah Kuala Lumpur dan Lembaga Petaling Jaya sebelum diambil alih oleh sebuah badan berkanun iaitu Petaling Jaya Authority pada penghujung tahun 1954.

Dalam tempoh sedekad, Petaling Jaya telah berkembang dari segi keluasannya iaitu menjangkau 19.9 km persegi manakala jumlah penduduk meningkat kepada 35,100 orang.

Pembangunan Petaling Jaya bermula di PJ Old Town di mana kawasannya meliputi Seksyen 1, Seksyen 2 dan Seksyen 3. Seksyen 3 pula dikenali sebagai "Kawasan Melayu" memandangkan ia dihuni oleh masyarakat Melayu. Meskipun telah lebih 50 tahun berlalu, istilah PJ Old Town cukup sentimental bagi penduduk tempatan, justeru itu masih lagi diguna pakai sehingga hari ini. Pada waktu ini, hanya terdapat beberapa deretan rumah kedai, balai raya, panggung wayang,



PETALING JAYA MELAKAR SEJARAH BARU PADA 1 JANUARI 1964 APABILA NEGERI SELANGOR MEWARTAKAN SEBUAH LEMBAGA BANDARAYA YANG MEMILIKI AUTONOMI KEWANGAN UNTUK MENTADBIR BANDARINI.

stesen bas dan beberapa bangunan lain.

Pada peringkat awal pembangunan Petaling Jaya, hanya terdapat dua jalan utama sahaja iaitu Jalan 1 dan Jalan 2 yang kini masing-masing dikenali sebagai Jalan Templer dan Jalan Othman. Sedikit

demi sedikit pembangunan mula mengisi Petaling Jaya dengan menyaksikan Hospital Assunta lahir sebagai hospital sulung yang menawarkan perkhidmatannya kepada penduduk tempatan. Chartered Bank pulamerupakan institusi kewangan yang pertama menjalankan operasinya di bandar ini. Di samping itu, terdapat beberapa kemudahan lain yang terawal. Ini termasuklah Masjid Sultan Abdul Aziz, Seksyen 3, Pondok Rukun Tetangga di Jalan Carey, RIDA College (yang kini dikenali sebagai UiTM Cawangan Jalan Othman) serta Sekolah Kebangsaan (C) Jalan 10 dan Sekolah Menengah Kebangsaan Assunta, Jalan Changgai.

Pada 1 Januari 1977, Lembaga Bandaran Petaling Jaya telah dinaikkan tarafnya sebagai Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) berikutan pengubahan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ternyata taraf baru ini memberi impak yang besar pada kedudukan dan potensi Petaling Jaya sebagai sebuah bandar satelit yang berdaya maju. Kewujudannya sebagai bandar satelit telah merangsang pertubuhan pesat kawasan-kawasan sekitarnya seperti Subang Jaya, Sungai Way dan Kelana Jaya sehingga turut menjadi tumpuan penduduk berdasarkan potensinya sebagai pusat ekonomi. MPPJ terus maju dan menuju era bandar raya pada 20 Jun 2006 dan kini dikenali sebagai Majlis Bandaraya Petaling Jaya.



# Maklumat Utama

## Petaling Jaya

KELUASAN	INSTITUSI KEBAJIKAN
97.2 km persegi	115
PENDUDUK	MASJID
676,393 orang	24
BILANGAN PERUMAHAN	KUIL
177,332	6
BUNGA RASMI	TOKONG
Bunga Inai Merah (Lagerstromia Indica)	7
PUSAT BANDAR	GEREJA
22	13
IPTA	STADIUM
3	2
IPTS / KOLEJ	DEWAN SERBAGUNA / BALAI RAYA
37	36
SEKOLAH MENENGAH	PUSAT KESIHATAN KERAJAAN
BANTUAN KERAJAAN	3
27	HOSPITAL / PUSAT KESIHATAN SWASTA
SEKOLAH MENENGAH SWASTA	12
3	PUSAT MEMBELI BELAH
SEKOLAH RENDAH BANTUAN KERAJAAN	15
36	GERAI / PASAR / PENJAJA
SEKOLAH RENDAH SWASTA	7,998
5	HOTEL
SRJK (CINA)	16
7	BILANGAN INDUSTRI
SRJK (INDIA)	2,780
3	PUSAT BANDAR (SEPARA WILAYAH SEKSYEN 52 & PUSAT BANDAR KELANA JAYA)
SEKOLAH RENDAH AGAMA	2
7	PEGANGAN HARTA / PREMIS (KEDIAMAN / PERNIAGAAN / PERUSAHAAN PERDAGANGAN & PERINDUSTRIAN)
TADIKA / TASKA	220,601
283	




# Fungsi Dan Peranan Majlis Bandaraya Petaling Jaya

1. Memastikan perancangan pembangunan selari dengan dasar Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.
2. Mengawal semua jenis pembangunan premis di kawasan Petaling Jaya.
3. Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penduduk Petaling Jaya mengenai alam sekitar dan kesihatan awam melalui program pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang.
4. Melaksanakan penilaian untuk menentukan nilai tahunan mengikut pasaran semasa ke atas harta kediaman, perindustrian, komersial, tanah kosong, skim perumahan dan harta pegangan khas di kawasan Petaling Jaya.
5. Mewujudkan sistem kawalan yang cekap dan berkesan untuk menguruskan kutipan hasil dan perbelanjaan, penyelenggaraan rekod perakaunan dan belanjawan tahunan Majlis.
6. Menguruskan hal-hal pentadbiran dan sumber-sumber manusia, pelesenan, bekalan, tender dan kontrak.
7. Mengendalikan Infrastruktur dan mekanikal serta elektrikal di kawasan Petaling Jaya.
8. Merancang, mengurus dan melaksanakan pembangunan kemasyarakatan, kebudayaan, kesenian dan pelancongan.
9. Menguatkuasakan undang-undang yang digunakan oleh Majlis Bandar Raya Petaling Jaya.
10. Membangunkan pengindahan bandar dari segi landskap dan kemudahan rekreasi.



# Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya



DUN BUKIT LANJAN

ADUN

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping

DUN DAMANSARA UTAMA

ADUN

Y.B. Puan Yeo Bee Yin

DUN TAMAN MEDAN

ADUN

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha

DUN KG. TUNKU

ADUN

Y.B. Tuan Lau Weng San

DUN KOTA DAMANSARA

ADUN

Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan

DUN SERI SETIA

ADUN

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

DUN BUKIT GASING

ADUN

Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran



## Visi

"Petaling Jaya  
Bandar Raya, Peneraju,  
Dinamik dan Lestari"

## Matlamat

" Menjadi Bandar Raya Terulung Dalam Penyediaan Perkhidmatan Dan  
Prasarana Yang Berkualiti Untuk Pelanggan "

## Misi

Menyediakan kemudahan  
dan perkhidmatan  
yang berkualiti demi  
kesejahteraan Petaling Jaya

## Objektif

- Membangunkan ekonomi yang berdaya saing dan dinamik.
- Menjadikan Petaling Jaya sebagai pusat perdagangan dan kediaman idaman.
- Menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya dalam taman.
- Menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya bebas halangan.
- Menjadikan Petaling Jaya sebagai "Bandar Raya Ilmu" (Knowledge City).
- Menguruskan alam sekitar berdasarkan prinsip pembangunan mampan.
- Membentuk modal insan yang penyayang, dinamik dan cemerlang.
- Menyediakan, mengurus dan menyelenggara aset secara sistematis dan terancang.
- Menjadikan inovasi dan kreativiti sebagai teras pengurusan dan pentadbiran Majlis (Strategi Blue Ocean).

# Maklumat Organisasi

## Moto dan Misi Perkhidmatan Pelanggan

“ MESRA, CEPAT DAN TEPAT ” - “ Kualiti Keutamaan Kami ”

## Dasar Kualiti

Komitmen Majlis adalah memberikan perkhidmatan yang cepat, tepat, berkesan dan mesra serta berinisiatif untuk menambah baik kualiti perkhidmatan bagi kepuasaan hati pelanggan.



## Piagam Pelanggan

- Memberi perkhidmatan yang mesra, cepat, tepat dan sistematik pada setiap masa.
- Memberi maklum balas kepada permohonan, aduan dan perkhidmatan dalam tempoh dua (2) minggu.
- Mengutip semua jenis hasil Majlis mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Menguatkuasakan Undang-Undang dan Peraturan pada setiap masa.
- Meluluskan Pelan Pembangunan dalam tempoh tiga (3) bulan dengan syarat pihak berkenaan mengemukakan dokumen lengkap dan mematuhi dasar serta prinsip yang ditetapkan.
- Meluluskan permohonan permit dan lesen dalam tempoh satu (1) hari dengan syarat pihak berkenaan mengemukakan dokumen lengkap dan mematuhi dasar serta prinsip yang ditetapkan.
- Melaksanakan perkhidmatan penyelenggaraan prasarana mengikut jadual yang ditetapkan.
- Menguruskan aset-aset secara sistematik dan mengikut jadual yang ditetapkan.
- Menjamin kebersihan dan kesihatan awam serta keselesaan penduduk pada setiap masa.
- Melaksanakan tanggungjawab sosial melalui aktiviti kemasyarakatan bagi penduduk mengikut program yang ditetapkan.



## Prinsip Dan Nilai

“ Berintegriti, Prihatin, Proaktif Dan Inovatif ”

## Nilai-Nilai Bersama

- Berkhidmat Dengan Dedikasi
- Bertanggungjawab Dalam Urusan Kewangan
- Bersikap Jujur Dan Berintegriti
- Bertindak Dengan Cemerlang
- Bekerja Secara Berpasukan
- Berfikiran Dan Bersikap Terbuka

## Prinsip-Prinsip Pengurusan Organisasi

- Amalan keterbukaan dan komunikasi berkesan
- Amalan perkongisan pintar bagi meningkatkan keberkesanan program dan penjimatan kos
- Pembinaan keupayaan
- Perubahan paradigma dalam pengurusan komunikasi luaran dan penyediaan perkhidmatan pelanggan yang cekap.



# Prinsip Bandar Raya Peneraju, Dinamik Dan Lestari

## PEMBANGUNAN SOSIAL

- Pembangunan sosial merangkumi prinsip kesaksamaan sosial, kesejahteraan sosial dan penglibatan penduduk dalam menentukan masyarakat yang sihat dan hidup berkualiti.
- Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan sosial kepada masyarakat tanpa diskriminasi serta fokus kepada golongan miskin, terpinggir dan golongan tidak berasib baik.

## PERKEMBANGAN EKONOMI

- Perkembangan ekonomi merujuk kepada pembangunan ekonomi bandar yang positif dan meliputi faktor penawaran pelbagai jenis pekerjaan, tenaga kerja berkemahiran, berdaya saing dan peningkatan pelaburan.

## ALAM SEKITAR MAMPAAN

- Alam sekitar mampan merangkumi prinsip keseimbangan alam sekitar dan integrasi keperluan menjagaan alam sekitar dalam aktiviti sosial dan ekonomi bandar.
- Menggalakkan pemeliharaan tenaga dan sumber, kitar semula bahan buangan organik dan bukan organik serta menggalakkan penggunaan kenderaan awam, meningkatkan telekomunikasi, memelihara kawasan hijau, guna semula air dan mengawal pencemaran dan toksin dalam bandar.

## "GOOD GOVERNANCE"

- "Good Governance" merujuk kepada sistem pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan dalam fungsinya sebagai sebuah institusi yang demokrasi, melaksanakan dasar awam dan memberikan perkhidmatan kepada orang awam.

## PEMBANGUNAN BANDAR

- Pembangunan bandar fokus kepada aspek sosial, fizikal dan infrastruktur dalam meningkatkan kualiti hidup dan persekitaran bandar.

## PENYERTAAN AWAM

- Penyertaan awam di dalam proses perancangan dan pembangunan bandar dipertingkatkan.

# Maklumat Asas


## Pasar dan Kemudahan Komuniti



6  
jenis  
perumahan



15  
jenis  
industri



8  
jenis  
perniagaan



25  
jenis  
kemudahan komuniti





#### PASAR (Bilangan Gerai)

Pasar Awam	1,263
Gerai Kompleks	795
Pasar Pagi / Lambak	741
Permit Penjaja Sementara	536
Gerai Tepi Jalan	408
Gerai Swasta	151
Penjaja Bergerak	72
Kawasan Pasar Malam	18

#### KEMUDAHAN KOMUNITI

Pusat Kitar Semula	5
Dewan / Balai Raya	36
Stesen Minyak	35
Bangunan Kerajaan & Persekutuan	26
Pejabat Pos	11
Pusat Membeli-belah Utama	10
Balai Polis	10
Pusat Kebajikan	4
Balai Bomba	5
Tanah Perkuburan Islam	4
Tanah Perkuburan Hindu	2
Tanah Perkuburan Buddha / Konfusi	1
Tanah Perkuburan Kristian	1
Tanah Perkuburan Orang Asli	1

# Maklumat Asas

## Perniagaan, Perumahan dan Industri



MBPJ memastikan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam diberi keutamaan dalam memperkasa dan meningkatkan tahap keselesaan, keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan masyarakat. Setiap pembangunan yang dirancang adalah selari dengan Agenda 21 Tempatan (Local Agenda 21).

Usaha pembangunan perdagangan di kawasan Majlis lebih tertumpu pada usaha menyediakan industri perkhidmatan iaitu sebanyak 959. Industri perkhidmatan seperti bank-bank perdagangan beroperasi secara meluas kerana potensi serta kedudukan Petaling Jaya dalam sektor perdagangan

dan ekonomi. Pembukaan cawangan-cawangan bank seperti Bank Islam, Bank Rakyat, Public Bank, Standard Chartered Bank, CIMB Bank, RHB Bank dan Maybank mencerminkan keyakinan institusi-institusi kewangan terhadap hasil pulangan dan manfaat yang boleh dinikmati bersama-sama dengan anggota masyarakat Petaling Jaya.

Kebanyakan kilang terletak di Seksyen 51, 51A, 13 dan 19. Industri tertumpu pada sektor pembuatan, elektronik, pemprosesan bahan mentah, produk pengguna, industri teknologi tinggi dan industri berorientasikan perkhidmatan pelanggan.



#### JENIS PERNIAGAAN

Industri Perkhidmatan	959
Restoran	679
Runcit	481
Perkhidmatan Sosial	269
Kewangan dan Insurans	120
Borong	118
Stesen Minyak	35
Hotel	12

#### JENIS PERUMAHAN

Teres	50,446
Pangsapuri	48,996
Rumah Pangsa	44,592
Banglo	8,623
Berkembar	7,653
Town House	68

#### JENIS PERINDUSTRIAN

Berat	13
Sederhana	4
Ringan	2

# Maklumat Asas

## Kesihatan, Riadah dan Sukan Serta Anugerah



10  
institusi  
pendidikan



7  
pusat ICT  
dan perpustakaan



3  
kemudahan  
kesihatan



16  
kemudahan  
riadah dan sukan





Antara hospital yang terdapat di Petaling Jaya ialah Hospital Assunta, Hospital Mata Tun Hussein Onn dan Hospital Pakar Damansara.

#### KEMUDAHAN KESIHATAN

Hospital Awam / Swasta	8
Pusat Kesihatan Awam	5
Klinik Swasta	213

Kompleks Sukan Kelana Jaya merupakan salah satu pusat sukan terbaik di negara ini. Dua buah kolam renang bersaiz olimpik, gelanggang tenis, badminton, skuasy dan padang permainan disediakan untuk penduduk. Kemudahan yang disediakan memberi ruang kepada penduduk untuk menganjur dan menyertai aktiviti-aktiviti sukan.

#### KEMUDAHAN RIADAH DAN SUKAN

Pusat Sukan	10
Taman Rekreasi	4
Stadium	2

# Maklumat Asas

## Institusi Pendidikan Dan Kemudahan Pusat ICT



## INSTITUSI PENDIDIKAN

Institusi Pengajian Tinggi Awam	3
Institusi Pengajian Tinggi Swasta	17
Sekolah Menengah	26
Sekolah Rendah	36
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina	6
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan India	3
Sekolah Rendah Agama	14
Sekolah Swasta (Sekolah Sepenuh Masa)	7
Sekolah Antarabangsa	4
Tadika / Taska	221

Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ada adalah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM Matrikulasi) dan Institusi Kemahiran Mara. Antara Institusi Pengajian Tinggi Swasta pula adalah Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) dan Kolej Damansara Utama (KDU).

Pendidikan untuk golongan istimewa tidak dipunggirkan di mana terdapat sebuah sekolah di Kelana Jaya khusus untuk golongan cacat pendengaran yang dikenali sebagai Sekolah Orang Pekak Ainiomichi.

## KEMUDAHAN PUSAT ICT DAN PERPUSTAKAAN

### MILIK MAJLIS

Pusat Komuniti IT	5
Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya	1
Perpustakaan Cawangan (Kota Damansara)	1

Perkhidmatan yang terdapat di perpustakaan adalah seperti berikut :

- Perkhidmatan Pinjaman
- Perkhidmatan Rujukan
- Perkhidmatan Perpustakaan Kanak-Kanak
- Perkhidmatan Audio Visual
- Perkhidmatan Perpustakaan Digital dan Multimedia
- Sistem Pengurusan
- Perpustakaan ILMU (Integrated Library Management Utilities)
- Perkhidmatan Multimedia







# Carta Organisasi

## Majlis Bandaraya Petaling Jaya



## CARTA ORGANISASI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA





# Pengurusan Tertinggi Majlis Bandaraya Petaling Jaya

YBhg. Dato'  
Mohd Azizi b.  
Mohd Zain  
Datuk Bandar



Tn. Johary b.  
Anuar  
Timbalan Datuk  
Bandar



Tn. Hj. Ahmat  
Mohaayen b. Hj. Said  
Timbalan Setiausaha



Pn. Hjh. Sa'diyah  
bt. Khasiman  
Pengarah  
Perbendaharaan



Pn. Hjh. Sharipah  
Marhaini bt. Syed Ali  
Pengarah  
Perancangan  
Pembangunan



En. Mohd Fauzi b.  
Maarop  
Pengarah  
Penguatkuasa



Pn. Zuraidah bt.  
Sainan  
Pengarah  
Landscape



Pn. Hjh. Sharinaz bt.  
Hj. Samsudin  
Pengarah Pelesenan



En. Lee Lih Shyan  
Pengarah  
Pengurusan Sisa  
Pepejal dan  
Pembersihan  
Awam



En. Samsul Bahari b.  
Nonchi  
Pengarah Teknologi  
Maklumat



Tn. Ir. Ismail b.  
Shafie  
Pengarah  
Kejuruteraan



Pn. Dr. Chithradavi  
a/p Vadivelu  
Pengarah  
Perkhidmatan  
Kesihatan dan  
Persekitaran



YBhg. Datin Amreeta  
a/p Pretham Singh  
Pengarah Penilaian  
dan Pengurusan  
Harta



Pn. Hamidah bt.  
Arifin  
Pengarah  
Kawalan  
Bangunan



En. Aznan b. Hj.  
Hassan  
Pengarah  
Pembangunan  
Kemasyarakatan



Pn. Haniza bt. Abdul  
Hamid  
Pengarah  
Komunikasi Korporat



Pn. Norzita bt. Mokhtar  
Pengarah  
Perundangan



Pn. Hjh. Norlida bt.  
Mohd Isa  
Pengarah  
Audit Dalam dan  
Integriti




Pn. Hairulliza bt. Abdul  
Rahman  
Pengarah  
Pusat  
Setempat



Cik Norshabani bt.  
Johari  
Pengarah  
Pesuruhjaya Bangunan  
(COB)





# Jabatan Khidmat Pengurusan

## Majlis Bandaraya Petaling Jaya



# Bahagian Pentadbiran Am Dan Urusetia

## Fungsi Bahagian

- Menguruskan mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa dan Mesyuarat Penuh Majlis.
- Menguruskan bilik-bilik mesyuarat Majlis (tempahan, penyediaan, kemudahan dan keceriaan bilik).
- Menguruskan penerimaan dan penghantaran surat mesyuarat luar, cek, notis Majlis melalui pos, courier dan serahan tangan.
- Menguruskan kquarters Majlis (pegawai, kakitangan dan pekerja).
- Menguruskan hal ehwal pejabat, menetapkan dan memastikan pegawai hadir mesyuarat peringkat Negeri atau Persekutuan.
- Menguruskan kontrak pembersihan dan penyelenggaraan Ibu Pejabat.
- Menguruskan percetakan dan franking surat-surat Majlis.
- Mengeluarkan pelekat kereta dan pelekat sementara.
- Menguruskan Insurans - Tuntutan Awam dan All Risks.

## Program Dan Aktiviti

BIL	PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	Pengurusan Kquarters kepada Kakitangan	• Kuarters Seksyen 4 (Inai Merah) terdapat 240 unit	• Keseluruhan 240 unit diduduki oleh Kakitangan MBPJ
		• Kuarters Seksyen 5 - 2 unit	• Semua unit diisi
		• Kuarters Seksyen 6 - 2 unit	• Salah satu unit merupakan Kediaman Rasmi Datuk Bandar manakala 1 unit disyorkan untuk pembangunan semula
		• Kuarters Seksyen 8 - 32 unit	• Sebanyak 30 unit diduduki, 6 sedang dibaik pulih (Syar naik taraf Kquarters)
		• Kuarters Jalan Penchala - 6 unit	• Semua unit diisi
		• Kuarters Inai Court 98 unit	• 95 unit diisi / 3 ubah suai / 2 rumah rehat
2.	Laporan Kerosakan Kquarters		• Sebanyak 232 aduan diterima sepanjang tahun 2016 berkaitan kerosakan kquarters
3.	Urusan Bilik Mesyuarat Majlis		• Sebanyak 927 tempahan bilik mesyuarat tahun 2016 melibatkan 4 bilik mesyuarat di bawah seliaan Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia iaitu Bunga Tanjung, Bunga Mawar, Bunga Raya dan Khidmat Pengurusan.



BIL	PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN
4.	Urusan Penghantaran Notis / Kad Jemputan / Notis Bangunan		<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 12,266 surat / kad jemputan / minit mesyuarat dan lain-lain telah dihantar kepada Ahli Majlis dan juga ahli panel jemputan seperti Pejabat Daerah, Tenaga Nasional Berhad, Polis dan lain-lain.</li> </ul>
5.	Peruntukan Ahli Majlis		<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak RM 27,286.42 dibelanjakan bayaran elauan telefon Ahli Majlis.</li> <li>Sebanyak RM2,442,256.34 dibelanjakan bagi 25 Ahli Majlis untuk membiayai kerja-kerja pembangunan dan sosial.</li> <li>Sebanyak RM 380,087.58 bayaran elauan Pembantu Ahli Majlis.</li> </ul>
6.	Peruntukan Ahli Dewan Negeri (ADUN)		<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak RM 241,024.00 dibelanjakan daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM 350,000.00 bagi kerja-kerja pembangunan dan sosial.</li> </ul>
7.	Penggunaan dan pengurusan surau Majlis		<p>Selain solat harian beberapa program diadakan di surau Nur Ehsan, MBPJ :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bacaan Yasin - 39 kali</li> <li>Kuliah Ramadan - 10 kali</li> <li>Tazkirah Ramdan - 1 kali</li> </ul>
8.	Urusan Mesyuarat Majlis / Mesyuarat Jawatankuasa Kecil		<ul style="list-style-type: none"> <li>Perbelanjaan elauan hadir mesyuarat sehingga Disember 2016 sebanyak RM 603,816.19 dengan jumlah kehadiran mesyuarat 4,025 kali bagi 25 Ahli Majlis.</li> </ul>
9.	Kebersihan Pejabat		<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 269 hari bagi kerja-kerja pembersihan dilaksanakan.</li> </ul>
10.	Penerimaan / Pengagihan surat		<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 67,124 surat / cek / notis cukai / kompaun / dokumen diterima tahun 2016 dan semua surat dimasukkan ke dalam peti jabatan dalam tempoh 1 hari.</li> </ul>
11.	Penghantaran Surat		<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 399,525 helaian surat / cek / notis cukai / kompaun manakala Surat Berdaftar sebanyak 2,808 dihantar dalam tempoh yang ditetapkan.</li> </ul>
12.	Insurans – Public Liability All Risks		<ul style="list-style-type: none"> <li>Majlis telah membayar sebanyak RM 37,807.05 (All Risk) dan RM 13,010.00 (Public Liability) bagi premium dibayar tahun 2016 kepada pihak Insurans.</li> <li>Manakala bagi pembayaran tuntutan (All Risk) tiada tuntutan dan bagi (Public Liability) sebanyak RM 378,980.97 tuntutan telah dibayar oleh pihak Insurans kepada pihak penuntut.</li> </ul>

# Bahagian Sumber Manusia

## Fungsi Bahagian

- Menguruskan urusan pelantikan kakitangan dan kenaikan pangkat.
- Memproses pemberian elauan-elauan dalam perkhidmatan dan elauan yang diluluskan oleh Majlis.
- Mengurus dan merekod pelbagai jenis cuti seperti cuti rehat, cuti sakit, cuti tanpa rekod, cuti tanpa gaji, cuti haji dan cuti belajar.
- Mengurus kenaikan gaji tahunan kakitangan tetap dan kontrak.
- Penguatkuasaan peraturan-peraturan pegawai (Kelakuan dan Tatatertib).
- Menguruskan kemudahan perubatan, insurans dan klinik panel.
- Menyediakan senarai peruntukan perjawatan dan emolumen.
- Menguruskan proses persaraan kakitangan.
- Menguruskan pemberian taraf berpencen, kursus induksi, pengesahan jawatan dan opsyen pencen.
- Menguruskan Anugerah Khidmat Cemerlang, pencalonan pingat dan hadiah menunaikan umrah / melancong.
- Merekod dan mengemas kini Buku Kenyataan Perkhidmatan, cuti, fail kakitangan serta fail sulit kakitangan.
- Menjaga kebaikan pegawai dan kakitangan Majlis dengan pemberian hadiah hari lahir, hadiah melahirkan anak, hadiah perkahwinan dan bantuan bencana alam.
- Menguruskan kursus dan latihan kepada kakitangan dan Ahli Majlis.

## Program Dan Aktiviti

### Anugerah Khidmat Cemerlang Tahun 2016

Penerima Anugerah Mengikut Kumpulan

### Hadiah Menunaikan Umrah dan Melancong Tajaan MBPJ

KUMPULAN	JUMLAH
Menunaikan Umrah (Bagi Kakitangan Islam)	29
Melancong (Bagi Kakitangan Bukan Islam)	10



## Insurans

MBPJ menyediakan perlindungan manfaat kemasukkan ke hospital, kematian dan kemalangan melalui kaedah ASO (Perkhidmatan Secara Pentadbiran) yang dikendalikan oleh Syarikat MediExpress Sdn. Bhd.

PELAN KELAYAKAN	
Plan 250 (Plan A)	Datuk Bandar, Timb. Datuk Bandar, Ahli Majlis & Kumpulan A
Plan 165 (Plan B)	Pelaksana (B & C)
Plan 130 (Plan C)	Pelaksana (D)

## Pelan Kemalangan Diri Berkelompok

Manfaat ini memberi perlindungan sekiranya kakitangan meninggal dunia atau cedera disebabkan oleh kemalangan.

KATEGORI	Semua Kakitangan dan Ahli Majlis
KEMATIAN/KEILATAN KEKAL MENYELURUH	RM 30,000.00
KEILATAN KEKAL SEPARA	Mengikut jadual manfaat
KEILATAN KEKAL SEMENTARA	RM 300 Seminggu
KEILATAN SEPARA SEMENTARA	RM 150 Seminggu
KAHIRAT KEMATIAN	RM 2,000.00
PENGHANTARAN JENAZAH	RM 3,000.00
PERBELANJAAN PERUBATAN	RM 2,000.00
RAGUT/TRAUMA AKIBAT DIROGOL	RM 500.00

## Kebajikan

### Buku Rawatan

Buku rawatan perubatan telah digunakan semenjak tahun 2005 oleh semua pegawai / kakitangan Majlis dengan peruntukan sebanyak RM 1,500.00 dan RM 2,500.00 (bagi pasangan suami isteri yang bekerja di Majlis).

Mesyuarat Perjawatan dan Perkhidmatan Majlis telah membuat penambahbaikan kemudahan rawatan untuk kakitangan Majlis.

Peruntukan ini boleh digunakan bagi tujuan berikut:

- Rawatan gigi sebanyak RM 600.00
- Cermin mata sebanyak RM 800.00
- Pemeriksaan kesihatan kepada ahli keluarga (tanggungan)

### Panel Hospital, Klinik, Klinik Gigi dan Kedai Optometri Bagi Tahun 2016

BIL.	KLASIFIKASI	JUMLAH
1.	Panel Klinik	46
2.	Panel Hospital	14
3.	Panel Klinik Pergigian	19
4.	Panel Kedai Optometri	8
JUMLAH KESELURUHAN		87



## Penerimaan Pemberian Hadiah Bagi Tahun 2016

KATEGORI	HADIAH
Perkahwinan	Conforter King Saiz
Hari Lahir	Portable Gas Stove
Menimang Cahaya Mata	Baby Carrier

## Pemberian Buah Kurma

Pemberian buah kurma kepada semua pegawai dan kakitangan Majlis disampaikan oleh Datuk Bandar sempena menyambut bulan Ramadan bagi merapatkan silaturahim tanpa mengira bangsa.

## Pemberian Kain Batik dan Kain Pelikat

Menguruskan pemberian kain batik dan kain pelikat kepada semua kakitangan Majlis oleh Datuk Bandar sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri.

## Mesyuarat

Kekerapan mesyuarat pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

1. Mesyuarat Pihak Berkuasa Melantik : 12 Kali
2. Mesyuarat Kemasyarakatan, Perkhidmatan, : 11 Kali Korporat dan Teknologi Maklumat.
3. Mesyuarat Lembaga Tatatertib : 9 Kali
4. Mesyuarat Jawatankuasa Latihan : 2 Kali
5. Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan : 4 Kali

## Pelantikan Baru Bagi Tahun 2016

BIL	JAWATAN / GRED	TETAP	KONTRAK	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)	SAMBILAN SUKAN	CONTRACT FOR SERVICES (CFS)	JUMLAH
<b>JANUARI</b>							
1.	Penolong Jurutera - Gred JA29		16				16
2.	Pekerja Awam					1	1
3.	Pembantu Awam		1				1
4.	Pembantu Tadbir – Gred N17		8	2			10
5.	Juruteknik Komputer - Gred FT17		1				1
6.	Pegawai Perancang Bandar Dan Desa - Gred J41		1				1
7.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat - Gred F29		1				1
<b>FEBRUARI</b>							
1.	Penolong Jurutera Awam – Gred J29		3				3
2.	Pembantu Tadbir			6			6
3.	Pembantu Operasi			3			3



## Pelantikan Baru Bagi Tahun 2016

BIL	JAWATAN / GRED	TETAP	KONTRAK	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)	SAMBILAN SUKAN	CONTRACT FOR SERVICES (CFS)	JUMLAH
<b>MAC</b>							
1.	Pekerja Awam					7	7
2.	Penolong Jurutera - Gred JA29	1					1
3.	Pembantu Tadbir – Gred N17	1	3				4
4.	Penolong Pustakawan - Gred S27		1				1
5.	Pembantu Makmal - Gred C17		1				1
<b>APRIL</b>							
1.	Pekerja Awam					4	4
2.	Pembantu Penilaian - Gred W17		1				1
3.	Pembantu Tadbir (Pengawas) – Gred N17		11				11
4.	Pegawai Tadbir – Gred N54 (KUP)	1					1
5.	Akauntan – Gred W54 (KUP)	1					1
6.	Pembantu Tadbir - Gred N17			2			2
7.	Pembantu Penilaian			4			4
<b>MEI</b>							
1.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran - Gred U29		1				1
2.	Pembantu Tadbir - Gred N17			2			2
3.	Juruukur Bahan					1	1
4.	Pembantu Kemahiran - Gred H17	1					1
5.	Penolong Jurutera					1	1
6.	Pembantu Awam - Gred H11		6				6
<b>JUN</b>							
1.	Pembantu Tadbir (Guru Taska) - Gred N17		1				1
2.	Pembantu Tadbir - Gred N17	1	2				3
3.	Penolong Pegawai - Gred JA29			1			1
4.	Pekerja Awam					6	6
5.	Penghantar Notis - Gred N14	1					1
6.	Pembantu Operasi - Gred N11		3				3
7.	Pembantu Perpustakaan - Gred S17		1				1
8.	Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa - Gred JA29		1				1
9.	Pembantu Awam - Gred H11		14				14
10.	Penolong Pegawai Tadbir - Gred N27		1				1



## Pelantikan Baru Bagi Tahun 2016

BIL	JAWATAN / GRED	TETAP	KONTRAK	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)	SAMBILAN SUKAN	CONTRACT FOR SERVICES (CFS)	JUMLAH
<b>JUN</b>							
11.	Prereka Grafik - Gred B17		1				1
12.	Penolong Jurutera					1	1
13.	Pembantu Kemahiran - Gred H17	1					1
14.	Penolong Pegawai Senibina - Gred JA29	1					1
<b>JULAI</b>							
1.	Pembantu Kemahiran - Gred H17		1				1
2.	Pembantu Operasi - Gred N14	1					1
3.	Pembantu Perpustakaan - Gred S22	3					3
4.	Pegawai Tadbir					1	1
5.	Penolong Pegawai Pertanian - Gred G27		3				3
6.	Penolong Jurutera - Gred JA29		1				1
7.	Pembantu Operasi - Gred N11		2				2
8.	Pekerja Awam					1	1
9.	Pemandu Kenderaan - Gred H11	3					3
<b>OGOS</b>							
1.	Penolong Pegawai Senibina - Gred JA29		1				1
2.	Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa - Gred JA36	2	1				3
3.	Pembantu Tadbir - Gred N17		4	17			21
4.	Penolong Pegawai Pertanian - Gred G27		1				1
5.	Pembantu Awam - Gred H11		1				1
6.	Penolong Jurutera	4		2			6
7.	Pemandu Kenderaan - Gred H14	15					15
8.	Jurutera					1	1
9.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran - Gred U29		1				1
<b>SEPTEMBER</b>							
1.	Penolong Pegawai Penguatkuasa - Gred N27		1				1
2.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran - Gred U29		2				2
3.	Pembantu Tadbir (Pengawas) - Gred N17			11			11
4.	Pembantu Tadbir - Gred N17		1	1			2

## Pelantikan Baru Bagi Tahun 2016

BIL	JAWATAN / GRED	TETAP	KONTRAK	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)	SAMBILAN SUKAN	CONTRACT FOR SERVICES (CFS)	JUMLAH
<b>OKTOBER</b>							
1.	Pembantu Tadbir - Gred N17		1				1
2.	Pembantu Awam					6	6
3.	Pembantu Akauntan - Gred W32	1					1
4.	Penolong Pegawai Penilaian - Gred W36	1					1
5.	Jururawat - Gred U36	1					1
6.	Penolong Pegawai Tadbir - Gred N36	1					1
7.	Penolong Jurutera - Gred JA29		2				2
8.	Penolong Perancang Bandar Dan Desa - Gred JA29					1	1
9.	Pembantu Akauntan - Gred W17		1				1
<b>NOVEMBER</b>							
1.	Pembantu Awam					2	2
2.	Penolong Akauntan - Gred W27			1			1
3.	Pembantu Awam					1	1
4.	Pembantu Akauntan - Gred W17			4			4
5.	Pembantu Tadbir - Gred N17	1		1			2
6.	Pembantu Tadbir (Guru) - Gred N17			1			1
7.	Penolong Jurutera					1	1
8.	Artis Budaya - Gred B17			7			7
9.	Pembantu Tadbir Kewangan - Gred W17	2					2
10.	Penolong Pegawai Tadbir - Gred N27					1	1
11.	Penolong Pegawai Penilaian - Gred - W27			1			1
<b>DISEMBER</b>							
1.	Pembantu Akauntan - Gred W17		3			1	4
2.	Pembantu Tadbir - Gred N17			7			7
3.	Juruukur Bahan					1	1
4.	Pembantu Penguatkuasa - Gred N17	4					4
5.	Penolong Pegawai Pertanian - Gred G32	1					1
6.	Pembantu Awam - Gred H14	9					9

## Laporan Persaraan

Laporan Persaraan bagi Tahun 2016 adalah seperti berikut:

BULAN	PERSARAAN WAJIB	PERSARAAN PILIHAN	PERSARAAN SEBAB KEMATIAN	PERSARAAN SEBAB KESIHATAN
Januari	3	1	-	-
Februari	3	-	-	-
Mac	3	2	-	-
April	2	-	-	-
Mei	4	1	-	-
Jun	-	-	-	-
Julai	3	1	-	-
Ogos	3	1	-	-
September	2	-	-	-
Oktober	6	-	1	-
November	2	-	-	-
Disember	3	7	-	-

## Laporan Tatatertib 2016

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 9 kali Mesyuarat Lembaga Tatatertib telah diadakan iaitu pada:

- |                           |                          |                         |
|---------------------------|--------------------------|-------------------------|
| i. 4hb. Februari 2016     | ii. 9hb. Mac 2016        | iii. 20hb. April 2016   |
| iv. 21hb. Mei 2016        | v. 16hb. Jun 2016        | vi. 29hb. Julai 2016    |
| vii. 28hb. September 2016 | viii. 4hb. November 2016 | ix. 16hb. Disember 2016 |

Bil.	Tarikh	Bil. Kes/Isu	Jenis Hukuman									Pewartaan
			A	B	C	D	E	F	G	H	I	
1.	4.2.2016	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2.	9.3.2016	4	1	-	-	-	-	-	3	-	-	-
3.	20.4.2016	4	-	-	-	-	-	-	4	-	-	-
4.	21.05.2016	2	-	-	-	-	-	-	2	-	-	-
5.	16.6.2016	2	-	-	-	-	-	-	2	-	-	-
6.	29.7.2016	1	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-
7.	28.8.2016	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
8.	4.11.2016	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
9.	16.12.2016	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Petunjuk :

A : Amaran

B : Denda

C : Lucut Hak Emolumen

D : Tangguh Pergerakan Gaji

E : Turun Gaji

F : Turun Pangkat

G : Buang Kerja

H : Tidak Dikenakan Apa-apa Hukuman / Amaran Pentadbiran

I : Ditamatkan Perkhidmatan Demi Kepentingan Awam



## Kursus

Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM1,451,290.00 bagi kakitangan dan Ahli Majlis mengikuti kursus bagi tahun 2016. Peccahan peruntukkan adalah seperti berikut :

PECAHAN	RM
Peruntukkan Kursus Kakitangan	RM1,451,290.00
Peruntukkan Kursus Ahli Majlis	RM180,000.00

Pecahan-pecahan kursus yang telah dihadiri oleh kakitangan adalah seperti berikut :

PERKARA	JUMLAH KURSUS
Kursus Anjuran Majlis	121
Kursus Anjuran Kerajaan Negeri / Persekutuan	122
Kursus Anjuran Badan Berkanun / Swasta	133





SILA DUDUK SEHINGGA NOMBOR GILIRAN ANDA DIRANGGI  
KERJASAMA ANDA AMAT DIHARGAI



# Jabatan Perbendaharaan

## Majlis Bandaraya Petaling Jaya



# Bahagian Hasil

Fungsi Bahagian

## Unit Cukai Taksiran

- Memastikan bil cukai taksiran dikeluarkan kepada pemilik.
- Menyelenggara akaun individu cukai taksiran.
- Menguruskan bil notis denda, melaksanakan tindakan sitaan dan lelongan harta mudah alih.

## Unit Kutipan Hasil

- Menguruskan kaunter kutipan.
- Memastikan semua kutipan diresitkan dan dibankkan.
- Menguruskan pengembalian deposit.

## Unit Hasil Lain (Kawal Selia Letak Kereta)

- Memastikan hasil letak kereta dikutip dan diakaun dengan betul.
- Mengawal selia kawasan dan kompleks letak kereta yang telah diswastakan.
- Menguruskan sewa musim tetap petak letak kereta.

# Bahagian Perbelanjaan

Fungsi Bahagian

- Memproses dan menyemak semua pembayaran Majlis dan memastikan bayaran adalah teratur dan lengkap serta dalam lingkungan peruntukan yang diluluskan.
- Mengawal peruntukan perbelanjaan Majlis.
- Memproses urusan bayaran gaji kakitangan dan pekerja, tuntutan elaun perbatuan, elaun lebih masa dan lain-lain elaun.
- Menguruskan penyata-penyata yang perlu dikemukakan kepada pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Pencen dan sebagainya.

# Bahagian Kewangan

Fungsi Bahagian

- Menyediakan penyata kewangan Majlis.
- Menyediakan bajet tahunan Majlis.
- Menguruskan pinjaman kenderaan, perumahan dan komputer kepada kakitangan dan pekerja Majlis.
- Menguruskan pelaburan Majlis.



# Bahagian Semakan

## Fungsi Bahagian


- Menyemak semua baucar bayaran dan dokumen-dokumen menyokong bahawa semua bayaran adalah betul dan prosedur pembayaran adalah dipatuhi dengan sepenuhnya sebelum bayaran diluluskan.
- Menyemak segala hasil telah dikutip dan diakaunkan dengan betul dan teratur.

# Bahagian Pentadbiran


## Fungsi Bahagian

- Menguruskan hal ehwal pentadbiran jabatan.
- Menguruskan perolehan jabatan.
- Menguruskan rekod-rekod cuti kakitangan.
- Menguruskan inventori jabatan.
- Menguruskan panjar wang runcit.

## Pencapaian Kutipan Hasil dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2016



\*\* Angka sebenar adalah berdasarkan asas tunai dikutip kecuali hasil letak kereta, sewaan dan keuntungan & perolehan daripada pelaburan direkod menggunakan asas akruan.



\*\* Angka sebenar adalah berdasarkan asas tunai dikutip kecuali hasil letak kereta, sewaan dan keuntungan & perolehan daripada pelaburan direkod menggunakan asas akruan.



### PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS 2016

	Peruntukan RM	Perbelanjaan RM	Peratus %
Gaji dan Upah	48,914,820.00	48,183,329.25	98.50
Elaun Tetap	25,118,790.00	19,485,388.34	77.57
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan/ Pekerja	9,302,220.00	9,050,609.77	97.30
Elaun Lebih Masa	10,842,750.00	9,058,068.76	83.54
Faedah Kewangan Yang Lain	4,344,730.00	6,664,247.87	153.87
Jumlah Emolumen	98,523,310.00	92,441,643.99	93.83
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	4,181,690.00	3,487,591.64	83.40
Pengangkutan Barang-barang	18,500.00	10,868.00	58.75
Perhubungan dan Utiliti	16,152,490.00	16,012,590.21	99.13
Sewaan	2,787,990.00	2,666,865.44	95.66
Bahan-Bahan Makanan dan Minuman	72,000.00	61,973.35	86.07
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Untuk Penyelenggaraan	6,224,770.00	5,731,645.62	92.08
Bekalan dan Bahan Lain	12,343,110.00	10,909,485.85	88.39
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	28,880,710.00	26,493,778.08	91.74
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	20,214,470.00	19,272,013.30	95.34
Jumlah Perkhidmatan dan Bekalan	90,875,730.00	84,646,811.49	93.15
Pemberian Dalam Negeri	1,313,020.00	1,255,660.30	95.63
Tuntutan/Insurans & Pampasan	508,010.00	3,900.00	0.77
Jumlah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,821,030.00	1,259,560.30	69.17
Bayaran-bayaran Lain	23,148,840.00	19,232,843.83	83.08
Jumlah Perbelanjaan Lain	23,148,840.00	19,232,843.83	83.08
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	214,368,910.00	197,580,859.61	92.17

### PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2016

	Peruntukan RM	Perbelanjaan RM	Peratus %
Tempat Kemudahan	22,882,450.00	21,826,820.60	95.39
Jalan, Peparitan dan Jambatan	25,311,040.00	23,117,443.39	91.33
Pejabat dan Bangunan	10,202,620.00	9,560,687.87	93.71
Projek Pengkomputeran	2,943,000.00	2,641,466.67	89.75
Jumlah Perbelanjaan Pembangunan	61,339,110.00	57,146,418.53	93.16

PRESTASI KUTIPAN HASIL LETAK KERETA						
Bil.	Jenis Kutipan	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)
1	Hasil Letak Kereta Kawasan Majlis	278,469	243,810	1,152,446**	1,475,332	1,379,022
2	Godell Parking	9,186,961	9,616,886	9,673,737	9,666,241	9,462,504
3	Petak Musim Tetap	766,290	819,755	1,142,161	1,331,672	1,481,312
4	Pas Musim (Godell Parking)	268,500	243,200	270,900	273,900	384,800
5	Kompleks 'A'	1,001,350	908,590	879,567	891,533	933,500
6	Kompleks 'C'	87,398	110,500	113,683	121,183	136,633
7	Kompleks Sek. 14	258,750	342,581	388,917	528,193	540,893
8	Kompleks Sek. 4	104,400	115,500	132,830	135,223	137,617
Kutipan Letak Kereta		11,952,118	12,400,822	13,754,241	14,423,277	14,456,281

\*\* Mulai Mac 2011, Majlis telah mengawal sebanyak 3,495 unit petak letak kereta On-Street dengan membeli sendiri mesin Pay & Display. Pada tahun 2012, petak letak kereta On Street yang dikawal oleh Majlis telah meningkat kepada 3,648 petak. Perincian hasil kuitpan letak kereta Majlis bagi tahun 2014 sehingga 2016 adalah seperti berikut :-


HASIL KUTIPAN LETAK KERETA BAGI KAWASAN MAJLIS				
Bil.	Jenis Kutipan	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)
1	Tiket Harian Kawasan Sedia Ada	239,693	191,757	102,902
2	Kutipan Mesin P&D	354,846	563,302	550,596
3	Kutipan Pas Musim	557,907	720,273	669,290
4	Bawah Rentis TNB	-	-	363,944
Kutipan Letak Kereta		1,152,446	1,475,332	1,686,732

PRESTASI PELABURAN TUNAI						
Bil.	Tahun	Jumlah Simpanan Tetap (RM)	Jumlah Simpanan Jangka Pendek (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)	Keuntungan Diterima (RM)	Peratus Purata Keuntungan Berbanding Wang Pokok (%)
1	2012	136,000,000	-	136,000,000	5,164,339	3.80%
2	2013	153,000,000	5,000,000	158,000,000	8,754,013	5.54%
3	2014	201,000,000	20,000,000	221,000,000	9,988,910	4.52%
4	2015	275,000,000	10,000,000	285,000,000	12,297,762	4.32%
5	2016	340,535,095	25,000,000	365,535,095	14,729,881	4.03%


\*\* Data tahun 2014 hingga 2016 adalah berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit. Pengiraan adalah mengambilkira tunai di bank dan simpanan tetap ditolak dengan pemutang dan akruan, Wang amanah dan Kumpulan Tabung Amanah.



### Prestasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran



\* Amaun tunggakan tidak termasuk amaun notis





# Jabatan Kejuruteraan

## Majlis Bandaraya Petaling Jaya



# Unit Aset

Unit ini berfungsi untuk mengurus pelaksanaan projek-projek bangunan dan kemudahan awam dilaksanakan dengan sistematik dan efisien. Selain itu juga, unit ini menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di bangunan Ibu Pejabat dan pejabat cawangan Majlis, dewan-dewan sukan, balai raya dan dewan orang ramai, Dewan Sivik, gerai dan kawasan penjaja.

Unit aset dibahagi kepada dua iaitu Unit Aset Pembangunan dan Unit Aset Penyelenggaraan dan fungsi unit-unit ini adalah seperti berikut:

## Fungsi Bahagian

### Unit Aset Pembangunan

- Menyediakan program serta peruntukan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan serta penyelenggaraan yang berkaitan dengan bangunan Majlis.
- Menyediakan reka bentuk, data, pelan dan dokumen tender dan sebut harga bagi Unit Pembangunan Aset.
- Mengurus, memantau dan menyelia projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang terlibat mengikut program Unit ini di bawah peruntukan Majlis, Ahli Dewan Negeri (ADUN), Ahli Majlis, Negeri serta Kerajaan Persekutuan.
- Pengurusan kewangan, pengurusan kontrak kerja serta pelepasan bon pelaksanaan.

### Unit Aset Penyelenggaraan

- Menyediakan program serta peruntukan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan serta penyelenggaraan yang berkaitan dengan bangunan Majlis.
- Menyenggara semua bangunan Majlis sama ada melalui kontraktor dilantik mahu pun oleh kakitangan Unit ini.
- Memberikan perkhidmatan sokongan logistik untuk keperluan acara/majlis yang dilaksanakan oleh Majlis, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan.
- Pengurusan kewangan, pengurusan kontrak kerja serta pelepasan bon pelaksanaan.

## Projek-Projek Pembangunan dan Penyelenggaraan Bangunan Majlis 2016

Jumlah Projek	Jumlah Perbelanjaan
38 Projek	RM26,665,348.04



# Gambar-Gambar Projek Penyelenggaraan 2016



Kerja-Kerja Mengecat  
Bangunan Serta Kerja-Kerja  
Berkaitan Di Bangunan Ibu  
Pejabat  
MBPJ



Reka Dan Bina (Design & Built) Sebahagian Lobi Menara MBPJ Untuk Dijadikan Kaunter Setempat Untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya.



Menaik Taraf Dewan D'Klana, Gelanggang Serta Lain-lain Kerja Berkaitan Di Kompleks Sukan Kelana Jaya SS7/15 Petaling Jaya.

Membina Dewan Baru Dan  
Lain-Lain Kerja Berkaitan Di PJS  
6/2 Petaling Jaya (Reka dan  
Bina)



Kerja-kerja Penyelenggaraan Tahunan Bagi Tandas Awam Sekitar Petaling Jaya


Penyelenggaraan  
Tahunan Bagi  
Kompleks Sukan Majlis  
Bandaraya Petaling  
Jaya (Zon A)



Penyelenggaraan  
Tahunan Bagi Gerai  
Majlis Bandaraya  
Petaling Jaya (Zon C)

Penyelenggaraan  
Tahunan Bagi Gerai  
Majlis Bandaraya  
Petaling Jaya (Zon D)





Penyelenggaraan  
Tahunan Bagi Pasar  
Majlis Bandaraya  
Petaling Jaya (Zon B)

Kerja-Kerja Penyelenggaraan  
Tahunan Bagi Tandas Awam



# Bahagian Pembangunan Infrastruktur

## Fungsi Bahagian

Fungsi Bahagian Pembangunan Infrastruktur adalah memberi ulasan pelan perancangan dan pelan bangunan, memproses pelan infrastruktur iaitu Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan & Perparitan dan Pelan Lampu Jalan & Lampu Isyarat, memantau kerja tanah dan memeriksa kerja-kerja infrastruktur di tapak, memberi Surat Sokongan/Pengesahan Infrastruktur, memproses pengambilan infrastruktur, memproses caruman pemaju dan memantau kutipan caruman dan ISF.

Bagi mencapai matlamat dan memberi perkhidmatan yang responsif dan efektif, bahagian ini dibahagikan mengikut dua (2) unit yang utama iaitu:

- Unit Kajian dan Kawalan
- Unit Kelulusan & Pengambilalihan

## Unit Kajian dan Kawalan

- Membuat ulasan terhadap permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan.
- Menyemak kajian trafik yang dikemukakan oleh perunding.
- Memprogramkan caruman-caruman pembangunan yang dikenakan kepada pemaju.
- Menghadiri majlis-majlis bantahan berhubung kebenaran merancang.
- Memantau kerja tanah supaya mematuhi kelulusan.
- Menyediakan notis pemberitahuan/berhenti kerja sekiranya berlaku tidak patuhan oleh pemaju/ perunding.

## Unit Kelulusan dan Pengambilalihan

- Memproses pelan kerja tanah, pelan jalan & perparitan, yang dikemukakan oleh pemaju.
- Memastikan pelan diproses berdasarkan kelulusan pelan tatatur.
- Memastikan kerja-kerja infrastruktur awam yang dijalankan pemaju mematuhi pelan lulus.
- Menyediakan surat sokongan /pengesahan infrastruktur teratur.
- Memproses pengambilahan infrastruktur.



Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Bahagian Infrastruktur sepanjang tahun 2016 adalah:

## Caruman

Caruman yang telah dikutip pada tahun 2016:

Bil.	Nama Akaun	Kutipan
1.	Caruman Infrastruktur	RM 7,566,870.87
2.	ISF	RM 10,280,309.81

## Ulasan dan Proses Pelan

Bil.	Proses Pelan	Jumlah
1.	Ulasan Kebenaran Merancang	107 nos
2.	Pengecualian Kerja tanah	31 nos
3.	Pelan Kerja Tanah	60 nos
4.	Pelan Jalan dan Perparitan	77 nos
5.	Pelan lampu jalan/taman	11nos
6.	Pelan lampu isyarat	5 nos
7.	Pelan Utiliti	1 nos

## Menyediakan Surat Sokongan / Pengesahan Lampu Jalan / Lampu Isyarat dan Infrastruktur Teratur

Sebanyak 9 permohonan surat pengesahan lampu jalan, 1 permohonan pengesahan lampu isyarat dan 49 permohonan surat sokongan/pengesahan infrastruktur teratur telah dikeluarkan bagi membolehkan CCC dikeluarkan.

### PENGAMBILALIHAN JALAN-JALAN YANG TELAH DIAMBIL ALIH SEPAJANG TAHUN 2016

Jumlah Lokasi	Jumlah Panjang Keseluruhan
61 Lokasi	12.548 km

TAHUN	2011	2012	2013	2014	2015	2016
JUMLAH PANJANG (KM) (panjang jalan ikut tahun)	951.678 (18.08 km)	969.758 (13.07 km)	982.828 (10.785 km)	1006.513 (23.685 km)	1008.180 (1.667 km)	1020.728 (12.548 km)

# Bahagian Jalan

## Fungsi Bahagian

- Menyelenggara jalan dari segi membaru muka, 'mill & pave' dan menampal lubang-lubang secara kontrak ataupun secara Jabatan.
- Menaik taraf jalan atas hasil kajian lalu lintas.
- Menyediakan dan menaik taraf laluan pejalan kaki/kemudahan OKU (tactile/ramp) selaras dengan konsep 'Universal Design'.
- Menaik paras 'manhole' atau perangkap 'gully'.
- Memproses dan memantau permit pengorekan jalan serta guna jalan oleh pihak ketiga.
- Mengurus kelulusan permohonan tutup jalan (majlis keraian)
- Mengurus serta menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang menggunakan peruntukan Tabung Amanah MARRIS.
- Mengurus dan menyelaras kerja-kerja pembangunan infrastruktur baru Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang menggunakan Tabung Amanah ISF.

## Projek Naik Taraf dan Kerja-kerja Yang Berkaitan Pada 2016

### PROJEK YANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MAJLIS

Jumlah Projek	Jumlah Perbelanjaan
18 Projek	RM8,846,364.00

### PROJEK YANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MARRIS

Jumlah Projek	Jumlah Perbelanjaan
47 Projek	RM38,179,831.54

## Gambar-Gambar Projek Bagi Tahun 2016



## Permit Pengorekan Jalan Oleh Pihak Utiliti / Pemaju Bagi Tahun 2016

Bulan	Bil. Permit	Bayaran Fee	Cagaran Bank Draf	Bank Guarantee
Januari	8	RM7,534.75	RM158,271.00	-
Februari	22	RM114,335.95	RM4,189,306.75	RM216,971.25
Mac	18	RM78,629.75	RM119,466.25	RM1,567,975.50
April	25	RM15,392.90	RM1,024,728.75	RM1,941,952.50
Mei	21	RM41,941.45	RM688,529.50	RM3,768,402.75
Jun	11	RM13,707.25	RM214,436.25	-
Julai	37	RM173,358.00	RM2,610,069.00	RM802,877.50
Ogos	22	RM31,185.45	RM1,115,801.25	-
September	17	RM11,348.25	RM3,104,473.00	RM80,280.00
Oktober	29	RM25,656.00	RM104,232.00	RM2,744,046.75
November	16	RM16,434.50	RM659,233.50	RM208,236.10
- Untuk meningkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan dengan memperkenalkan kaedah penggunaan teknologi maklumat sebagai satu alternatif kepada pencapaian maklumat secara konvensional. Perkhidmatan perpustakaan akan diautomasi sepenuhnya dan perkhidmatan multimedia diperkenalkan.
- Menjadikan Perpustakaan Komuniti sebagai one-stop-information centre untuk koleksi Rujukan Penerbitan Kerajaan (PBT) seperti mengadakan koleksi Akta-Akta Malaysia dan mengumpulkan penerbitan-penerbitan published dan unpublished untuk dokumen MBPJ serta semua nota-nota kursus yang pernah diadakan oleh MBPJ.
- Berperanan sebagai perpustakaan rujukan di kalangan pelajar-pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi swasta dan awam, pelajar-pelajar persendirian dan perkembangan diri sendiri. Melalui kaedah rujukan oleh pegawai profesional yang sedaya upaya memberi perkhidmatan rujukan yang sempurna.
- Mentadbir Unit Muzium yang berperanan:
  - Menjalankan kerja-kerja mengesan, menerima, mengumpul serta membangunkan koleksi
  - Muzium serta bertanggungjawab dalam proses pemuliharaan ke atas bahan-bahan tersebut.
  - Menyediakan perkhidmatan rujukan dan maklumat yang tepat, cepat dan berkualiti serta meningkatkan perkhidmatan pendidikan pengguna dalam membantu usaha-usaha pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.
  - Mendokumentasi serta menterjemah bahan-bahan yang mempunyai nilai-nilai sejarah, ekonomi dan pembangunan kepada MBPJ dan Petaling Jaya.
  - Membangunkan koleksi Muzium dan Galeri Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya.
  - Menyediakan bahan-bahan untuk tujuan pameran sama ada di dalam atau di luar Muzium.

## Statistik Januari - Disember 2016

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Jumlah Pengunjung: i) Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya ii) Cawangan Kota Damansara iii) Cawangan Taman Medan iv) Muzium Petaling Jaya	112,389 orang 6,922 orang 7,766 orang 7,885 orang
2.	Jumlah Hasil Perpustakaan	RM196,198.60
3.	Pendaftaran Keahlian Baru	1,180 orang
4.	Keseluruhan Ahli Perpustakaan	55,751 orang
5.	Perolehan Buku	13,881 buah
6.	Perolehan CD/VCD/DVD	2,552 buah
7.	Pinjaman Buku/Bahan Perpustakaan i) Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya ii) Cawangan Kota Damansara iii) Cawangan Taman Medan	131,565 buah 1,921 buah 435 buah

## Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya

Bil.	Aktiviti / Program Yang Dijalankan	Tarikh
1.	Menerima Lawatan Dari Tadika PASTI Bersama Ahli-ahli Majlis	23/02/2016
2.	Taklimat Kesedaran Penyakit Kanser Oleh Majlis Kanser Negara	11/03/2016
3.	Pemeriksaan Kesihatan (Ujian Darah Dan Air Kencing) Oleh Yayasan Buah Pinggang Negara	17/03/2016
4.	Menerima Lawatan Dari Persatuan Pustakawan Malaysia	21/03/2016
5.	Kem "Smart Solat" Bersama Ustaz Zamri Bin Zainuddin Dari Mantop Training & Consultancy Sdn. Bhd.	26/03/2016 – 27/03/2016
6.	Menerima Lawatan Dari Sunway College University	16/04/2016
7.	Menerima Lawatan Dari Saito College	25/04/2016
8.	Pertandingan Bercerita Bahasa Melayu Dan Bahasa Inggeris Peringkat Sekolah Rendah Di Petaling Jaya	11/05/2016
9.	Promosi Keahlian Perpustakaan Percuma Sempena Ulang Tahun MBPJ	20/06/2016
10.	Pertandingan Mewarna Sempena PJRC Powerboat Race	23/06/2016
11.	Kejohanan Catur Terbuka MBPJ	29/06/2016 – 30/06/2016
12.	Pertandingan Pidato Bahasa Melayu Dan Bahasa Inggeris Peringkat Sekolah Menengah Di Petaling Jaya	06/07/2016
13.	Menerima Lawatan Dari Pusat Perkembangan Kanak-Kanak Shalom, Seri Setia	24/07/2016
14.	Menerima Lawatan Dari Kakitangan Perpustakaan Hipermedia, Majlis Perbandaran Subang Jaya	26/08/2016
15.	Taklimat Kebakaran	09/09/2016
16.	Pameran Setem Persatuan Filateli Malaysia	14/09/2016 – 15/09/2016
17.	Ceramah Kesedaran Buah Pinggang	25/09/2016
18.	Ceramah Pencegahan Penyakit Kencing Manis	26/09/2016
19.	Ceramah Pendermaan Organ	27/09/2016
20.	Pemeriksaan Kesihatan Dengan Kerjasama Yayasan Buah Pinggang Malaysia	11/10/2016
21.	Menerima Lawatan Dari Tadika Izzatul Islamiyyah	12/11/2016

## Muzium Petaling Jaya

Bil.	Aktiviti / Program Yang Dijalankan	Tarikh
1.	Lawatan Kerja Ke Muzium Dan Galeri Seni Bank Negara Dan Arkib Negara	22/01/2016
2.	Pameran Patung "Kokeshi"	26/01/2016 – 25/04/2016
3.	Program Jom Melawat Muzium Siri 1	09/03/2016
4.	Bengkel Dan Pertandingan Seni Naïve Art	13/04/2016
5.	Pameran Seni Kraftangan Orang Asli	09/05/2016 – 09/08/2016
6.	Pertandingan Deklamasi Sajak Petaling Jaya	22/06/2016 – 23/06/2016
7.	Pertandingan Info Hunt Sempena PJRC Powerboat Race	23/06/2016
8.	Program Festival Antarabangsa Petaling Jaya	19/12/2016 – 22/12/2016



# Pusat Perkembangan Minda Kanak-Kanak (PPMK)

Bil.	Aktiviti / Program Yang Dijalankan	Tarikh
1.	Lawatan Sambil Belajar ke Muzium Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)	28/02/2016
2.	Lawatan Sambil Belajar Ke Kilang Roti Gardenia, Shah Alam	18/03/2016 – 19/03/2016
3.	Kuiz Perdana Kanak-Kanak PPMK	28/03/2016
4.	Program Kesihatan Pergigian Kanak-Kanak PPMK	28/03/2016
5.	Sukan Tahunan Kanak-Kanak PPMK	18/05/2016
6.	Aktiviti Teroka Gua Damai, Batu Caves	27/05/2016
7.	Lawatan Sambil Belajar ke Muzium Coklat, Kota Damansara	28/05/2016
8.	Lawatan Sambil Belajar ke Perpustakaan Awam Selangor	07/06/2016
9.	Hari Terbuka Kanak-Kanak PPMK	03/07/2016
10.	Sambutan Ihya' Ramadhan	19/07/2016
11.	Sambutan Hari Raya PPMK	22/08/2016
12.	Sambutan Hari Kemerdekaan	30/08/2016
13.	Projek Taman Bahasa	06/09/2016
14.	Projek Taman Sains Dan Matematik	06/09/2016
15.	Majlis Konvokesyen Kanak-Kanak PPMK	10/10/2016
16.	Lawatan Kerja Ke TASKA Pejabat Kerajaan Negeri Selangor	11/11/2016
17.	Taklimat Dan Latihan Kebakaran Bersama Anggota Bomba Dan Penyelamat	21/11/2016
18.	Lawatan Sambil Belajar Ke Taman Burung, Kuala Lumpur	04/12/2016
19.	Lawatan Sambil Belajar Ke Aquaria, KLCC	10/12/2016
20.	Program Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia	27/12/2016





# Jabatan Kawalan Bangunan

## Majlis Bandaraya Petaling Jaya



# Jabatan Kawalan Bangunan

Penstrukturkan semula organisasi Jabatan Kawalan Bangunan terbahagi kepada 3 bahagian dengan fungsi-fungsi yang ditetapkan iaitu :

## Bahagian Kawalan Pembangunan Dan Kelulusan

- Memproses dan meluluskan permohonan kelulusan pelan bangunan baru dan ubah suai bangunan berpandukan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- Memantau keperluan kemudahaksesan OKU dan keperluan GBI pada pelan-pelan bangunan baru.
- Memantau dan menyelenggara Sistem Pengurusan Fail Bangunan dan EDMS.
- Mengemas kini data-data GIS berkaitan Jabatan serta Laman Web Jabatan.
- Mengurus program tahunan dan program khas yang dianjurkan oleh Jabatan.

## Bahagian Kawalan Pembinaan Dan Penguatkuasaan

- Membuat pemantauan ke atas tapak-tapak pembinaan berpandukan Sistem CCC.
- Memproses permohonan pengeluarkan SKM / CFO dan SP.
- Membuat siasatan ke atas aduan-aduan yang diterima.
- Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas binaan tanpa kebenaran dan binaan melencong daripada pelan yang diluluskan di bawah peruntukan Seksyen 70, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan (Akta 133).

## Bahagian Kawalan Struktur Dan Keselamatan Bangunan

- Memproses kelulusan Permit sementara seperti permohonan mendirikan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi, struktur paparan iklan, bangunan sementara dan binaan sementara tapak bina.
- Membuat siasatan ke atas aduan yang berkaitan dan seterusnya mengambil tindakan penguatkuasaan.
- Memproses permohonan merobohkan bangunan.
- Memeriksa keselamatan struktur bangunan lebih 5 tingkat yang melebihi 10 tahun SKM dikeluarkan di bawah peruntukan Seksyen 85A, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan (Akta 133).
- Memantau projek-projek terbengkalai.

## Bahagian Reka Bentuk dan Pengurusan Program


- Menyediakan data dan kajian reka bentuk untuk bangunan Majlis agar setiap pembangunan Majlis yang dilaksanakan oleh Majlis sendiri telah mengambil kira semua aspek berkaitan dengan penetapan garis panduan yang diguna pakai oleh Majlis untuk pembangunan luar.
- Melaksanakan Anugerah Bangunan Ceria.
- Mengenal pasti lorong-lorong belakang yang boleh dinaik taraf untuk memberi imej kepada bandar dari aspek komersil dan nilai seni serta mewujudkan identiti kepada sesuatu kawasan.
- Merancang seminar/bengkel dan lawatan sambil belajar.
- Membuat lawatan berkala ke tapak supaya binaan tidak melencong dari garis panduan yang ditetapkan.

## Bahagian Kawalan Kualiti dan Strategik


- Menyediakan dasar, garis panduan dan strategik Jabatan yang terlibat dengan reka bentuk Bandar Petaling Jaya.
- Menambah baik dan menyediakan ISO dan SOP Jabatan.
- Memantau serta menambah baik dasar dan garis panduan sedia ada seperti penyediaan manual jabatan dan sebagainya.
- Mengumpul data dan menganalisis statistik bangunan yang melibatkan SPAH, OKU dan lain yang berkaitan dengan bangunan.
- Mengkoordinasi serta memantau projek-projek yang melibatkan universal design/ reka bentuk sejajar, pengurusan tenaga dan lain-lain yang berkaitan dengan bangunan.

## Kelulusan Pelan

Penerimaan Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan adalah sebanyak 1,578 permohonan




## Penerimaan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan / CCC



Kaedah pengeluaran CCC adalah tertakluk kepada permohonan-permohonan yang diterima selepas 14 April 2007. Jabatan Kawalan Bangunan telah menerima sebanyak 197 Sijil Pematuhan Dan Persiapan/ CCC (Borang F) telah diterima daripada pihak Principal Submitting Person (PSP) pada tahun ini.

# Pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (SKM/CFO) Dan Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan / Sijil Persiapan (SP)

Jabatan Kawalan Bangunan masih lagi mengeluarkan SKM/ CFO dan SP kepada permohonan-permohonan yang diterima sebelum pelaksanaan Sistem CCC. Sebanyak 14 SKM/ CFO telah dikeluarkan kepada bangunan-bangunan baru dan 3 SP kepada ubahsuaian bangunan.




## Tindakan Penguatkuasaan

Tindakan penguatkuasaan ke atas binaan tanpa kebenaran, binaan melencong dari pelan yang diluluskan dan kesalahan di tapak binaan di kawasan Majlis dijalankan di bawah peruntukan Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (AKTA 133) dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan dalam dokumentasi ISO 9001:2008.

Tindakan penguatkuasaan diambil berpandukan aduan yang diterima dan laporan lawatan pemantauan tapak binaan oleh Juruteknik. Jabatan Kawalan Bangunan mencatatkan penerimaan sebanyak 440 aduan berbanding tahun 2010 yang mencatatkan penerimaan aduan sebanyak 471 aduan. Pengurangan sebanyak 6%.

Sebanyak 15 operasi meroboh binaan tanpa kebenaran telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 dengan kerjasama jabatan-jabatan lain yang berkaitan seperti Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Kejuruteraan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia dan Tenaga Nasional.

## Notis-Notis Yang Dikeluarkan



## Program Dan Pencapaian Jabatan

### A. Retreat Jabatan Kawalan Bangunan

Program ini diadakan bagi menyusun semula senarai tugas dan tanggungjawab, sasaran kerja tahunan, perbincangan bagi mengukuhkan fungsi jabatan dan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara kakitangan jabatan ini.



## B. Anugerah Bangunan Ceria

- Anugerah Bangunan Ceria pada tahun 2016 tertumpu kepada pemberian dalam bentuk sumbangan cat dan bantuan wang ringgit sebanyak RM7,000.00 kepada 15 buah sekolah rendah di sekitar Petaling Jaya.
- Pencalonan sekolah-sekolah ini dibuat melalui kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor serta Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama.
- Ini merupakan kali kedua anugerah sebegini diadakan selepas kejayaan menjayakannya pada tahun 2012 yang diberikan kepada sekolah menengah sekitar Petaling Jaya.

## C. Bengkel Pelarasan Tindakan Penguatkuasaan Bersepadu


- Bengkel Pelarasan Tindakan Penguatkuasaan Bersepadu dengan jaya telah diadakan pada 13–14hb November 2016.
- Bengkel ini dihadiri oleh wakil Jabatan dalaman MBPJ dan luaran bagi merangka tindakan penguatkuasaan undang-undang secara bersepadu dan efektif.



## D. Penglibatan Jabatan Kawalan Bangunan Dalam PJ International Fair 2016

Jabatan Kawalan Bangunan telah membuka satu ruang pameran bagi mempromosi:-

- Vertical Landscape
- Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH)
- Hasil kraftangan daripada bahan terbuang
- Hidroponik



## E. Vertical Landscape And SPAH & Bangunan

- Vertical Landscape And SPAH @ Bangunan telah dirangka bagi memberi pengenalan kepada pelanggan-pelanggan Jabatan Kawalan Bangunan mengenai kebaikan Vertical Landscape dan juga Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH).
- Pengunjung dapat melihat sendiri dan belajar bagaimana dapat mereka membina Vertical Landscape dan juga Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) dengan menggunakan bahan-bahan murah dan terbuang.







# Jabatan Penguatkuasaan

## Majlis Bandaraya Petaling Jaya



# Jabatan Penguatkuasaan

Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan terdiri daripada lima (5) Bahagian untuk memperkasa aspek penguatkuasaan undang-undang yang diguna pakai di Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Bahagian-bahagian tersebut ialah :

- Bahagian Pentadbiran
- Bahagian Penguatkuasaan (Unit Operasi, Unit Lalu Lintas, Unit Flying Squad, Unit Taman, Unit Task Force dan Hiburan)
- Bahagian Pengurusan Am, Aduan dan CCTV (Unit Am, Unit CCTV dan Aduan 24 Jam)
- Bahagian Pengurusan Kompaun Berkomputer (Unit Pengurusan Kompaun Berkomputer, Unit Letak Kereta)
- Bahagian Keselamatan (Unit Keselamatan Majlis, Unit Keselamatan Swasta)

## Bahagian Pentadbiran

### Fungsi

- Mengemas kini urusan personel seperti cuti, kursus, laporan tatatertib, laporan kad perakam waktu dan lain-lain.
- Menyediakan laporan bulanan/tahunan penguatkuasaan untuk makluman Ketua Bahagian dan Majlis.
- Menyediakan/menyimpan fail-fail peribadi serta mesyuarat Bahagian/Majlis.
- Mengambil dan menyediakan minit mesyuarat Bahagian/Majlis.
- Mengurus buku wang panjar dan tuntutan wang panjar Jabatan.
- Mengawal pergerakan buku-buku kompaun dan buku notis.
- Menyelia pengambilan/pengeluaran surat-surat dalaman MBPJ.
- Mengurus kerja lebih masa dan elaun perbatuan pegawai dan anggota.
- Merancang perbelanjaan/peruntukan tahunan.
- Mengendalikan sistem fail mengikut standard pengekodan yang ditetapkan oleh Majlis.
- Menyediakan *local order* (L/O) untuk pembelian.
- Menyediakan *ledger listing* dari bahagian komputer.
- Mengemas kini rekod dan stok bekalan ke dalam komputer menggunakan sistem perbelanjaan yang disediakan.
- Memegang tanggungjawab ke atas semua urusan pembelian dan pengagihan bekalan mengikut peruntukan yang diluluskan.
- Menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan kenderaan Jabatan.
- Menguruskan peralatan perhubungan seperti walkie-talkie dan kamera yang diletakkan di kaunter berpusat (*one stop centre*).

## Bahagian Penguatkuasaan

### Fungsi

- Menguatkuasakan undang-undang yang diguna pakai oleh Majlis.
- Melaksanakan operasi mengikut perancangan seperti meroboh, sitaan, halangan, penjaja tanpa lesen, VCD/DVD dan sebagainya.

- Membuat rondaan dan melaksanakan tindakan kompaun, sitaan dan eskot di kawasan pentadbiran Majlis.
- Membuat kawalan keselamatan di majlis-majlis rasmi dan menjaga harta benda Majlis.
- Mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima oleh pihak Jabatan.
- Menjalankan operasi bersepada dengan agensi luar seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Imigresen Malaysia, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

## Bahagian Pengurusan Am, Aduan Dan CCTV

### Fungsi

- Mendapatkan dan mengumpul maklum balas semua aduan yang telah dikeluarkan untuk siasatan atau tindakan dan melaporkan kepada pihak yang berkenaan.
- Menyediakan laporan aduan bagi mesyuarat peringkat Bahagian atau Majlis serta bertanggungjawab merekod dan menyalurkan aduan kepada unit-unit terlibat mengenai semua jenis aduan.
- Mengendalikan alat perhubungan (radio set) untuk menyalurkan atau menerima maklumat berhubung dengan bidang tugas.
- Mengurus kenderaan Bahagian serta jadual lebih masa.
- Mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan barang sitaan.
- Mengurus tugas kawalan lalu lintas serta pengiring semasa acara-acara rasmi Majlis atau lawatan.
- Mengambil tindakan terhadap kesalahan lalu lintas, eskot belip serta membuat kawalan harta benda Majlis dan rondaan di kawasan pentadbiran Majlis.

## Bahagian Pengurusan Kompaun Berkomputer

### Fungsi

- Mengurus pengeluaran dan penerimaan alat *hand-held* kepada anggota.
- Sejumlah 50 unit alat *hand-held* digunakan untuk mengeluarkan kompaun mulai Julai 2001. Pada 29 Mac 2002, sejumlah 50 unit lagi alat *hand-held* telah ditambah. Faedah penggunaan *hand-held* :
  1. Menggunakan kaedah baru yang lebih efisien berbanding sistem manual.
  2. Menyediakan laporan dengan cepat dan mudah.
  3. Menyediakan laporan bergambar sebagai bahan bukti.
  4. Membolehkan notis peringatan dapat dikeluarkan tepat pada waktu yang ditetapkan.
  5. Membudayakan celik ICT di kalangan anggota.
- Menyediakan pengeluaran notis bagi kompaun tidak berbayar.
- Menyediakan borang pengaduan kes untuk tindakan mahkamah.
- Membuat semakan/carian R dan R.O.C serta penyediaan pemilikan kenderaan untuk kes mahkamah.
- Memproses bayaran kompaun melalui pos.
- Membuat carian terhadap 'OKK' jika dikenakan lebih 10 kompaun.
- Menjawab surat rayuan /bantahan/aduan orang awam.
- Mengemas kini bayaran kompaun/notis.
- Mengemas kini undang-undang kecil/akta yang diguna pakai oleh Majlis.

# Bahagian Keselamatan

## Fungsi

- Membuat kawalan keselamatan ke atas semua harta benda Majlis.
- Mengurus hal ehwal Bahagian Keselamatan termasuk menyediakan jadual tugas pengawal keselamatan di pos pengawal.
- Mengawasi disiplin dan tugas Pengawal Keselamatan Majlis.
- Membuat siasatan dalaman dan menyediakan laporan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini.
- Mengawal orang awam yang keluar/masuk pejabat serta kawalan trafik di Ibu Pejabat MBPJ dan Dewan Sivik serta membuat rondaan di waktu malam mengikut jadual bertugas yang disediakan.

## Pengeluaran Kompaun

Statistik pengeluaran kompaun mengikut kesalahan bagi tempoh Januari 2016 hingga Disember 2016 adalah seperti berikut:

BIL.	KESALAHAN	JUMLAH
1.	Tred	1,810
2.	UK Penjaja	1,587
3.	UK Taman	520
4.	Sek. 47, Akta 133	529
5.	Sek. 46, Akta 133	2,245
6.	UKPPPSS	80
7.	Iklan	1,474
8.	Trafik	60,226
9.	Lain-lain	13,893
Jumlah		82,364

Pengeluaran Notis Peringatan - 441,322 notis

## Pendaftaran Pengaduan Mahkamah

Tindakan kes untuk dibawa ke pengaduan mahkamah adalah seperti di bawah :

Bil	Bulan	Pengaduan	Pendaftaran	Sebutan Kes
1.	Jan	350	100	313
2.	Feb	350	235	237
3.	Mac	350	350	211
4.	April	350	140	491
5.	Mei	350	130	261
6.	Jun	350	96	322
7.	Julai	350	610	467
8.	Ogos	350	60	291
9.	Sept	350	86	302
10.	Okt	350	100	389
11.	Nov	350	99	224
12.	Dis	350	206	310
Jumlah		4,200	2,212	3,818



## Operasi Premis Hiburan, Pusat Siber, Pusat Kesihatan Dan Kecantikan

Tindakan penguatkuasaan terhadap pusat-pusat hiburan di kawasan Petaling Jaya seperti :

Pemeriksaan - 2,173 premis

Bil.	Jenis Aktiviti	Jumlah pemeriksaan premis	Kompaun
1.	Pusat Hiburan	350	73
2.	Pusat Snuker & Pool	92	29
3.	Pusat Siber dan Kafe Siber	941	140
4.	Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan	941	96
5.	Hotel	141	99
Jumlah Keseluruhan		2,173	437

Sitaan - 877 tindakan

Tangkapan - 202 orang

Tred - 15,393 premis

## Operasi CD/VCD/DVD

Tindakan rampasan CD/VCD/DVD sedang giat dijalankan di seluruh kawasan pentadbiran Majlis.

### Statistik Operasi Rampasan Tahun 2016

Bil.	Bulan	Jumlah Operasi
1.	Januari	-
2.	Februari	3
3.	Mac	1
4.	April	2
5.	Mei	2
6.	Jun	-
7.	Julai	-
8.	Ogos	-
9.	September	2
10.	Okttober	-
11.	November	-
12.	Disember	-
Jumlah		10

## Operasi Tunda Dan Kapit Roda Kenderaan

Tindakan tunda kenderaan dan kapit roda di tempat awam. Statistik operasi tahun 2016 adalah seperti berikut:

### Statistik Tunda

Bulan	Jumlah Kenderaan Ditunda	Jumlah Kapit Roda
Januari	309	313
Februari	470	530
Mac	552	627
April	328	378
Mei	393	311
Jun	446	309
Julai	297	390
Ogos	280	157
September	608	321
Oktober	542	249
November	450	196
Disember	359	108
Jumlah	5,034	3,889

## Operasi Penjaja Tanpa Lesen

Tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja tanpa lesen di kawasan Petaling Jaya termasuk di pasar pagi dan pasar malam. Statistik tindakan tahun 2016 adalah seperti berikut:

a.	Sitaan	3,913
b.	Kompaun	1,588

## Operasi Halangan

Tindakan terhadap halangan di tempat awam. Statistik tindakan tahun 2016 adalah seperti berikut:

a.	Pindah alih (Sitaan)	3,980
b.	Kompaun	3,056

## Operasi Ke Atas Iklan Tanpa Kebenaran

Tindakan penurunan iklan tanpa lesen telah dijalankan seperti pecahan berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Banner	8,628
2.	Bunting	106,212
3.	Bendera	12,132
4.	Lori sewa	35,213
5.	Pinjaman Wang	77,540
6.	Rumah	60,472
7.	Lain-Lain	51,073
	Jumlah	351,270



# Operasi Terhadap Pembuangan Sampah

Pihak Majlis telah melaksanakan kempen antikutu sampah. Unit ini bertanggungjawab memastikan tindakan diambil terutamanya di kawasan yang telah dizonkan sebagai kawasan bersih.

Bil.	Bulan	Jumlah Kompaun
1.	Januari	3
2.	Februari	9
3.	Mac	17
4.	April	12
5.	Mei	12
6.	Jun	11
7.	Julai	2
8.	Ogos	-
9.	September	-
10.	Oktober	-
11.	November	-
12.	Disember	-
Jumlah		66

## Pemantauan Ke Atas Taman-Taman Majlis

Pihak Jabatan juga membuat pemantauan di taman-taman Majlis bagi memastikan pengunjung taman mematuhi Undang-undang Kecil Taman 2007 semasa berada di taman-taman Majlis.

Lokasi

- Taman Jaya
- Taman Aman
- Taman Bandaran
- Taman Jalan PJS 10/4

Waktu bertugas (2 syif)

Bil.	Waktu	Masa
1.	Pagi	8.00 pagi – 5.00 petang
2.	Petang	3.00 petang – 12.00 tengah malam

Selain daripada itu, pihak Majlis menyediakan perkhidmatan penyewaan basikal bagi kemudahan pengunjung taman beriadah mulai Ogos 2011.



## Statistik Penyewaan Basikal

Bil.	Bulan	Jumlah sewaan
1.	Januari	53
2.	Februari	170
3.	Mac	134
4.	April	198
5.	Mei	141
6.	Jun	34
7.	Julai	34
8.	Ogos	35
9.	September	231
10.	Okttober	204
11.	November	165
12.	Disember	104
Jumlah		1,503

## Unit Pengurusan Kompaun

Bil.	Bulan	Notis Peringatan
1.	Januari	28,812
2.	Februari	30,717
3.	Mac	45,658
4.	April	50,408
5.	Mei	46,796
6.	Jun	32,903
7.	Julai	70,636
8.	Ogos	47,289
9.	September	26,080
10.	Okttober	33,877
11.	November	26,536
12.	Disember	730
Jumlah		440,442

## Unit Trafik

### Pengeluaran Kompaun Trafik

Bil.	Bulan	Jumlah Kompaun
1.	Januari	31,994
2.	Februari	30,815
3.	Mac	45,010
4.	April	49,081
5.	Mei	43,999
6.	Jun	41,403
7.	Julai	39,198
8.	Ogos	28,582
9.	September	32,896
10.	Okttober	30,237
11.	November	29,034
12.	Disember	20,854
Jumlah		423,103



# Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya

Program ini telah mula dilaksanakan pada 28 Julai 2011. Setiap Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga (RT) yang berdaftar dengan pihak Majlis dan melaksanakan program keselamatan penduduk boleh memohon bantuan sebanyak RM 5,000.00 daripada pihak Majlis. Program ini telah diletakkan di bawah PJ Safe yang merupakan program Bandar Selamat di kawasan Petaling Jaya.

## PJ Safe

Program PJ Safe Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya adalah merupakan pasukan rondaan keselamatan di kawasan kejiranan. Pihak Majlis memperuntukkan RM 5,000.00 kepada RT/RA yang aktif melaksanakan program rondaan keselamatan di kawasan komuniti penduduk. Manakala, program rondaan bersama pihak Polis Diraja Malaysia telah dilaksanakan pada 21 Disember 2016 yang melibatkan rondaan bersama di kawasan-kawasan Hot Spot setiap 3 kali seminggu. Kedua-dua program ini merupakan inisiatif pihak Majlis ke arah memastikan kawasan kejiranan selamat.

## Kawalan Keselamatan

Pihak Majlis juga bertanggungjawab memastikan harta benda Majlis yang melibatkan bayaran dan aset pada tahap yang selamat. Di samping itu, sebanyak 41 CCTV telah dipasang dan dipantau melibatkan kawasan dalam bangunan dan luar.

## Program Caring Enforcement

Caring Enforcement merupakan satu pendekatan yang mewujudkan oleh pihak Jabatan untuk menghimpunkan Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga (RT) dengan pengedaran risalah dan mengadakan publisiti seperti pameran bagi mewujudkan kawasan kejiranan yang selamat di kalangan penduduk sekitar Petaling Jaya.





# Jabatan Landskap

## Majlis Bandaraya Petaling Jaya



# Jabatan Landskap

Perkhidmatan Landskap adalah antara perkhidmatan teras yang disediakan oleh MBPJ untuk mewujudkan suasana persekitaran semulajadi dengan tumbuh-tumbuhan menghijau dan memastikan persekitaran bandarnya indah serta kondusif untuk didiami, bekerja dan beriadah.

Usaha mewujud dan mengekalkan persekitaran yang hijau untuk memberi manfaat kepada kehidupan penghuni Petaling Jaya menjadi fokus jabatan melalui aktiviti-aktiviti penghijauan bandar, perancangan dan kawalan pembangunan landskap di kawasan pemajuan baru serta menaik taraf kawasan sedia ada.

Penghijauan Bandar, Majlis mensasarkan pencapaian piawaian Dasar Perbandaran Negara untuk memperuntukkan 30% kawasan hijau dalam kawasan pentadbiran Petaling Jaya. Setakat ini rekod menunjukkan 15.9% (1,546 hektar) dari 97.2km persegi kawasan Petaling Jaya telah dicapai.

Selain dari penghijauan bandar, penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan riadah juga diberi perhatian oleh jabatan bagi memupuk minat dan menggalakkan amalan hidup sihat di kalangan penduduk Petaling Jaya melalui kegiatan riadah.

## FUNGSI

Dengan kekuatan 42 kakitangan dan 77 orang pekerja mahir dan separa mahir, Jabatan Landskap & Kehijauan Bandar ditadbir melalui empat bahagian dengan fungsi seperti berikut:

### A. BAHAGIAN PENTADBIRAN

Mengurus aktiviti pentadbiran, merancang, merangka dan menyelaras program pembangunan kemahiran kontraktor dan perkara-perkara yang berkaitan dengan maklumat jabatan dan perkhidmatan/hubungan dengan komuniti.

### B. BAHAGIAN PERANCANGAN DAN KAWALAN

Merancang, mengawal, memantau dan mengurus pembangunan landskap sejajar dengan kehendak akta / dasar / garis panduan landskap / perintah pemeliharaan pokok serta mengurus data dan maklumat landskap.


### C. BAHAGIAN KEMUDAHAN AWAM

Merancang, memantau dan mengurus pelaksanaan aktiviti pengindahan, pembangunan, menaik taraf dan menyelenggara kemudahan kawasan lapang.


### D. BAHAGIAN PENGHIJAUAN BANDAR

Merancang, memantau dan mengurus pelaksanaan perkhidmatan menyelenggara landskap, penanaman pokok, pengurusan tapak semaian serta perkhidmatan hiasan dan penyelenggaraan pokok teduhan dalam premis.


## Pecahan Peruntukan 2016



## Pecahan Terimaan Hasil 2016



# Pecahan Peruntukan Penyelenggaraan Landskap



## Aktiviti-Aktiviti Utama Jabatan

### BAHAGIAN PENGHIJAUAN BANDAR

#### Penyelenggaraan Landskap


Kontrak Penyelenggaraan Landskap melibatkan gabungan kerja penyelenggaraan pokok teduhan dan kawasan landskap. Ia meliputi penyelenggaraan rutin tanaman landskap di kawasan liputan, penyelenggaraan pejabat/tandas, pembersihan tasik, mencantas, memangkas, menebang, membongkar akar dan membersih pokok tumbang termasuk melupuskan hasil kerja.

Penyelenggaraan landskap perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan keadaan landskap yang kemas dan teratur serta memenuhi hasrat pembangunannya. Bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan menyelenggara landskap di Petaling Jaya, sebanyak 18 kontraktor telah dilantik secara kontrak berjadual. Setiap kontraktor perlu mengikuti kursus dan latihan yang berkaitan bagi memastikan ia mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik di Petaling Jaya.

Penyelenggaraan rutin tanaman hiasan dan pokok teduhan dilaksana mengikut jadual bagi mendapatkan pokok subur, pertumbuhan pokok yang seimbang keselamatan awam terjamin dengan tujuan mempastikan keadaan landskap Petaling Jaya kemas, cantik dan selamat.

Kontraktor juga bertanggungjawab untuk bersedia pada setiap masa sekiranya perkhidmatan mereka diperlukan ketika kejadian bencana alam.

## Statistik Tindakan Terhadap Aduan Penyelenggaraan Pokok Teduhan



## Perbandingan Statistik Aduan 2015 - 2016



# Program Penghijauan Bandar

Aktiviti penghijauan bandar dibuat secara berterusan bagi menunjukkan komitmen MBPJ untuk menghijaukan bandarnya dengan menanam pokok sebanyak yang mungkin. Menanam/menyulam pokok teduhan/mengindahkan kawasan strategik.

Sejumlah RM500,000 disediakan untuk tujuan penanaman pokok teduhan dan pokok-pokok hiasan di Petaling Jaya. Sebanyak 9,578 pokok teduhan daripada pelbagai spesis dan 143,083 lain-lain jenis tanaman telah berjaya ditanam.





## Penanaman Pokok Teduhan / Komposisi

Lokasi : SS4B, Petaling Jaya



Sebelum Penanaman



Selepas Penanaman

## Lokasi : PJS1/35, Petaling Jaya



Sebelum Penanaman




Selepas Penanaman

## Lokasi : Taman Jaya, Petaling Jaya



Sebelum Penanaman



Selepas Penanaman

## Penanaman Pokok Annual

- Pokok annuals untuk menceriakan kawasan jalan-jalan protokol.
- Penanaman 4 kali setahun sebanyak 12,500 batang pokok sekali penanaman

Lokasi : Ibu Pejabat MBPJ, Petaling Jaya



Sebelum Penanaman



Selepas Penanaman

Lokasi : Pulau-Pulau Jalan, Seksyen 52, Petaling Jaya



Lokasi : Jalan Timur, Seksyen 52, Petaling Jaya



Sebelum Penanaman



Selepas Penanaman

## Program Hiasan Dan Pengurusan Tapak Semaian

BIL	PROGRAM & AKTIVITI	PENCAPAIAN	SASARAN
PROGRAM PENGURUSAN TAPAK SEMAIAN / AKTIVITI HIASAN			
1.	Bekalan Benih & Pembibitan Pokok	34,819 pokok	35,235
2.	Perkhidmatan Hiasan	205 hiasan	235
3.	Sumbangan Anak Pokok & Benih Sulaman	17,434 pokok	17,985
4.	Penyelidikan Teknik & Teknologi Baru	2 Kali (Ujian Plot Tanaman)	2
5.	Khidmat Nasihat Hiasan Lanskap & Tanaman	9 Khidmat Nasihat Telah Diberikan	12
6.	Pengurusan Stor Dan Inventori Peralatan / Pokok	24 Kali	24 Kali

# Pengurusan Tapak Semaian

- Menyediakan anak benih pokok yang berkualiti.
- Menyediakan prasarana dan sistem pengurusan tapak semaian yang berkesan.
- Sumbangan anak pokok mengikut keperluan.
- Menyediakan perkhidmatan hiasan keraian.



# Hiasan Keraian



## Pengurusan Kawasan Lapang



Menyelenggara Perabot Taman (Hardscape)



Mengganti Peralatan Permainan Bersepadu



Menaik taraf Kawasan Lapang

## Kontrak Penyelenggaraan Kawasan Lapang

MBPJ menyediakan kelengkapan dan perabot landskap untuk keperluan riadah penduduk Petaling Jaya. Bagi memastikan kelengkapan tersebut sentiasa berkeadaan baik dan berfungsi serta selamat digunakan tujuh (7) kontraktor lain untuk menyelenggara perabot landskap dan peralatan taman bila-bila diperlukan dan 5 kerja inden dikeluarkan bagi menangani segera aduan kerosakan perabot taman. Perbelanjaan bagi menyelenggara perabot landskap keseluruhannya berjumlah RM1,490,355.72

## Projek Menaik Taraf, Membina Perabot Dan Kawasan Lapang



Jalan 17/34



Jalan 14/4



Jalan SS 22/37



Jalan PJS 10/24

Lokasi : Taman Tasik Komuniti, Kelana Jaya



Lokasi : Taman Aman, Petaling Jaya




Lokasi : Taman Jaya, Petaling Jaya



Lokasi : Padang Utara, Petaling Jaya



## Perbelanjaan Pengurusan Kawasan Lapang




# Perancangan Dan Kawalan Pembangunan Landskap

Penyediaan kawasan hijau yang mencukupi adalah penting bagi menjamin bandar raya Petaling Jaya diurus secara mampan. Ianya akan ditentukan melalui proses permohonan kelulusan landskap bagi setiap pembangunan baru. Jabatan Landskap & Kehijauan Bandar akan memastikan pihak pemaju memperuntukkan minima 10% dari keluasan pemajuan untuk penyediaan kawasan hijau di atas tanah bagi semua pemajuan kecuali kawasan Rancangan Kawasan Khas Sek. 13 sebanyak 15%. Syarat ini adalah bertujuan untuk menyediakan ruang penanaman pokok dan serapan air sebagai usaha MBPJ ke arah mewujudkan Petaling Jaya Bandar Berkarbon Rendah.

Kemudahan rekreasi pembangunan kediaman ditempatkan secara berpusat, di kawasan yang rata, berfungsi dan dilengkapkan mengikut hierarki berdasarkan piawaian 2 hektar kawasan lapang bagi setiap 1,000 penduduk seperti digariskan di dalam Manual Garis Panduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor dan Pelan Induk Landskap MBPJ. Kemudahan ini boleh disediakan di taman atas bumbung bagi pembangunan kediaman berbilang tingkat.

## Statistik Proses Permohonan Kelulusan Landskap



# Kempen Penanaman Pokok

Majlis telah berjaya menanam lebih 151,305 pokok melebihi sasaran penanaman 100,000 pokok setahun melalui Program Penghijauan Bandar, Kempen Penanaman Pokok Bersama Komuniti dan Program CSR oleh syarikat-syarikat korporat yang dilaksanakan di sekitar Petaling Jaya sepanjang tahun 2016.

PENCAPAIAN KEMPEN TANAM POKOK 2016												
	Pokok Utama (Bil)				Pokok Bunga Raya (Bil)				Pokok Lain-lain (Bil)			Jumlah Keseluruhan
	PBT	PEMAJU	NGO	Jumlah	PBT	PEMAJU	NGO	Jumlah	PBT	PEMAJU	NGO	Jumlah
SASARAN	5,000	14,000	1000	20,000	1,500	8,000	500	10,000	16,000	30,000	10,000	80,000
PENCAPAIAN	3,585	9,589	0	13,174	1,005	3,996	0	5,001	17,434	115,796	0	133,230
												151,305



Gambar-gambar sekitar Kempen Penanaman Pokok bersama Badan Korporat, Awam dan NGO

# Program Roadshow Taklimat Dasar Lanskap Negara Dan Manual Penilaian Karakter Lanskap Di Malaysia

Pada 17 Jun, 2016 MBPJ telah menjadi hos Program Roadshow Taklimat Dasar Lanskap Negara & Manual Penilaian Karakter Lanskap di Malaysia oleh Jabatan Lanskap Negara di Dewan Banquet, MBPJ. Program ini adalah untuk menyampaikan aspirasi negara dan memaklumkan bidang tugas semua peringkat pelaksanaan Dasar Lanskap Negara kepada jabatan-jabatan teknikal dari Selangor, Perak dan Negeri Sembilan.



# SEMAK STATUS PERMOHONAN

SELF CHECKING SYSTEM

## OBJEKTIF

- ✓ MEMUDAHKAN ORANG AWAM UNTUK SEMAK STATUS PERMOHONAN
- ✓ MEMUDAHKAN PEMERINTAHAN PERCERAIAN DAN KEMBALIAN MASA LINAWAT SEMAKA JIKA HADIAH DENGANKAJAI AIR ATAU PENGARAH
- ✓ LEBIH TELUS

## PELAKSANAAN SELF CHECKING SYSTEM PERMOHONAN

Semakan status oleh pemohon

## PELAKSANAAN SELF CHECKING SYSTEM PERMOHONAN

Tracking permohonan oleh Pegawai dan kakitangan

## PELAKSANAAN SELF CHECKING SYSTEM AKTIVITI DI PREMIS

MENGGUNAKAN PELEKAT PREMIS

Semakan aktiviti di lesen pengangkutan orang awam/ranau/kereta pengangkut

## JOM BAYAR LESEN PENJAJAH 2018

JADUAL KALIN TER BERGERAK

NOVEMBER 2017

PASAR MALAM 55/2/60, 55/2/61	13 Nov 2017
PASAR MALAM MEDAN 3	15 Nov 2017
PASAR AWAM OLD TOWN	18 & 19 Nov 2017
PASAR MALAM SEKSYEN 17/1A	21 Nov 2017
PASAR MALAM DATO HARUN	23 Nov 2017
PASAR MALAM JLN. SS24/8 TMN. HEGAH	25 Nov 2017
	28 Nov 2017



# Jabatan Pelesenan

## Majlis Bandaraya Petaling Jaya



# Jabatan Pelesenan

Jabatan Pelesenan MBPJ (dahulunya dikenali Bahagian Pelesenan MBPJ) telah dinaik taraf ke peringkat Jabatan bermula pada bulan Februari 2015. Jabatan ini dipacu oleh pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada:

1. Kumpulan A - 1 orang
2. Kumpulan B - 14 orang
3. Kumpulan C - 26 orang
4. Kumpulan D - 6 orang

Jabatan Pelesenan terdiri daripada 4 bahagian iaitu :

1. Bahagian Pelesenan Tred
2. Bahagian Pelesenan Penjaja
3. Bahagian Pentadbiran & Kewangan
4. Bahagian Inspektorat

## OBJEKTIF JABATAN

1. Menguruskan pengeluaran lesen secara efisien bagi meningkatkan hasil Majlis.
2. Mengawal selia dan mengatur perniagaan dan industri melalui nilai-nilai bandar raya mampan.

## FUNGSI JABATAN

1. Menguruskan pengeluaran dan pembaharuan pelbagai lesen dan permit berdasarkan punca kuasa yang ada.
2. Menguruskan pengeluaran dan pembaharuan lesen-lesen gerai, pasar dan pasar malam yang meliputi proses-proses bincian dan temuduga.
3. Memantau dan mengutip tunggakan sewa gerai-gerai dan pasar awam milik Majlis.
4. Mengambil tindakan ke atas kesemua keputusan mesyuarat sama ada melulus, menolak, menangguh dan membatalkan lesen-lesen.
5. Melaksanakan dasar-dasar, pekeliling kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi permohonan baru lesen.

## PIAGAM PELANGGAN

1. Memastikan lesen perniagaan yang tidak kritikal/berisiko yang telah lengkap dikeluarkan serta-merta.
2. Memastikan lesen perniagaan yang kritikal dan berisiko dikeluarkan selepas kelulusan mesyuarat dan ulasan daripada agensi yang berkaitan diperolehi.
3. Memastikan proses temuduga dijalankan sebelum lesen penjaja dikeluarkan sekiranya terdapat kekosongan unit gerai/petak/pasar.
4. Memastikan maklum balas berkaitan aduan diberi dalam tempoh 24 jam.
5. Memastikan semua lesen yang diluluskan diperiksa untuk pengesahan.



# Bahagian Pelesenan TRED

Bahagian Tred terdiri daripada 4 unit iaitu:

1. Unit Lesen Serta-Merta
2. Unit Lesen Kritikal
3. Unit Lesen Berisiko
4. Unit Iklan

## Unit Lesen Serta-Merta

Unit Ini diketuai oleh 1 orang Penolong Pegawai Tadbir dan 5 orang Pembantu Tadbir.

Fungsi-fungsi unit ini ialah:

1. Bertanggungjawab memproses permohonan lesen serta-merta, permit sementara dan iklan yang meliputi aktiviti menyemak dokumen, membuka fail, mendaftar maklumat ke dalam sistem pelesenan, penyediaan bil bayaran dan mencetak lesen.
2. Menyediakan laporan/kertas kerja permohonan baru lesen tred serta-merta bagi kelulusan Pihak Berkuasa Melesen.
3. Menyediakan surat-menjurat berhubung dengan lesen tred serta-merta.
4. Mengemas kini maklumat yang diterima daripada Bahagian Inspektorat setelah pemeriksaan premis di tapak dibuat.
5. Mengumpul ulasan-ulasan daripada Jabatan Teknikal untuk proses permit sementara.
6. Memproses permohonan tambahan iklan, tambahan aktiviti perniagaan dan pindaan butir-butiran pada lesen.
7. Memproses permohonan permit-permit iklan sementara.

## Unit Lesen Kritikal

Unit Ini diketuai oleh 1 orang Penolong Pegawai Tadbir dan 3 orang Pembantu Tadbir.

Fungsi Unit Lesen Kritikal meliputi:

1. Bertanggungjawab memproses permohonan lesen sementara, dan iklan sementara yang meliputi aktiviti menyemak dokumen, membuka fail, mendaftar maklumat ke dalam sistem pelesenan, penyediaan bil bayaran dan mencetak lesen.
2. Lesen yang dikategorikan sebagai kritikal ialah lesen-lesen yang memerlukan ulasan teknikal dalaman mahupun luaran sebelum lesen boleh dikeluarkan. Aktiviti lesen pada kategori ini ialah aktiviti yang mungkin memberikan impak kepada masyarakat sekeliling. Antara contoh lesen ialah seperti aktiviti taska, pusat tuisyen, pusat jagaan, kolej, pengilangan, bengkel kereta, cuci kereta dan lain-lain.
3. Menyediakan surat-menjurat berkaitan Unit Lesen Kritikal.
4. Mengumpul ulasan-ulasan teknikal.

Sumber kuasa utama yang digunakan oleh unit ini ialah Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan & Perindustrian MBPJ (2007), Undang-Undang Kecil Hotel MBPJ (2007). Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian MBPJ (2007).



#### **Unit Lesen Berisiko**

Unit Ini diketuai oleh 1 orang Penolong Pegawai Tadbir Kanan dan 5 orang Pembantu Tadbir.

##### **Fungsi-fungsi:**

1. Unit Lesen Berisiko bertanggungjawab memproses permohonan lesen sementara, kad akuan serta iklan yang meliputi aktiviti menyemak dokumen, membuka fail, mendaftar maklumat ke dalam sistem, penyediaan bil bayaran, mencetak lesen serta lain-lain. Lesen yang dikategorikan sebagai berisiko ialah Lesen Establisymen Makanan, Lesen Hiburan, Lesen Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan, Lesen Pusat Siber.
2. Melaksanakan dasar, pekeliling kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi permohonan baru lesen iklan.
3. Menyediakan surat-menyurat berhubung lesen-lesen kritikal.
4. Mengemaskini maklumat-maklumat yang diterima daripada Bahagianan Inspektorat dan Jabatan Kesihatan Persekitaran.
5. Memproses permohonan tambahan iklan, tambahan dan pengurangan aktiviti perniagaan dan pindaan butiran pada lesen.

Sumber kuasa utama yang digunakan oleh unit ini ialah : UUK Establisymen Makanan (MBPJ) 2007, UUK Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (MBPJ) 2007, UUK Pusat Siber Dan Kafe Siber (MBPJ) 2007, Enakmen Hiburan Dan Tempat Hiburan Negeri Selangor 1995.

#### **Unit Iklan**

Unit Ini diketuai oleh 2 orang Penolong Jurutera dan 2 orang pembantu tadbir.

##### **Fungsi-fungsi:**

1. Unit iklan bertanggungjawab memproses permohonan lesen iklan, iklan tambahan, permit sepanduk dan kain rentang serta iklan luaran seperti tanda langit., iklan setiang, dua tiang, pylon, wall wrap dan lain lain lagi.
2. Melaksanakan dasar, pekeliling kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi permohonan baru lesen iklan.
3. Menyediakan laporan, kertas kerja, fail permohonan-permohonan lesen atau permit bagi ulasan Jabatan Teknikal menerusi Unit Pusat Setempat Mini di Jabatan Pelesenan.
4. Menyediakan inventori lesen-lesen iklan luaran.

## **Bahagian Penjaja**

Bahagian Penjaja memainkan peranan sebagai urus setia dalam pengurusan penjaja di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Tugas utama Bahagian ini ialah memproses dan mengeluarkan permit penjaja dan mengeluarkan notis tunggakan sewa.

Bahagian ini diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir dan 6 orang pembantu tadbir yang dibahagikan kepada 3 unit iaitu:

1. Unit Gerai
2. Unit Pasar
3. Unit Permit Sementara



Antara lesen dan permit penjaja yang diuruskan ialah:

1. Gerai Kompleks
2. Gerai Tepi Jalan
3. Pasar Awam
4. Pasar Pagi
5. Pasar Malam
6. Pasar Tani/ Minggu
7. Penjaja Bergerak
8. Mesin Air
9. Permit Penjaja Sementara Bermasa
10. Permit Bazar Ramadan
11. Permit Tahun Baru Cina
12. Permit Penjaja Sementara Bermusim
13. Permit Penjaja Sementara Stadium
14. Permit Penjaja Sementara Musim Haji

Jenis Penjaja	Bilangan Penjaja
Gerai Majlis	821
Gerai Swasta	205
Gerai Tepi Jalan	433
Pasar Awam	872
Pasar Pagi	471
Pasar Minggu	182
Pasar Tani	372
Pasar Malam	7,780
Penjaja Bergerak	37
Jumlah	11,173

Bilangan lesen penjaja 2016

Pencapaian Tahunan Bahagian Gerai/Pasar, Unit Penjaja Dari Tahun 2015 Hingga Disember 2015.

Perkara	Bilangan
Sesi temuduga yang telah dijalankan	13
Lokasi gerai yang telah dibuat temuduga	68
Surat tawaran yang telah dikeluarkan	270
Sesi cabutan undi yang telah dijalankan	9

### Jenis-Jenis Permit Penaja

Unit Ini terdiri daripada 7 orang Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan yang bertanggungjawab memeriksa permohonan-permohonan lesen di tapak. Pemeriksaan dipecahkan kepada 3 kategori utama iaitu:

1. Lesen Kritikal
2. Lesen Berisiko, dan
3. Lesen Serta-Merta

## Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan

Fungsi Bahagian Pentadbiran dan Kewangan ialah menguruskan hal-hal pentadbiran dan kewangan Jabatan seperti:

1. Pengurusan Mesyuarat
2. Pengurusan Fail
3. Pengurusan Sumber Manusia
4. Pengurusan Logistik
5. Pengurusan Kursus, Retreat & Lawatan
6. Pengurusan Kewangan
7. Pengurusan Kualiti melibatkan ISO, APPC, STAR RATING & KIK
8. Hal ehwal kebajikan kakitangan

### Jenis-Jenis Permit Penaja

## Laporan Pengeluaran Lesen

Laporan Pengeluaran Lesen-lesen Tred, Iklan, Hiburan Dan Anjing

Pada tahun 2016 sebanyak 7,861 lesen baru telah diluluskan seperti berikut:

Jenis Lesen	Lesen Yang Diluluskan 2016
Tred (Perniagaan)	4,164
Iklan (Papan Tanda Perniagaan)	2,843
Iklan Luaran	0
Hiburan	9
Anjing	845
Jumlah	7,861



Sehingga tahun 2016, jumlah lesen terkumpul yang diluluskan dan masih aktif ialah sebanyak 31,982 unit seperti ringkasan di jadual berikut:

Jenis Lesen	Jumlah Keseluruhan Lesen Pada Tahun 2016
Tred (Perniagaan)	14,325
Iklan (Papan Tanda Perniagaan)	9,043
Iklan Luaran	221
Hiburan	226
Anjing	8,167
Jumlah	31,982

## Laporan Kutipan Lesen

Pada tahun 2016, jumlah keseluruhan kutipan lesen adalah sebanyak RM 20.326 juta merangkupi kesemua jenis lesen permit, sewa dan hasil-hasil lain seperti borang dan caj proses seperti berikut:

Perkara	RM
Tred - Pembaharuan Lesen (Kekal)	10,306,924.00
Tred - Permohonan Baru Lesen (Kekal)	4,526,973.00
Tred - Permohonan Baru Lesen (Sementara)	1,424,631.25
Penjaja - Lesen	783,754.00
Penjaja - Sewa	3,052,214.41
Caj Pemprosesan	191,405.00
Jualan Borang, Plet Lesen, Pelekat Premis, Caj Proses Permit, Pendapatan Runcit Dan Yuran Pendaftaran Seminar	413,550.10
Kad Akaun	12,400.00
(-) Lesen Yang Dibatalkan	(385,813.00)
Jumlah	20,326,038.76

Kutipan hasil lesen dan lain-lain hasil bagi tahun 2016

# Laporan Pembaharuan Lesen 2016

## Laporan Pengeluaran Lesen Tred, Iklan, Hiburan Dan Anjing

Kesemua pemegang lesen di kawasan MBPJ perlu memperbaharui lesen pada 31 Disember setiap tahun melainkan aktiviti yang terdapat di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MBPJ) 2007. Pihak Jabatan Pelesenan telah menghantar notis pembaharuan lesen pada 1 Oktober 2016. Mulai tahun 2011 Jabatan Pelesenan telah memperkenalkan konsep caj proses lewat memperbaharui lesen. Melalui konsep ini kesemua lesen yang tidak diperbaharui sehingga 31 Disember tahun semasa akan ditangguhkan pada 1 Januari tahun berikutnya. Bagi mengaktifkan semula akaun berkenaan caj sebanyak RM 50 akan dikenakan. Sekiranya pengaktifan dibuat selepas 1 Mac tahun berikutnya caj sebanyak RM 300 akan dikenakan dan sekiranya pembaharuan masih tidak dibuat sehingga 1 Julai tahun berikutnya lesen akan dibatalkan.

Bagi menggalakkan dan memudahkan orang ramai memperbaharui lesen. Beberapa inisiatif telah dijalankan antaranya ialah:

- Pembayaran lesen secara online di url <http://eps.mbpj.gov.my>.
- Membuka kaunter pembaharuan lesen pada sepanjang bulan Disember 2016 termasuk cuti umum.
- Membuka kaunter-kaunter bergerak di kompleks membeli-belah dan gerai-gerai Majlis.

Jenis Lesen	Jumlah Pembaharuan Lesen 2016
Tred (Perniagaan)	9,040
Iklan (Papan Tanda Perniagaan)	8,444
Iklan Luaran	214
Hiburan	67
Anjing	1,548
Jumlah	19,313

Jumlah pembaharuan lesen 2016 yang dibuat pada musim pembaharuan lesen sepanjang 1 Oktober 2016 sehingga 31 Disember 2016.

## Lain-Lain Aktiviti

### Retreat Jabatan Pelesenan

Setiap tahun Jabatan akan mengadakan retreat bertujuan memberi pendedahan kepada warga kerja jabatan berhubung dasar-dasar baru yang dikeluarkan oleh Majlis, kerajaan Negeri dan Persekutuan. Antara dasar yang perlu diambil perhatian semasa pembaharuan lesen 2016 ialah:

- Lesen tidak boleh diperbaharui selagi kebenaran merancang tidak diluluskan.
- Menentukan susun atur kaunter semakan dan bayaran semasa pembaharuan lesen 2016.
- Lesen berisiko perlu dibuat pemeriksaan bersepadu sekiranya terdapat pelanggaran syarat-syarat lesen.
- Mengenakan cagaran bagi aktiviti pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan.
- Tolak cagaran sekiranya berlaku pelanggaran syarat bagi aktiviti berisiko seperti pusat hiburan, pusat kesihatan dan pusat siber.
- Memperkenalkan "Self Checking System" di mana pemohon boleh menyemak status lesen dengan sendiri.



Selain itu, mendidik warga kerja Jabatan Pelesenan supaya mahir dalam menguruskan orang awam yang memohon lesen dan menjadi warga kerja yang cemerlang dalam membudayakan penyampaian perkhidmatan yang telus dan cekap.

#### [\*\*Bengkel Penambahbaikan SOP Pengeluaran Lesen Premis Minuman Keras Dan Pembatalan Lesen Perniagaan\*\*](#)

Bengkel membincangkan mengenai SOP berkenaan pengeluaran lesen memborong dan menyimpan minuman keras dan mendapat kerjasama Pejabat Tanah dan Daerah Petaling serta PBT-PBT Selangor. Reengineering pengeluaran lesen berisiko telah diadakan di Hotel Royal Chulan pada 7 April 2016:

Bengkel ini membincangkan mengenai:

1. SOP berkenaan pengeluaran lesen memborong dan menyimpan minuman keras.
2. Mengambil amalan pengeluaran lesen oleh PBT-PBT lain dan pejabat tanah dan daerah yang lain.
3. Membincangkan mengenai SOP pengeluaran lesen perniagaan.

Bengkel yang diadakan di Hotel Royale Chulan yang disertai oleh wakil Pejabat Tanah Petaling dan wakil PBT-PBT Selangor.

#### [\*\*Bengkel Perlaksanaan Pemberian Insentif 10% Kepada Kakitangan Majlis Bagi Kutipan Hasil-Hasil Lesen Perniagaan Dan Iklan Di Kawasan Petaling Jaya\*\*](#)

Retreat bengkel telah diadakan di Hotel Grand Bluewave Shah Alam pada 2, 3 dan 4 November 2016.

Perkara-perkara yang dibincangkan:

1. SOP pemotongan cagaran lesen berisiko seperti hiburan, pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan.
2. Kerjasama dengan unit ICT bagi membolehkan pihak jabatan membuat pemotongan cagaran menerusi sistem.
3. Membincangkan mengenai pengeluaran lesen vape (rokok elektronik)
4. Reengineering SOP permohonan lesen penjaja, pertukaran hak milik lesen penjaja dan cagaran penjaja.

#### [\*\*Bazar Ramadan Bebas Sampah 2015\*\*](#)

Pengedaran sampel bekas makanan biodegradeable di Bazar Ramadan Kota Damansara

Kesinambungan daripada konsep bazar ramadan mampan tahun 2014, pada tahun 2016 tema baza ramadan ialah 'bazar ramadan bebas sampah'. Antara kriteria baru yang diperkenalkan pada bazar ramadan kali ini ialah :

- Pengasingan kategori jualan kepada:
  - a. Makanan
  - b. Minuman
  - c. Makanan bakar
- Pengasingan ini dibuat pada skala 1:3 iaitu 1 minuman dan 3 makanan.
- Pada tahun 2016 juga satu pertandingan dibuat bagi menggalakkan orang awam menggunakan bekas makanan sendiri daripada rumah. Pelanggan yang didapati hadir membawa bekas makanan sendiri di kawasan Seksyen 17 dan Kota Damansara akan diberikan hadiah. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan pemantauan petugas yang ditempatkan di lokasi.
- Bagi kategori peniaga pula, peniaga yang menggunakan bekas biodegradeble akan dipilih sebagai pemenang bazar terbaik setelah mengambil kira faktor-faktor lain seperti kebersihan.



# Inovasi 2016


## Ulasan Teknikal Setempat

Jabatan Pelesenan sentiasa memikirkan cara bagi mempercepatkan proses kelulusan lesen-lesen perniagaan. Bermula tahun 2016 konsep baru telah diperkenalkan iaitu ulasan teknikal setempat yang diadakan pada setiap hari Selasa di Jabatan Pelesenan. Pada setiap hari Selasa, wakil-wakil Jabatan teknikal diminta memberikan ulasan teknikal di Jabatan Pelesenan tanpa memerlukan fail berkenaan bergerak keluar dari Jabatan Pelesenan. Ulasan teknikal setempat pada setiap hari Selasa.

## Sistem Semakan Sendiri Status Permohonan Lesen 'SCS'

Susulan daripada bengkel yang telah diadakan di Hotel Grand Bluewave Shah Alam, Jabatan Pelesenan dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat MBPJ telah menambah fungsi pada sistem PJIS Majlis sedia ada supaya membenarkan pemohon lesen menyemak sendiri status pergerakan permohonan lesen sementara dan kad akuan mereka. Semakan boleh dibuat menerusi url <http://eperkhidmatan.mbpj.gov.my/elesen>

Menerusi sistem ini juga sejarah pergerakan sesuatu permohonan boleh dilihat.



Semakan status permohonan dan 'tracking' dalam sistem oleh pengguna pelesenan





# Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

## Majlis Bandaraya Petaling Jaya




# Pengurusan Sisa Di Petaling Jaya

## Bahagian Kawalan Pembangunan


Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam merupakan fungsi asas pihak berkuasa tempatan. Pada peringkat awal, sisa pepejal di Petaling Jaya diuruskan oleh Unit Kawal Selia, Jabatan Kesihatan Persekutuan sejak 1 Julai 1998 susulan daripada penswastaan pengurusan sisa pepejal secara interim oleh Alam Flora Sdn. Bhd. Bermula pada 1 Ogos 2011, Unit Kawal Selia telah ditukar nama kepada Bahagian Perkhidmatan Bandar, Jabatan Kesihatan Persekutuan sebagai kesinambungan daripada proses pengambilalihan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan setiap PBT di Selangor untuk menubuhkan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam secara pentadbiran sebelum 1hb Oktober 2014 bagi mengendalikan urusan berkenaan sisa pepejal dan pembersihan awam dikawasan masing-masing. Selaras dengan arahan Kerajaan Negeri, Bahagian Perkhidmatan Bandar telah dikeluarkan daripada Jabatan Kesihatan Persekutuan dan dinaiktaraf sebagai sebuah jabatan dan pada Februari 2015, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ telah ditubuhkan.



# Carta Organisasi JPSPPA

Program 2016 - Earth Hour Night Walk 2016



Program Earth Hour Night Walk 2016 telah diadakan pada 19 Mac 2016 bertempat di Dataran Petaling Jaya. Tahun 2016 merupakan tahun ke-2 program ini diadakan bersama WWF Malaysia. Earth Hour Night Walk merupakan acara sambutan Hari Earth Hour yang bertujuan meraikan inisitif penjagaan alam sekitar dan perubahan iklim melalui menutup lampu selama 1 jam bermula jam 8.30 malam hingga 9.30 malam. Perlaksanaan program ini adalah selaras dengan pelan Sustainable PJ 2030 dan sumbangan MBPJ sebagai Pemenang EHCC National Earth Hour Capital bagi tahun 2015. Acara ini telah dirasmikan oleh Datuk Menteri Besar Selangor dan telah dihadiri seramai 3,000 peserta yang telah berjalan sejauh 5 km di sekitar pusat bandar Seksyen 52.



## Program 2016 - Pelancaran Program Kitar Semula Petaling Jaya

Majlis pelancar kitar semula MBPJ telah diadakan pada 30 Mei 2016 di pusat kitar semula Taman Jaya PJ. Majlis ini telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya. Program kitar semula MBPJ adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat Petaling Jaya berkenaan kitar semula sisa di samping akan mengurangkan pelupusan sampah ke tapak pelupusan. MBPJ telah menjalankan projek perintis kitar semula di 5 kawasan di Petaling Jaya yang melibatkan kawasan PJS 1, Seksyen 11, seksyen 16, Kg. Sg. Kayu Ara dan SS20. Selain itu, MBPJ turut menyediakan Pusat kitar Semula di Taman Jaya. Dengan adanya pusat kitar semula ini, penduduk boleh menghantar barang-barang kitar semula mereka dengan mudah dan berpusat. Pusat ini akan dibuka pada setiap Isnin hingga Jumaat (11 pagi – 3 petang) dan pada hari Ahad (10 pagi – 1 petang) minggu pertama dan ke-3 setiap bulan.



## Anugerah Earth Hour City Capital City Award 2016 Oleh Wwf



## Program 2016 - Majlis Penyampaian Anugerah Earth Hour City Challenge 2016

WWF International telah memilih Petaling Jaya sebagai pemenang bagi Anugerah Earth Hour City Challenge 2016 di atas usaha-usaha Petaling Jaya dalam menjadikan bandaraya ini sebuah bandaraya yang mampan dan berdayahuni. Usaha-usaha yang telah dilaksanakan kesemuanya adalah selaras dengan inisiatif Low Carbon Green City of PJ demi mencapai sasaran PJ Sustainable 2030.

Dengan anugerah EHCC ini, bandaraya Petaling Jaya juga setaraf dengan bandar-bandar lain di dunia yang berdayahuni serta aktif menangani isu perubahan iklim. Majlis penyampaian hadiah peringkat Malaysia telah diadakan pada 28 September 2016 oleh WWF Malaysia dan MBPJ telah dijemput untuk menerima anugerah ini bagi peringkat antarabangsa di Quito Equador pada 16 Oktober 2016 bersempena persidangan UN-Habitat III.



## Program 2016 - Pj Ecomobility Treasure Hunt

PJ Ecomobility Treasure Hunt merupakan satu acara yang diadakan untuk meningkatkan kesedaran komuniti tempatan berkenaan kepentingan berjalan, berbasikal dan menggunakan kenderaan awam bagi perjalanan first mile to last mile. Acara ini telah diadakan dengan kerjasama MBPJ, RapidKL, CETDEM dan Ahli Majlis Zon 20.

Acara ini telah diadakan pada 3 Disember 2016 di Taman Aman dimana peserta dikehendaki menyelesaikan klu di sekitar Petaling Jaya dengan menaiki pengangkutan awam. Seramai 100 peserta telah menyertai acara ini. Setiap peserta dibahagikan kepada 10 kumpulan dan setiap kumpulan dikehendaki membuat bendera kumpulan masing-masing. Acara ini berakhir dengan sesi penyampaian hadiah pada pukul 12 tengahari.



## Program 2016 - Pelancaran Kg Selamat Ke Arah Kampung Yang Bersih

Majlis Pelancaran Kampung Selamat Ke Arah Kampung Yang Bersih telah disempurnakan oleh Tuan Johary bin Anuar, Timbalan Datuk Bandar pada 4 Disember 2016. Turut hadir Encik Shatiri bin Mansor, Ahli Majlis Zon 3, En. Lee Lih Shyan, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam serta penduduk-penduduk Kampung Selamat. Kampung Selamat telah dipilih kerana komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh masyarakat setempat ketika proses perundingan diadakan bagi menjayakan impian penduduk dan majlis ke arah kampung yang bersih dan hijau. Usaha ini penting selaras dengan fokus utama Majlis menjadikan Petaling Jaya sebuah bandaraya bersih.



## Program 2016 - Skim Rebat Cukai Taksiran Petaling Jaya

Tahun	2011	2012	2013	2014	2015	2016	Jumlah
Jumlah permohonan	49	71	106	152	148	123	649
Permohonan layak	49	65	97	142	135	111	599
Permohonan tidak layak	0	6	9	10	13	12	50
Rebat 100%	13	16	24	37	18	14	122
Rebat RM500	9	2	13	20	17	7	68
Rebat lain-lain	27	47	60	85	100	90	409

## Program Kesedaran Sepanjang Tahun 2016



3 Jun 2016 - Edaran baja kompos sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2016.



3 April 2016 – Pameran sempena Program Mesra Rakyat MBPJ DUN Seri Setia.



22 Mei 2016 – Pameran sempena Karnival Mesra Rakyat MBPJ DUN Kg.Tunku.



5 Disember 2016 – Pameran pusat pengkomposan sisa makanan SS2 di Petaling Jaya Waste Summit 2016.



24 April 2016 – Roadshow inisiatif hijau bersama persatuan penduduk SS20.



Jun 2016 – Pengagihan baja kompos percuma sempena program bazar ramadan mampan.



9 November 2016 – Lawatan teknikal pusat pengkomposan Kulim.



9 Nov 2016 – Lawatan teknikal pusat pengkomposan Bagan Ajam P.Pinang.

## Program Kesedaran Sepanjang Tahun 2016



2 Okt 2016 – Roadshow inisiatif hijau di Desa Mentari PJS 5



21 Feb 2016 – Forum Low Carbon City Frameworks Kg. Selamat Ke Arah Bersih dan Hijau



Disember 2016 – Pembukaan Pusat Pengkomposan Sisa Makanan SS2



20-22 Okt 2016 – Pameran inisiatif hijau di Selangor International Expo 2016



23 Julai 2016 – Program Greenathon SMK Damansara Utama



8 Okt 2016 – Program pendidikan penjagaan sungai Penchala di Desa Mentari PJS 5



15 Okt 2016 – Lawatan persatuan penduduk ke tapak pelupusan Jeram



8 Okt 2016 – Pameran inisiatif hijau di Hari Terbuka Persatuan Penduduk SS25.

## Program 2016 - Pj Waste Summit 2016


YBhg. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain, Datuk Bandar telah merasmikan Persidangan PJ Waste Summit 2016 yang bertemakan 'S.I.S.A - Sisa Ialah Satu Aset' pada 5 Disember 2016. Persidangan telah dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis, wakilwakil agensi kerajaan, kontraktor pembersihan, Persatuan Penduduk serta Rukun Tetangga di PJ. 5 individu telah dianugerahkan sebagai UNSUNG HERO diatas komitmen mereka dalam menjaga kebersihan dalam pengurusan sisa pepejal, 3R dan Low Carbon City. Anugerah Kontraktor Cemerlang Bagi Tahun 2016 telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor mengikut 6 kategori iaitu Gabungan Pembersihan Awam & Lanskap (GPL), Kutipan Sisa Domestik, Pembersihan Awam, Pembersihan Jalan Protokol, Penurunan Iklan Haram dan Pembersihan Longkang Besar.

Walaubagaimanapun tiada pencalonan bagi kontraktor Perkhidmatan Longkang Besar pada tahun ini. Berikut adalah kontraktor yang telah menerima anugerah bagi ; 1. Gabungan Pembersihan Awam & Lanskap (GPL) - SYARIKAT MZAR GEMILANG RESOURCES 2. Pembersihan Awam - SUPIAN RESOURCES 3. Pembersihan Jalan Protokol - NTE TRADING SERVICES 4. Kutipan Sisa Domestik - DELIMA SEJAGAT SDN BHD 5. Penurunan Iklan Haram - AINUR KHADIJAH ENTERPRISE.

Turut diadakan Majlis menandatangani kontrak antara MBPJ dan syarikat kontraktor pembersihan yang diwakili Ahli Majlis MBPJ dengan wakil-wakil syarikat kontraktor pembersihan bersama wakil penduduk kawasan sebagai pemerhati.



## Statistik Aduan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Mengikut Jenis Bagi Tahun 2016




## Laporan Servis Kutipan Berbayar Bagi Sewaan Tong Roro 3 Tan Dan Sewaan Tong 120Liter Bagi Tahun 2016



## Laporan Statistik Iklan Haram Yang Diturun Mengikut Jenis Bagi Tahun 2016


TAHUN	2016					
	BULAN	IKLAN BUNTING	IKLAN BANNER	IKLAN STRUKTUR	IKLAN POSTER	JUMLAH
JANUARI	6556	775	105	7231	14667	
FEBRUARI	3982	317	16	3423	7738	
MAC	2791	75	8	2278	5152	
APRIL	3992	307	16	3423	7738	
MEI	3427	257	23	2970	6677	
JUN	2231	112	10	1868	4221	
JULAI	1344	98	12	857	2311	
OGOS	1345	41	2	969	2357	
SEPTEMBER	1350	44	3	1055	2452	
OKTOBER	1173	17	0	1267	2457	
NOVEMBER	1158	17	2	1239	2416	
DISEMBER	1153	43	12	1172	2380	
JUMLAH	30502	2103	209	27752	60566	



## Laporan Notice To Correct Kepada Kontraktor Bagi Tahun 2016

BULAN	BILANGAN NTC					JUMLAH
	PEMBERSIHAN AWAM	WASTE BUSTER	KUTIPAN	JALAN PROTOKOL	LONGKANG BESAR	
JANUARI	44	15	16	1	33	109
FEBRUARI	58	32	9	14	1	114
MAC	56	25	8	53	0	142
APRIL	20	3	4	3	0	30
MEI	56	2	3	3	2	66
JUN	70	30	24	4	0	128
JULAI	121	34	49	11	0	215
OGOS	169	24	10	12	13	228
SEPTEMBER	105	7	15	2	0	129
OKTOBER	92	7	12	6	23	140
NOVEMBER	8	4	5	13	8	38
DISEMBER	34	7	1	6	3	51
<b>JUMLAH</b>	<b>833</b>	<b>190</b>	<b>156</b>	<b>128</b>	<b>83</b>	<b>1390</b>


## Laporan Notice To Correct Kepada Kontraktor Bagi Tahun 2016



## Perbelanjaan Pelupusan Sisa Pepejal & Sisa Pembersihan Bagi Tahun 2016


BULAN / TEMPAT	JERAM	KUANG	DENGKIL	SHAH ALAM TRANSFER STATION	JUMLAH
JAN	160,153	51,834	14,858	770,000	996,845
FEB	152,545	49,411	13,736	749,502	965,195
MAC	171,928	85,065	20,447	801,533	1,078,973
APR	171,673	62,852	19,346	749,097	1,002,968
MEI	171,180	51,679	16,539	774,767	1,014,163
JUN	162,617	44,419	13,678	771,864	992,577
JUL	114,239	45,317	11,695	782,813	954,064
OGOS	156,308	54,860	11,402	690,108	912,678
SEPT	149,953	55,627	11,835	715,879	933,294
OKT	164,196	55,838	11,240	767,603	998,877
NOV	156,326	71,913	11,080	777,177	1,016,497
DIS	167,130	64,367	12,281	779,687	1,023,465
<b>JUMLAH</b>	<b>1,898,248</b>	<b>693,182</b>	<b>168,137</b>	<b>9,130,030</b>	<b>11,889,596</b>

## Perbelanjaan Pelupusan Sisa Pepejal & Sisa Pembersihan Bagi Tahun 2016




## Kutipan Kitar Semula Bagi Tahun 2016

BULAN	JUMLAH 2016 (KG)
JANUARI	281.7
FEBRUARI	556.9
MAC	395.2
APRIL	82
MEI	261
JUN	396
JULAI	1,281.5
OGOS	981.80
SEPTEMBER	1132.3
OKTOBER	944
NOVEMBER	876
DISEMBER	1,178
JUMLAH	8,366.4



## Jumlah Harga Kontrak Perkhidmatan Kutipan Dan Pembersihan Awam MBPJ 2016

JENIS PERKHIDMATAN	2016 (RM)
KUTIPAN SISA DOMESTIK	10,273,853
PEMBERSIHAN AWAM (AM)	16,729,919
PEMBERSIHAN KHAS (JALAN PROTKOL)	4,632,692
PEMBERSIHAN KHAS (LONGKANG BESAR)	3,533,813
PENURUNAN IKLAN	1,860,645
GABUNGAN PEMBERSIHAN & LANDSKAP	4,774,169







# Unit Teknologi Maklumat

## Majlis Bandaraya Petaling Jaya



# Unit Teknologi Maklumat

## Fungsi Unit

- Mewujudkan sistem kerja berkomputer (e-office) di Majlis selaras dengan perkembangan ICT semasa.
- Merancang, mengurus, melaksana dan memantau projek ICT.
- Merancang dan mengurus perolehan perkakasan komputer.
- Mengurus dan menyelenggara prasarana ICT Majlis (perkakasan, perisian, sistem keselamatan dan rangkaian telekomunikasi – PJNET).
- Pusat Helpdesk (sokongan dan bantuan teknikal).
- Pengurusan laman web Majlis.
- Menguruskan dan memantau pangkalan data dan operasi harian sistem.
- Merancang dan menguruskan inventori ICT (alat tulis komputer) Majlis.
- Mengurus hal ehwal pentadbiran Unit.
- Menyelaras Pusat-pusat Komuniti IT.
- Melaksanakan program pembudayaan IT kepada pegawai dan kakitangan Majlis.
- Menyimpan dokumentasi sistem dan dasar / polisi yang berkaitan dengan ICT dan Majlis.

## Aktiviti Dan Pencapaian 2016

### Program Pensijilan ISMS

Unit Teknologi Maklumat telah mula melaksanakan Program Pensijilan bagi Pengurusan Sistem Maklumat Keselamatan atau lebih dikenali sebagai Information Security Management System (ISMS) pada bulan Januari 2014.

Objektif pelaksanaan ISMS adalah untuk mengawal keselamatan maklumat dari segi kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan mengenal pasti ancaman risiko dalam persekitaran ICT dan meningkatkan keyakinan pelanggan kepada tahap keselamatan maklumat.

Skop pensijilan ISMS MBPJ memfokuskan kepada keselamatan aset Majlis serta maklumat yang melibatkan hasil utama Majlis yang memberikan impak tinggi kepada organisasi. Skop yang dipilih iaitu "Sistem Pengurusan Keselamatan Bagi Maklumat Elektronik Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya" telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kemasyarakatan, Perkhidmatan, Korporat dan Teknologi Maklumat bertarikh 14 November 2014, Bil. 9/ 2014.

Pelaksanaan ISMS adalah memenuhi keperluan standard ISO/ IEC 27001:2013 dan polisi / prosedur yang telah dibangunkan di peringkat MBPJ. MBPJ telah berjaya memperolehi Pensijilan ISMS pada 22 Oktober 2016 yang dikeluarkan oleh badan pensijilan tempatan iaitu SIRIM QAS International.



## Lawatan Kerja ISMS


Lawatan kerja ISMS telah diadakan pada 13-15 Disember 2016 ke Jabatan Perkhidmatan Komputer Sabah (JPKN) di mana lawatan pada kali ini lebih fokus kepada sesi perkongsian sejauh mana tahap persediaan Jabatan Perkhidmatan Komputer Sabah (JPKN) menghadapi 'Surveillance Audit' bagi mengekalkan prestasi pensijilan ISMS mereka. Pada sesi lawatan kali ini, pihak JPKN telah memperbaharui versi ISMS terkini kepada versi 2013 dan akan menghadapi audit susulan pada 23 Disember 2016.

Tujuan lawatan utama MBPJ kali ini ialah mempelajari kaedah dan bagaimana aktiviti-aktiviti 'Surveillance Audit' yang dilakukan sepanjang tempoh persediaan tersebut. Sesi perkongsian ini telah dihadiri seramai 10 orang peserta dari MBPJ diketuai oleh Pengarah Teknologi Maklumat, En. Samsul Bahari bin Nonchi dan barisan Pegawai Teknologi Maklumat, Unit Perhubungan Awam, Unit Audit Dalam, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Perbendaharaan dan Unit Korporat.



## Pelan Strategik ICT MBPJ 2016


Pelan Strategik ICT MBPJ 2012-2016 yang merupakan blueprint yang dibangunkan selaras dengan Pelan Strategik Teknologi Maklumat Pejabat SUK Selangor 2011-2016 yang juga menyokong Pelan Strategik MBPJ agar perancangan dan pembangunan ICT selari dengan pelan tindakan dan pelaksanaan program dan aktiviti yang dirancang. Pelan Strategik ICT 2012-2016 ini juga merupakan asas rujukan kepada ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan dalam menyediakan sasaran kerja tahunan dan belanjawan bagi tempoh 4 tahun terakhir untuk mencapai visi, misi dan objektif ICT Majlis. Satu semakan akan dijalankan terhadap strategi, program, aktiviti dan objektif yang telah dirancang setiap tahun.



## Pembangunan Sistem e-Payslip

Pada tahun 2016, satu seksyen baru ditubuhkan dikenali sebagai Seksyen Quality Research Development (QRD). Seksyen ini bertanggungjawab melaksanakan kajian menyeluruh berkaitan penambahbaikan proses sistem ICT dan perekayasaan. Salah satu proses yang telah ditambah baik ialah melaksanakan pembangunan Sistem ePenyata Gaji yang merupakan salah satu projek di bawah program Pelan Strategik ICT 2012-2016. Projek ini dibangunkan secara 'inhouse' iaitu menggunakan kepakaran dalaman bagi membantu mempercepatkan dan melicinkan lagi proses kerja Jabatan Perbendaharaan (BEP) dan membolehkan pengguna mengakses maklumat slip gaji melalui internet.

Sistem ePayslip MBPJ dibangunkan untuk membolehkan Penyata Gaji Bulanan atau slip gaji disampaikan terus kepada kakitangan Majlis melalui laman web iaitu di alamat <http://epayslip.mbpj.gov.my/epayslip/index.html>



# ePAYSLIP MBPJ

## INOVASI ICT

### Tatacara Penggunaan Sistem ePAYslip

### Cara Akses Sistem

1. Akses melalui web  
<http://epayslip.mbpj.gov.my/epayslip/index.html>

2. Akses melalui QR Code

Akses melalui QR code yang perlu diambil [scan] menggunakan aplikasi QR Code yang boleh dimuat turun di telefon bimbit.

### Manual Pengguna & Tatacara

## Perkhidmatan Atas Talian MBPJ

MBPJ telah menyediakan 23 jenis perkhidmatan atas talian di laman web MBPJ antaranya ePay@MBPJ, aduan online, semakan cukai, sistem perjawatan, semakan aduan, semakan kompaun dan lain-lain lagi. Ia bertujuan untuk memudahkan pengguna bagi membuat aduan, menyemak kompaun, status permohonan dan membuat pembayaran di atas talian dengan mudah dan cepat. Perkhidmatan yang ditawarkan ini dapat menjimatkan masa dan kos pengguna.



## Pelaksanaan Kamera Litar Tertutup Indoor Dan Outdoor (CCTV)

Pelaksanaan pemasangan kamera litar tertutup di MBPJ dapat mempertingkatkan produktiviti Majlis dari segi kawalan keselamatan di kawasan sekitar Petaling Jaya terutamanya premis-premis Majlis termasuk penduduk dan kakitangan.

Kamera litar tertutup ini terbahagi kepada dua (2) iaitu indoor dan outdoor. Fungsi kamera litar tertutup indoor adalah bertujuan untuk pemantauan keselamatan, jenayah dan juga kesalahan lain sebagai pemantauan aktiviti di dalam kawasan Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan dikendalikan oleh pasukan penguatkuasa MBPJ. Manakala kamera litar tertutup outdoor pula adalah bertujuan untuk pemantauan keselamatan, jenayah, lalu lintas dan juga kesalahan seperti pembuangan sampah haram, penjaja haram dan sebagainya dan ia dikendalikan oleh pasukan penguatkuasa MBPJ dan PDRM.

## Pelaksanaan Sistem EFT (Electronic Fund Transfer)

EFT merupakan kaedah bayaran elektronik kepada pihak kontraktor/pembekal serta kakitangan Majlis melalui pindahan terus ke akaun penerima. Sistem EFT ini digunakan sejak April 2013 oleh Jabatan Perbendaharaan. Sistem ini menyediakan fail untuk di muat naik ke Maybank2e. Apabila pemindahan transaksi berjaya fail tersebut akan di muat turun dari Maybank2e untuk dikemas kini dalam Sistem EFT dan pihak kontraktor/pembekal/kakitangan akan menerima pemberitahuan melalui e-mel dan SMS.

## Pelaksanaan Sistem e-Tempahan

Sistem Tempahan MBPJ telah dinaik taraf kepada sistem berdasarkan web. Sistem ini digunakan oleh kakitangan Majlis sahaja bagi mengurus dan mengendalikan tempahan rumah rehat dan kemudahan-kemudahan Majlis seperti gelanggang badminton, padang dan dewan.

Sistem e-tempahan ini boleh dilayari melalui URL berikut: <http://etempahan.mbpj.gov.my>

The screenshot shows the homepage of the MBPJ e-Tempahan system. At the top, there is a blue header bar with the MBPJ logo on the left, followed by the text "E-TEMPAHAN" and "MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA". Below the header are three navigation links: "UTAMA", "KEMUDAHAN KAMI", and "SOKONGAN". To the right of these links are five small thumbnail images representing different service categories. The main content area has a white background. On the left, there is a vertical sidebar with links to "Mengenai Kami", "Hubungi Kami", "Termas dan Syarat", "Dasar Privasi", "Penatian", and "FAQ". The "FAQ" link is underlined, indicating it is the active page. In the center, there is a large heading "LAMAN PETA" (Map Page). Below it is a hierarchical menu tree:

- UTAMA
- KEMUDAHAN KAMI
  - DEWAN
  - PADANG
  - STADIUM/DATARAN
- SOKONGAN
  - Mengenai Kami
  - Hubungi Kami
  - FAQ



## Perkhidmatan Teknologi Hijau

Pada Februari 2016 Pengarah Teknologi Maklumat telah mencadangkan supaya kumpulan Teknologi Hijau ICT ditubuhkan bagi mengendalikan beberapa program seperti Teknologi Lestari dan Teknologi Mesra Alam.

Bagi menyokong Program ‘Green City Majlis’, Unit Teknologi Maklumat telah mengambil inisiatif menjalankan beberapa program teknologi hijau antaranya seperti pertandingan mencipta logo, kiosk kitar semula dan kempen penjimatkan tenaga.

Antara program yang telah dijayakan adalah Pertandingan Mencipta Logo Teknologi Hijau ICT yang bertujuan sebagai lambang simbolik untuk memperkenalkan Teknologi Hijau ICT di MBPJ. Berikut adalah pemenang-pemenang yang telah memenangi hadiah Pertandingan Teknologi Hijau. Majlis penyampaian hadiah telah berlangsung pada bulan Mei 2016. Pemenang-pemenangnya adalah seperti berikut:

- 1) Tempat pertama (Samsung Galaxy Tab A With S Pen) – En. Ithnin bin Kadir (Jabatan Kejuruteraan)
- 2) Tempat kedua (Samsung Galaxy Grand) – En. Mohd Rizwan bin Susah (Unit OSC)
- 3) Tempat ketiga (Digital Watch) – Pn. Syaza Izzati binti Zakaria (Jabatan Kejuruteraan)

### Pemenang Logo Tempat Pertama



## Pelaksanaan Video Live Streaming

‘Live Streaming’ adalah perkhidmatan untuk menyiarkan Mesyuarat Penuh Majlis secara langsung atas talian internet. Pengendalian ‘live streaming’ ini diselia oleh pasukan teknikal Unit Teknologi Maklumat dengan bantuan Unit Komunikasi Korporat MBPJ. Melalui perkhidmatan ini, orang awam boleh menonton perjalanan Mesyuarat Penuh MBPJ secara langsung pada setiap bulan. Arkib siaran langsung juga boleh ditonton melalui pautan yang sama iaitu [www.Livestreaming.mbpj.gov.my/videos](http://www.Livestreaming.mbpj.gov.my/videos)

**LifeSize® UVC Video Center™**

Log In | Help      Search Videos

Home | Live Videos | **Recent Videos** | Channels | Featured Videos |

Home > Recent Videos

Showing results 13 - 24. Total results: 25.    Sorted by: Recording Date | Owner

« 1 2 3 »

MBPJ - 30 November 2015 Owner: administrator Channel: Main	MBPJ - 28 October 2015 - Owner: administrator Channel: Main	MBPJ - 30 September 2015 Owner: administrator Channel: Main	MBPJ 28 August 2015 Owner: administrator Channel: Main
01:19:09	07:21	01:32:21	01:44:26

MBPJ - 29 July 2015 Owner: administrator Channel: Main	MBPJ 29 JUN 2015 Owner: administrator Channel: Main	MBPJ 27 MEI 2015 Owner: administrator Channel: Main	MBPJ 24 APRIL 2015 Owner: administrator Channel: Main
01:24:53	02:31:22	01:46:37	00:01

## Pelaksanaan Sistem Kad Kuasa

'Sistem Kad Kuasa dibangunkan bertujuan memudahkan orang awam mengenal pasti pemegang kad kuasa adalah kakitangan Majlis yang masih aktif. Hanya kakitangan yang diberi kuasa oleh Ketua Jabatan untuk menjalankan tugas-tugas yang memerlukan kad kuasa seperti Pengawal Keselamatan, Inspektor Kesihatan dan Penguatkuasa MBPJ.

Objektif :

- i) Untuk memberi kepercayaan kepada pelanggan.
- ii) Untuk mengenal pasti bidang kuasa kakitangan.
- iii) Sebagai kad pengenalan diri kakitangan Majlis.

## Pelaksanaan Sistem Kad Kuasa

Sistem dibangunkan untuk memudahkan pelesen membuat semakan sendiri status permohonan dan pembaharuan lesen melalui nombor akaun. Selain itu, orang ramai boleh mendapatkan garis panduan permohonan lesen secara atas talian. Pelancaran Sistem Semakan Lesen telah disempurnakan oleh Datuk Bandar, Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain pada 6 Oktober 2016.



## Borang Online PJ Green Squad

Sistem ini dibangunkan untuk kegunaan orang awam mendaftar sebagai ahli PJ Green Squad yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran. Sila layari di pautan berikut: <http://eps.mbpj.gov.my>

The screenshot shows a web browser window with the title 'Majlis Bandaraya Petaling Jaya Admin Online - Google Chrome'. The address bar shows 'eps.mbpj.gov.my'. The main content area displays the 'Sistem Pengurusan Perhubungan Pelanggan' (Customer Relationship Management System) for 'Pengurusan PJ Green Squad'. The logo for 'PJ GREEN SQUAD' is visible. On the left, there is a sidebar menu with various options like 'Laman Utama', 'Cetak Permohonan', 'Pendaftaran', 'Aduan Senarai', 'Status Senarai', 'e-Permit SIRI', 'Cetak Undangan PT', 'Logout', 'SEMASAKAN', 'Status Aduan', 'Senarai', 'Cetak Tukarans', 'Logim', 'Status Senarai Kecelakaan', 'Kemaskini', and 'Logout'. The main form is titled 'Bantuan Mendaftar PJ Green Squad' and contains fields for 'Nama' (Name), 'Alamat' (Address), 'Jantina' (Gender), 'Lahir' (Date of Birth), 'MyKad' (MyKad), 'Email' (Email), and 'No Telefon' (Phone Number). It also includes dropdown menus for 'Poskod' (Postcode), 'Bandar' (Town), 'Negeri' (State), 'Kawasan' (Area), and 'Zon' (Zone). Below the form, there is a note in English:

1. Melahirkan manfaat yang bermakna sebagai sasaran dunia telinga Pihak Berkemau Tanggung bagi meningkat kepentingan alam sekitar.  
2. Memastikan sikap tanggungjawab dalam diri masyarakat dalam memelihara dan memelihara alam sekitar.  
3. Melahirkan rasa cinta kepada kesadahan alam sekitar dan mencipta kesedaran dan mencipta yang mendalam tentang kepentingan pemeliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

Klik [link](#) untuk maklumat lanjut mengenai Program PJ Green Squad. Seluruh pertanyaan sila emailkan kepada [surazan@mbpj.gov.my](mailto:surazan@mbpj.gov.my) atau [rolnya@mbpj.gov.my](mailto:rolnya@mbpj.gov.my).





# Unit Perundangan

## Majlis Bandaraya Petaling Jaya



# Unit Perundangan

## Fungsi

- Memberi khidmat nasihat perundangan mengenai persoalan-persoalan perundangan yang berkaitan dengan Majlis.
- Menjamin dan memperkuuh kedudukan Majlis di dalam perjanjian pembangunan/penswastaan.
- Menyediakan Majlis dengan undang-undang yang mencukupi selari dengan keperluan Majlis.
- Menjaga dan melindungi kepentingan Majlis melalui representasi kes sibil di Mahkamah.
- Meningkatkan pengetahuan kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai Majlis dalam hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang.

## Penjelasan Aktiviti

- Tugas utama unit ini ialah menguruskan segala hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran, di samping memastikan kakitangan di Jabatan ini mengamalkan satu budaya kerja yang sihat, berkualiti dan berdisiplin serta berhemah tinggi.
- Selain daripada melaksanakan pentadbiran jabatan, Unit ini juga membantu dalam pengendalian tugas-tugas yang berkaitan dengan unit-unit lain khususnya Unit Pendakwaan.

# Unit Pendakwaan

Tugas Unit Pendakwaan adalah menguruskan pendaftaran kes bagi kes-kes teknikal yang dihantar oleh jabatan-jabatan teknikal untuk di bawa ke Mahkamah.

- Peringkat pendaftaran kes.
- Peringkat saman.
- Peringkat Waran Tangkap.
- Peringkat Bicara/penghakiman.
- Kes selesai.

## Peringkat Pendaftaran Kes

- Semak pengaduan.
- Merekod dalam buku pendaftaran Mahkamah mengikut seksyen.
- Membuka fail.
- Menyediakan 4 salinan kertas saman dan pertuduhan.
- Mendaftar kes ke Mahkamah.

## Peringkat Saman

- Terima saman yang ditetapkan tarikh sebutan oleh Mahkamah.
- Mengasingkan saman-saman mengikut tarikh sebutan.
- Mengagihkan saman-saman kepada penyerah saman.
- Menyerahkan saman kepada OKS dan mendaftarkan akuan terima.
- Menyediakan laporan penyerahan.
- Menyemak laporan dan saman kepada pihak pendakwa untuk sebutan di Mahkamah.



## Peringkat Waran Tangkap

- Menerima fail kes untuk waran tangkap daripada Pegawai Pendakwa.
- Menyenaraikan dan merekod kes waran tangkap mengikut tarikh.
- Menghantar notis kepada OKS.
- Merekod kes notis yang diterima OKS dan notis dikembalikan.
- Membuat carian.
- Maklum kepada pegawai pendakwa menarik balik kes yang dikembalikan.

## Statistik Kes Pendakwaan 2016

JABATAN	JUMLAH	SELESAI	BELUM SELESAI
Jabatan Kesihatan	10	10	-

## Peringkat Bicara / Penghakiman

- Bagi kes yang mana OKS tidak mengaku salah Mahkamah akan menetapkan tarikh untuk bicara. Mahkamah akan membuat penghakiman dengan keputusan berikut :-
  1. Sama ada mendapati OKS bersalah.
  2. OKS didapati tidak bersalah dan dibebaskan.

## Peringkat Kes Selesai (Fail Tutup)

- Tarikh sebutan.
- Tarikh bicara.
- Tarikh tamat kes.
- Nama Pegawai Pendakwa.
- Nama Peguambela (jika ada).
- Sabitan kes.
- Denda yang dikenakan.
- Tandatangan Ketua Jabatan pada keputusan Mahkamah.
- Kertas pertuduhan dihantar kepada jabatan berkenaan.

## Unit Pentadbiran

- Membantu mengendalikan dan menguruskan tugas penguatkuasaan.
- Menyediakan laporan-laporan jabatan untuk mesyuarat Majlis.
- Pengendalian urusan disiplin kakitangan.
- Menguruskan pusat rujukan perundangan.
- Pengumpulan dan penyediaan indeks Dasar Majlis, Pekeliling dan lain-lain yang berkaitan dengannya.



# Unit Nasihat

- Pemberian nasihat perundangan kepada Majlis mengenai apa-apa perkara perundangan yang dirujuk kepada jabatan bagi melindungi kepentingan Majlis.
- Bagi menjamin kepentingan ini, jabatan akan memastikan segala pendapat yang diberikan adalah bernalas, mengikut peruntukan undang-undang berkesan dan lengkap serta mengikut keperluan Majlis. Unit juga akan memastikan segala tindakan Majlis adalah berlandaskan kepada peruntukan undang-undang.
- Di bawah unit ini khidmat nasihat mengenai persoalan-persoalan perundangan yang berkaitan dengan Majlis disampaikan dengan cara seperti berikut :
  1. Proses menyemak dan mengkaji ulasan-ulasan yang berkaitan.
  2. Memberi nasihat kepada Majlis berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sedia ada.
  3. Nasihat yang diberikan adalah merangkumi semua aspek termasuk dari segi tatatertib, disiplin serta yang mempunyai hubungan Kerajaan Negeri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Antara nasihat yang diberi adalah seperti berikut :
- Nasihat mengenai prosedur-prosedur penukaran zon sesuatu kawasan, penukaran syarat guna tanah dan sebagainya.
- Nasihat mengenai tindakan-tindakan dan prosedur-prosedur yang betul dari segi undang-undang dalam hal-hal menyita peralatan dan harta alih penduduk yang gagal membayar cukai pintu dan meroboh/mengalih gerai-gerai peniaga haram.
- Pembatalan kontrak dengan kontraktor dan sebagainya.

# Unit Kontrak

- Tugas utama unit adalah membantu dalam penyediaan perjanjian Majlis bagi :
  1. Penswastaan Pembangunan Majlis.
  2. Penswastaan Perkhidmatan Majlis.
- Dalam penyediaan perjanjian Majlis, Unit Kontrak yang diketuai oleh Penasihat Undang-undang akan mendorong, meneliti dan mengadakan perbincangan dengan jabatan-jabatan yang terlibat, pihak pemaju atau pihak kontraktor yang dilantik. Penelitian dengan cermat dalam penyediaan perjanjian Majlis adalah perlu bagi memastikan kepentingan Majlis dilindungi. Untuk mencapai objektif ini, penyempurnaan dokumentasi perjanjian Majlis perlu dibuat dengan lebih profesional dan cepat.

## Perjanjian Penswastaan Pembangunan

- Perjanjian penswastaan yang diuruskan oleh pihak unit kebanyakannya adalah merupakan projek-projek penswastaan Joint Venture antara Majlis dengan pihak pemaju.
- Bagi menyediakan Perjanjian Penswastaan Pembangunan Majlis, jabatan akan memastikan dan meneliti perjanjian tersebut bagi menjamin kepentingan Majlis dilindungi.
- Sebelum sesuatu dokumen perjanjian ditandatangani oleh pihak Majlis, dokumen tersebut mestilah lengkap dan pihak Majlis perlu mempunyai satu salinan bagi setiap dokumen yang telah ditandatangani untuk rujukan Majlis.



# Unit Gubalan

Senarai Undang-undang Kecil, Perintah-perintah dan kaedah-kaedah yang diguna pakai oleh Majlis.

BIL	PERKARA	RUJUKAN	TARIKH DIKUATKUASA
1.	Kaedah-kaedah (Tanah Perkuburan Islam) Petaling Jaya	No. 130	3 Mac 1960
2.	Kaedah-kaedah (Tanah Perkuburan Kristian) Petaling Jaya	No. 131	3 Mac 1960
3.	Petaling Jaya Town Board (Massage Establishment) By Laws 1965	SI:N40	23 Dis 1965
4.	Enakmen Mengawal Lembu Kerbau (Enakmen Sel. No. 3 Tahun 1971	SI.P.U.9	6 Jul 1972
5.	Perintah Lalulintas (Peruntukan mengenai tempat letak kereta) Petaling Jaya 1973	SI.P.U.5	15 Mac 1973
6.	Kaedah-kaedah (Tanah Perkuburan Hindu) Petaling Jaya 1973	SI.P.U.16	29 Nov 1973
7.	Perintah (Sekatan Penggunaan Jalan) Petaling Jaya, 1973	SI.P.U.22	26 Sept 1974
8.	Undang-undang Kecil Kawasan Bandaran Petaling Jaya (Pindaan)	SI.P.U.15	2 Okt 1975
9.	Perintah Tetap (Mesyuarat)(MBPJ)2007	SEL.PU 56	19 Jul 2007
10.	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta)(MBPJ) 2007	SEL.PU 57	19 Jul 2007
11.	Undang-undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber(MBPJ) 2007	SEL.PU 58	19 Jul 2007
12.	Undang-undang Kecil Krematorium (MBPJ) 2007	SEL.PU 59	19 Jul 2007
13.	UUK Kolam Renang (MBPJ)2007	SEL.PU 60	19 Jul 2007
14.	UUK Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MBPJ)2007	SEL.PU 61	19 Jul 2007
15.	UUK Pasar (MBPJ) 2007	SEL.PU 62	19 Jul 2007
16.	UUK Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (MBPJ) 2007	SEL.PU 63	19 Jul 2007
17.	UUK Hotel (MBPJ) 2007	SEL.PU 64	19 Jul 2007
18.	UUK Iklan (MBPJ) 2007	SEL.PU 65	19 Jul 2007
19.	UUK Iklan Pilihanraya (MBPJ) 2007	SEL.PU 66	19 Jul 2007
20.	UUK Penjaja (MBPJ) 2007	SEL.PU 67	19 Jul 2007
21.	UUK Pelesenan Establismen Makanan (MBPJ) 2007	SEL.PU 68	19 Jul 2007
22.	UUK Pemungutan Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MBPJ) 2007	SEL.PU 69	19 Jul 2007
23.	UUK Kerja Tanah (MBPJ) 2007	SEL.PU 70	19 Jul 2007
24.	UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBPJ) 2007	SEL.PU 71	19 Jul 2007
25.	UUK Pengendali Makanan (MBPJ) 2007	SEL.PU 72	19 Jul 2007
26.	UUK Pusat Sukan Persendirian (MBPJ) 2007	SEL.PU 73	19 Jul 2007



# Unit Sibil

- Unit ini menguruskan proses tuntutan dan pembelaan Majlis di samping sentiasa mengawasi dan meneliti kes-kes yang dibawa oleh panel peguam yang dilantik oleh Majlis. Walaupun ia dikendalikan oleh panel peguam Majlis tetapi segala tindakan perlulah mendapat nasihat dan pandangan dari Unit Perundangan terlebih dahulu.
- Pihak unit akan memilih dan melantik panel peguam bagi mengendalikan kes Majlis berpandukan keberkesanan, keupayaan dan kemahiran dalam bidang berkenaan.
- Setiap kes sibil akan diteliti dan diberi keutamaan agar tindakan berkesan dapat diambil bagi melindungi kepentingan Majlis.

## Jenis-Jenis Tuntutan Di Bawah Kes Sibil Majlis Dan Statistik Kes Bagi Tahun 2016

BIL	JENIS TUNTUTAN	JUMLAH
1.	Tuntutan Gantirugi	3
2.	Perintah Certiorari	2
3.	Perintah Deklarasi	2
4.	Tuntutan hutang	2
5.	Tunggakan/tuntutan Cukai Taksiran	4
6.	Peringkat jabatan	1
7.	Lembaga Rayuan	13







# Unit Komunikasi Korporat

## Majlis Bandaraya Petaling Jaya



# Unit Komunikasi Korporat

## Fungsi

- Merancang, mengawal, menyelaras dan menilai semula usaha dan kegiatan penerangan mengenai dasar, tindakan dan aktiviti ke arah masyarakat berinformasi serta mendaya usahakan strategi dan program-program yang boleh memberi sokongan masyarakat dan agensi berkaitan terhadap wawasan dan usaha Majlis serta menyelaras perkara-perkara berkaitan dengan kempen bantuan media.
- Menjalin dan memupuk perhubungan baik antara Majlis dan pertubuhan / institusi lain serta Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan lain-lain.
- Melaksanakan komunikasi bersemuka media cetak dan komunikasi visual untuk memberi penerangan kepada masyarakat mengenai dasar dan program Majlis serta meningkatkan imej Majlis.
- Mengurus dan menyelaras kunjungan lawatan ke Majlis sama ada dari dalam atau luar negara.
- Menyelaras pelaksanaan acara rasmi khususnya dari segi protokol dan publisiti program.
- Mengurus tinjauan pendapat awam sebagai maklum balas kepada perkhidmatan Majlis.
- Menguruskan bahan penerbitan seperti akhbar Berita Petaling Jaya, risalah, flyers, poster dan lain-lain.
- Mendokumentasikan aktiviti Majlis melalui dokumentari, fotografi dan videografi.
- Menerima aduan, menyiasat aduan dan memasukkan data aduan daripada orang awam / agensi kerajaan / persatuan penduduk dan badan bukan kerajaan ke dalam Sistem Aduan Majlis untuk dipanjangkan ke jabatan yang telah dipertanggungjawabkan.
- Menjadi urus setia kepada program Hari Bertemu Pelanggan.
- Menjadi urus setia Mesyuarat Pemantauan Aduan Awam setiap minggu.
- Menjadi urusetia aduan melalui e-mel Majlis dan memanjangkan aduan ke jabatan / bahagian tertentu.
- Menyelaras kes-kes aduan kecemasan seperti kerosakan lampu isyarat, pokok tumbang (ribut) dan jalan berlubang di kawasan Majlis untuk dimaklumkan kepada jabatan / agensi lain.

## Seksyen Korporat dan Inovasi

- Membudayakan imej korporat dan budaya kerja cemerlang melalui pelaksanaan pengurusan kualiti menyeluruh.
- Penyampaian perkhidmatan berkualiti menerusi perkhidmatan pelanggan yang mesra, cepat dan tepat.
- Penyaluran maklumat dilakukan secara efektif dan berkesan.
- Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif.
- Memperkasakan penyampaian perkhidmatan menerusi pembangunan dan penyelidikan.
- Meningkatkan imej Majlis menerusi pengkorporatan organisasi.



# Aktiviti Dan Prestasi

## Pengurusan Media 2016

Bil.	Perkara	Bulan												Jumlah
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sept	Okt	Nov	Dis	
1.	Jemputan Media	5	3	16	18	12	16	7	13	11	13	8	6	128
2.	Sidang Media	4	2	10	7	10	5	6	6	7	7	3	4	71
3.	KENYATAAN AKHBAR													
	Bertulis	3	6	10	2	4	5	7	12	7	4	2	2	64
	Lisan	6	7	5	7	7	5	5	8	6	6	6	5	73
4.	PROGRAM BERSAMA MEDIA													
	Sukan Media											1		1
	Berbuka puasa bersama Media							1						1
5.	INDEKS KERATAN AKHBAR													
	Sinar Harian	2	4	4	3	5	1	1	15	10	6	6	3	60
	Berita Harian	1	1	2	2	7	1	-	-	-	3	3	1	21
	Harian Metro	8	2	8	7	1	3	1	6	3	5	2	3	49
	Malay Mail	2	5	4	1	4	4	1	2	2	2	-	1	28
	New Straits Times	3	2	2	-	3	-	-	-	1	4	-	1	16
	The Star	23	23	37	25	30	27	26	38	37	27	29	24	346
	The Sun	1	3	4	5	8	3	2	2	1	2	-	1	32
	Utusan Malaysia	7	3	11	15	7	11	6	9	5	5	1	3	83
	Kosmo	4	2	2	1	1	-	1	-	-	-	-	2	13
	Selangor Kini	10	6	12	9	6	5	4	5	6	9	3	10	85
	Sin Chew Daily	7	12	14	17	19	12	11	14	9	4	10	11	140
	Oriental Daily New	7	9	9	7	13	10	4	8	4	7	1	4	83
	China Press	8	8	14	13	11	4	9	6	9	6	3	9	100
	Nanyang Siang Pau	5	6	10	6	6	7	1	4	7	3	-	5	60
	Guang Ming Daily	2	5	3	7	7	3	2	2	3	4	2	8	48
	Tamil Nesan	-	2	1	2	1	1	-	1	2	1	1	-	12
	Malaysian Nanban	1	-	1	3	1	2	3	-	3	-	-	-	14
	Makkai Osai	2	1	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	4
	Daily Express	1	-	-	-	-	-	-	-	1	1	-	-	3
	The Edge	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1
	New Sarawak Tribune	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1
	Malaysia Reserve	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
	Wong Wah Yit Poh	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1




# Aktiviti Dan Prestasi


## Pengurusan Media 2016

Bil.	Perkara	Bulan												Jumlah
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sept	Okt	Nov	Dis	
5.	INDEKS KERATAN AKHBAR													1
	New Sabah Times Bahasa (KK)							1						
	The Sunday Post								1					
	Malaysia SME									1				
	Fokus Malaysia											1		
6.	POSITIF / NEGATIF / MAKLUMAN TOTAL = 1,206													949
	Positif	79	68	122	111	84	68	61	93	89	76	39	59	
	Negatif	14	7	4	11	17	13	6	12	12	5	11	13	
	Makluman	1	19	13	2	29	13	6	8	3	12	11	15	
	JUMLAH BESAR	94	94	139	124	130	94	73	113	104	93	61	87	1,206

## Liputan Media 2016



## Indeks Keratan Akhbar 2016



## Liputan Media Online 2016

Bil.	Media Online	Bulan												Jumlah
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sept	Okt	Nov	Dis	
1.	The Star	22	9	12	18	28	26	21	31	35	34	18	30	284
2.	Selangorku	10	12	19	20	12	8	5	6	-	-	-	-	92
3.	The Sundaily	3	6	1	13	10	5	1	3	3	3	2	-	50
4.	Utusan Malaysia	3	7	4	3	3	3	-	12	4	1	3	-	43
5.	365 News	-	-	-	-	-	-	-	-	-	13	12	13	38
6.	Free Malaysian Today	2	3	2	2	5	1	1	4	2	-	5	-	27
7.	Paul Tans Automotive News	5	1	3	2	3	-	1	5	1	1	1	-	23
8.	Sinar Harian	-	-	-	1	3	-	-	2	8	2	1	3	20
9.	Harian Metro	2	-	4	1	1	-	1	2	1	2	-	2	16
10.	Malay Mail	1	-	6	1	2	-	1	-	1	3	1	-	16
11.	Bernama	1	2	-	-	1	-	-	4	1	1	1	2	13
12.	Malaysian Digest	-	1	1	1	1	-	-	1	4	2	1	1	13
13.	Berita Harian	3	1	-	2	2	1	-	-	-	-	-	1	10
14.	Malaysia Kini	-	1	2	-	2	1	-	1	-	2	1	-	10

Jadual di atas menunjukkan liputan media online oleh media-media online utama pada tahun 2016. Pada tahun 2016 terdapat sebanyak 757 liputan oleh media online.



## Penyampaian Informasi di Facebook, Twitter dan Instagram 2016

Bil.	Media Online	Bulan												Jumlah
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sept	Okt	Nov	Dis	
1.	Facebook	54	72	65	78	94	85	63	103	78	119	104	200	1,115
2.	Twitter	49	53	60	19	44	40	21	71	54	63	114	280	868
3.	Instagram	-	-	-	-	-	65	37	91	25	33	47	68	366
	JUMLAH	103	125	125	97	138	190	121	265	157	215	265	544	2,349

## Pengurusan Majlis Rasmi dan Protokol 2016

Program-program Anjuran MBPJ	Lawatan Dari Dalam dan Luar Negara
107 Program	13 Lawatan

## Liputan Program 2016

Bil.	Tajuk	Tarikh
1.	Sidang Media Earth Hour 2016	8 Januari 2016
2.	Penyerahan Jersi dan Bendera Pasukan Hoki Remaja MBPJ	13 Januari 2016
3.	Lawatan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Johor	15 Januari 2016
4.	Majlis Kejohanan Bola Jaring Nestle Fitness MBPJ Sport Unite Terbuka Wanita	17 Januari 2016
5.	Mahligai Bahagia Masyarakat Harmoni	17 Januari 2016
6.	Majlis Perakuan Menerima Jawatan Ahli Majlis Penggal 2016/2017	21 Januari 2016
7.	Majlis Perhimpunan Hari Kualiti	26 Januari 2016
8.	Mesyuarat Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bil. 1/2016	27 Januari 2016
9.	Penyerahan Tawaran Umrah Kepada Bakal Pesara 2	7 Januari 2016
10.	Lawatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya	27 Januari 2016
11.	Dialog Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor Bersama Wakil Rakyat dan Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) di Kawasan PBT Peringkat Majlis Bandaraya Petaling Jaya.	28 Januari 2016
12.	Lawatan Majlis Bandaraya Shah Alam	28 Januari 2016
13.	Ceramah Perdana Oleh YBhg. Dato' Kazim Bin Elias	29 Januari 2016
14.	Hoki Remaja	29 Januari 2016
15.	Majlis Penyerahan Tong Sampah Kepada Penduduk Kg. Sg. Kayu Ara "Ke Arah Kampung Bersih dan Hijau"	30 Januari 2016
16.	Majlis Pelancaran Logo Kontinjen Selangor Di SUKMA 2016 dan Majlis Penyerahan Insen8f Atlet Selangor Ke Sukan SEA 2015	30 Januari 2016
17.	Jamuan Penghargaan Mantan Ahli Majlis dan Meraikan Ahli Majlis 2016	12 Februari 2016
18.	Program K.A.S.I.H "Kau Adalah Sumber Inspirasi Hatiku" Nabi Muhammad S.A.W	14 Februari 2016
19.	Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor	20 Februari 2016
20.	Majlis Penyampaian Sumbangan Tahun Baru Cina Golongan OKU dan Orang Miskin	21 Februari 2016
21.	Majlis Sambutan Cap Goh Mei 2016	22 Februari 2016
22.	Majlis Perhimpunan Kualiti	22 Februari 2016
23.	Mesyuarat Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bil. 2/2016	26 Februari 2016



Bil.	Tajuk	Tarikh
24.	Minggu Kempen Cukai Taksiran Di Apartment Flora Damansara	27 Februari 2016
25.	Perjumpaan Datuk Bandar Bersama Penduduk Kawasan Cemara SD3/3	29 Februari 2016
26.	Majlis Pelancaran Program Sukan Teras Peringkat Pelajar 2016	5 Mac 2016
27.	Penyerahan Kunci Villaria Condo PJS 6	6 Mac 2016
Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan MBPJ, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi



- daripada kesilapan kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman MBPJ.
  - c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
  - d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan MBPJ sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan MBPJ atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
  - e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan MBPJ memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh MBPJ telah disimpan dengan sempurna menurut Peruntukan Akta.

## **Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.




**(ABDUL GHANI BIN MD LAKIN)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

SHAH ALAM  
24 OGOS 2017



**KENYATAAN OLEH DATUK BANDAR DAN AHLI MAJLIS  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Kami, Mohd Azizi Bin Mohd Zain, Datuk Bandar dan Azri bin Mohamad Arish, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Dalam Ekuiti bagi Majlis yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 31 Disember 2016 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.



MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN  
Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya



AZRI BIN MOHAMAD ARISH  
Ahli Majlis,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tarikh : **25 APR 2017**

Tarikh : **25 APR 2017**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Saya, SA'DIYAH BINTI KHASIMAN K.P. NO. 601207-01-5060 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, dengan ikhlasnya mengakui bahawa, Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Dalam Ekuiti yang berikutnya ini beserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh  
Penama di atas SA'DIYAH BINTI KHASIMAN  
Di Petaling Jaya.  
Pada ..... 25 APR 2017.

}



25 APR 2017



**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**  
**PADA 31 DISEMBER 2016**

	NOTA	2016 (RM)	2015 (RM)
<b>ASET</b>			
<b>Aset Semasa</b>			
Wang Dalam Bank dan Di Tangan	4	82,965,421	74,146,191
Simpanan Tetap	5	509,062,730	515,174,835
Penghutang	6	58,265,910	42,611,213
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Terakru	7	12,997,348	11,073,466
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>663,291,409</b>	<b>643,005,705</b>
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	8	74,195,550	81,286,364
Pembinaan / Kerja Dalam Kemajuan / Proses	9	5,877,338	2,037,578
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>80,072,888</b>	<b>83,323,942</b>
<b>Jumlah Aset</b>		<b>743,364,297</b>	<b>726,329,647</b>
<b>LIABILITI</b>			
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Pemiutang	10	75,575,527	58,081,197
Pelbagai Pemiutang	11	11,339,546	17,524,665
Wang Cagaran	12	144,371,546	99,110,024
Wang Amanah (Kurang 1 Tahun)	13	657,395	3,392,846
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>231,944,014</b>	<b>178,108,732</b>
<b>Aset Bersih</b>		<b>511,420,283</b>	<b>548,220,915</b>
<b>EKUITI:</b>			
Geran Bantuan Khas	14	15,105,255	15,946,754
Kumpulan Wang Majlis	15	327,783,149	330,633,619
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	16	1,279,986	1,206,995
Kumpulan Wang Amanah	17	167,251,893	200,433,547
<b>Jumlah Ekuiti</b>		<b>511,420,283</b>	<b>548,220,915</b>

(MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN)  
 Datuk Bandar,  
 Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

(HAJAH SA'DIYAH BINTI KHASIMAN)  
 Pengarah Jabatan Perbendaharaan,  
 Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Tarikh : 25 APR 2017

Nota-nota di mukasurat 5 hingga 26 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	NOTA	2016 (RM)	2015 (RM)
<b><u>PENDAPATAN</u></b>			
Hasil Cukai	18.1	235,807,282	228,478,545
Hasil Bukan Cukai	18.2	118,523,353	104,066,457
Pelbagai Terimaan	18.3	20,909,726	12,422,912
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>375,240,361</b>	<b>344,967,914</b>
<b><u>PERBELANJAAN</u></b>			
Emolumen	18.4	93,338,471	87,194,458
Perkhidmatan dan Bekalan	18.5	197,895,687	175,914,890
Pemberian dan Kenaan Tetap	18.6	1,256,810	1,106,565
Perbelanjaan Lain	18.7	36,071,259	31,934,678
Perbelanjaan Pembangunan	18.8	49,528,604	45,189,709
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>378,090,831</b>	<b>341,340,300</b>
<b>LEBIHAN/ (KURANGAN) PENDAPATAN BERSIH</b>		<b>(2,850,470)</b>	<b>3,627,614</b>

(MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN)  
 Datuk Bandar,  
 Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

(HAJAH SA'DIYAH BINTI KHASIMAN)  
 Pengarah Jabatan Perbendaharaan,  
 Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Tarikh : **25 APR 2017**

Nota-nota di mukasurat 5 hingga 26 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.



**PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	2016 RM	2015 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI :</b>		
Lebihan Pendapatan	(2,850,470)	3,627,614
<b>Pelarasan Yang Tidak Melibatkan Tunai :</b>		
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	15,962,549	18,305,011
Pelarasan, Hapuskira	117	86
Peruntukan Hutang Ragu	(1,672,622)	137,590
Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	<u>11,439,574</u>	<u>22,070,301</u>
<b>(Peningkatan)/ Penurunan Pada Aset Semasa :</b>		
Penghutang	(13,982,075)	(10,934,228)
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Terakru	<u>(1,923,882)</u>	<u>(6,189,620)</u>
	<u>(4,466,383)</u>	<u>4,946,453</u>
<b>Peningkatan/ (Penurunan) Pada Liabiliti Semasa :</b>		
Pemiutang	17,494,330	8,524,412
Pelbagai Pemiutang	(6,185,119)	7,753,447
Wang Cagaran	45,261,522	12,433,540
Wang Amanah (Kurang 1 Tahun)	<u>(2,735,451)</u>	<u>2,191,373</u>
Aliran Tunai Dijana daripada Aktiviti Operasi	<u>49,368,899</u>	<u>35,849,225</u>
<b>Peningkatan/ (Penurunan) Pada Ekuiti :</b>		
Geran Bantuan Khas	(841,499)	(98,952)
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	72,991	12,849
Kumpulan Wang Amanah	<u>(33,181,654)</u>	<u>16,467,002</u>
Aliran Tunai Bersih Dijana dari Aktiviti Operasi	<u>15,418,737</u>	<u>52,230,124</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	8,871,852	23,695,451
Peningkatan Pembinaan / Kerja Dalam Kemajuan	<u>3,839,760</u>	<u>1,596,975</u>
Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	<u>12,711,612</u>	<u>25,292,426</u>
<b>PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>		
Tunai dan Kesetaraan Tunai Bawa Hadapan	2,707,125	26,937,698
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>	<u>589,321,026</u>	<u>562,383,328</u>
	<u>592,028,151</u>	<u>589,321,026</u>
<b>ANALISA TUNAI DAN TUNAI SETARA DI AKHIR</b>		
Wang Dalam Bank dan Di Tangan	82,965,421	74,146,191
Simpanan Tetap	<u>509,062,730</u>	<u>515,174,835</u>
<b>WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK</b>	<u>592,028,151</u>	<u>589,321,026</u>

(MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN)  
Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

(HAJAH SA'DIYAH BINTI KHASIMAN)  
Pengarah Jabatan Perbendaharaan,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.



**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	<b>GERAN BANTUAN KHAS</b>	<b>KUMPULAN WANG MAJLIS</b>	<b>KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN</b>	<b>KUMPULAN WANG AMANAH</b>	<b>JUMLAH</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pada 01/01/2015	16,045,706	327,006,003	1,194,146	183,966,545	528,212,400
Tambahan / (Kurangan)	(98,952)		12,849	16,467,002	16,380,899
Kumpulan Wang					
Pelarasan		2			2
Lebihan / (Kurangan) tahun semasa		3,627,614			3,627,614
Pada 31/12/2015	<u>15,946,754</u>	<u>330,633,619</u>	<u>1,206,995</u>	<u>200,433,547</u>	<u>548,220,915</u>
Pada 01/01/2016	15,946,754	330,633,619	1,206,995	200,433,547	548,220,915
Tambahan / (Kurangan)	(841,499)		72,991	(33,181,654)	(33,950,162)
Kumpulan Wang					
Lebihan / (Kurangan) tahun semasa		(2,850,470)			(2,850,470)
Pada 31/12/2016	<u>15,105,255</u>	<u>327,783,149</u>	<u>1,279,986</u>	<u>167,251,893</u>	<u>511,420,283</u>

(MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN)  
Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

(HAJAH SADIYAH BINTI KHASIMAN)  
Pengarah Jabatan Perbendaharaan,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Tarikh : 25 APR 2017

Nota-nota di mukasurat 5 hingga 26 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.





## MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

### NOTA KEPADA AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

#### 1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Dasar dan prinsip perakaunan digunakan secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

##### 1.1 Asas Penyediaan

Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan persembahan penyata kewangan adalah mengikut Lembaga Piawaian Perakaunan berkaitan yang diluluskan di Malaysia serta garis panduan yang berkuatkuasa.

##### 1.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

- 1.2.1 Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susutnilai terkumpul.
- 1.2.2 Pengiktirafan hartanah adalah bagi kos pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan bernilai RM2,000 dan ke atas bagi setiap unit. Jika kos pembelian tersebut kurang daripada RM2,000 ia akan diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa.
- 1.2.3 Kos Hartanah, Loji dan Peralatan yang dipermodalkan adalah termasuk kos barang tersebut, kos pemasangan dan lain-lain kos berkaitan bagi membolehkan Hartanah, Loji dan Peralatan tersebut sedia digunakan.
- 1.2.4 Bagi Hartanah, Loji dan Peralatan yang diterima tanpa pembelian/pembinaan/ kos oleh Majlis (pemberian daripada Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/ Individu) akan diiktiraf dengan nilai nominal RM1 sahaja.
- 1.2.5 Nilai nominal bagi Hartanah, Loji dan Peralatan yang telah habis disusutnilaikan adalah RM1 (nilai buku bersih).
- 1.2.6 Hartanah, Loji dan Peralatan yang dibina bagi kemudahan penduduk secara percuma seperti peralatan taman permainan, alat-alat senaman dan lain-lain tidak dipermodalkan.
- 1.2.7 Tanah yang tidak mempunyai hak milik tetapi telah diwarta bagi tujuan membina kemudahan awam dan bangunan dinilai dengan nilai nominal RM1 sahaja.



## **DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)**

- 1.2.8 Pengiraan susutnilai adalah menggunakan kaedah Garis Lurus pada tahun ianya dibeli tanpa mengambilkira tarikh pembelian (susutnilai penuh mengikut tahun).
- 1.2.9 Kos menaiktaraf atau '*upgrading*' yang meningkatkan nilai aset, meningkatkan usia guna aset dan meningkatkan kecekapan operasi yang melibatkan kos melebihi 30% daripada kos asal akan dipermodalkan mengikut kategori aset yang mana sesuai dan munasabah sahaja.
- 1.2.10 Kos menyelenggara aset tidak dipermodalkan dan dicaj kepada perbelanjaan semasa.
- 1.2.11 Susutnilai atas Hartanah, Loji dan Peralatan dibuat mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usiaguna harta-harta tersebut, seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Kategori Hartanah, Loji dan</b>	<b>Kadar Susutnilai (%)</b>	<b>Tempoh Usia Guna</b>
1	Tanah	- Tanah milikan bebas tidak disusutnilaikan - Tanah pajakan disusutnilai berdasarkan tempoh pajakan	-
2	Bangunan	5% setahun	20 tahun
3	Kenderaan dan Jentera Berat	20% setahun	5 tahun
4	Kelengkapan Pejabat	20% setahun	5 tahun
5	Peralatan dan Perisian ICT	33.33% setahun	3 tahun
6	Jentera Ringan dan Mesin	33.33% setahun	3 tahun
7	Lain-lain kelengkapan alat-alat/buku	33.33% setahun	3 tahun

Selepas pelupusan sebarang harta tetap, perbezaan di antara terimaan bersih pelupusan dan nilai buku bersih adalah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan dan rizab penilaian semula yang berkaitan, sekiranya ada, dan dipindahkan kepada keuntungan terkumpul.

#### **1.2.12 Pengurangan Nilai Aset**

Nilai aset yang dibawa disemak semula pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda-tanda pengurangan nilai. Sekiranya terdapat tanda-tanda sedemikian, amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset berkenaan akan dianggarkan. Amaun yang boleh diperoleh semula merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berdasarkan aliran tunai yang dijangka didiskaunkan. Amaun yang boleh diperoleh semula dijangka untuk aset individu atau, sekiranya tidak boleh, untuk unit yang menghasilkan tunai yang mana aset itu digunakan.

Kerugian Pengurangan nilai dicajkan terus kepada Penyata Prestasi Kewangan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset yang diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian pengurangan nilai terdahulu dan diiktirafkan setakat amaun aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian pengurangan nilai diiktiraf sebelum itu. Keterbalikan ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta merta.

#### **1.2.13 Keuntungan atau kerugian atas jualan aset**

Keuntungan atau kerugian atas jualan Hartanah, Loji dan Peralatan adalah dikenalpasti dengan membuat perbandingan harga jualan dengan nilai buku bersih dan ia akan diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

#### **1.2.14 Surat hakmilik asal tanah Majlis bernombor hakmilik HSD79497 dan PT6666 dengan nilai buku bersih RM1.276 juta masih belum diperolehi daripada Pejabat Tanah.**

### **1.3 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan.**

#### **1.3.1 Pengiktirafan Pendapatan**

Hasil Cukai Taksiran, Sewaan, Sewaan Letak Kereta dan Keuntungan Simpanan Tetap Al-Mudharabah diambil kira menurut asas akruan. Lain-lain hasil diambilkira sebagai asas tunai apabila pendapatan tersebut diterima.

## **DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)**

### **1.3.2 Geran Pembangunan dan Geran Keseimbangan daripada Kerajaan Negeri / Persekutuan**

Perbelanjaan Pembangunan yang dibiayai melalui geran yang diterima daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan adalah dimodalkan dan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan mengikut tempoh jangka hayat harta yang dipermodalkan.

Geran Keseimbangan yang diterima bagi tujuan membiayai pembelian aset adalah dipermodalkan dan dilunaskan mengikut tempoh jangka hayat aset tersebut. Manakala geran keseimbangan yang diterima bagi membiayai perbelanjaan pengurusan diiktiraf sebagai hasil semasa.

### **1.3.3 Pengiktirafan Perbelanjaan**

Semua perbelanjaan diambilkira menurut asas akruan.

## **1.4 Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki dan simpanan di bank serta pelaburan yang mempunyai kecairan yang tinggi dan tidak mempunyai risiko ketara dalam perubahan nilainya.

## **1.5 Perbandingan Tahunan**

Angka tahunan terdahulu ditunjukkan semula untuk tujuan perbandingan. Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

## **1.6 Pengiktirafan Penghutang**

1.6.1 Penghutang dinyatakan pada nilai bersih selepas ditolak peruntukan hutang ragu.

1.6.2 Peruntukan umum hutang ragu ke atas cukai taksiran, tunggakan sewa dan pelbagai penghutang adalah bagi tunggakan yang berusia 5 tahun dan ke atas.

## **1.7 Peruntukan Hutang Ragu**

Peruntukan Hutang Ragu adalah satu jumlah peruntukan yang disediakan bagi mengenalpasti dan menyelaraskan amaun-amaun yang mempunyai usia tunggakan yang lama.

## **1.8 Pengiktirafan Pembiayaan**

Pengiktirafan Pembiayaan adalah seperti berikut :

- 1.8.1 Semua inbois yang dikeluarkan dalam tahun semasa dan bekalan/ kerja/ perkhidmatan yang telah sempurna sehingga 31 Disember tetapi dibayar sehingga 31 Januari tahun berikutnya.
- 1.8.2 Pembiayaan dinyatakan pada kos iaitu pada nilai saksama yang dijangka akan dibayar pada masa akan datang.

## **1.9 Pelaburan**

Pelaburan dinyatakan pada nilai kos semasa pelaburan dilakukan kecuali pelaburan di Amanah Raya Berhad dimana nilai pelaburan dinyatakan pada nilai kos semasa pelaburan serta keuntungan yang telah diterima dan dilabur semula pada tarikh ianya diterima. Tempoh matang pelaburan ialah di antara 3 bulan hingga 36 bulan dan kadar keuntungan efektif ialah di antara 3.60% hingga 4.25% setahun.

## **1.10 Instrumen Kewangan**

- 1.10.1 Instrumen kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan instrumen yang dibuat secara kontrak. Dasar pengiktirafan dan pengukuran perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.
- 1.10.2 Instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti berdasarkan peruntukan dalam perjanjian kontrak. Faedah, dividen dan keuntungan serta kerugian berkaitan instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan.

## **1.11 Wang Amanah**

Wang Amanah merupakan wang yang diterima daripada pihak pemaju atau pihak kerajaan negeri untuk membangunkan sesuatu projek yang kosnya ditanggung bersama. Wang ini digunakan untuk membayar kepada pembekal atau pemaju projek tersebut.

## **1.12 Kumpulan Tabung Amanah**

- 1.12.1 Kumpulan tabung amanah diwujudkan mulai tahun 2009 di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan terimaan daripada sumber-sumber tertentu bagi membiayai perbelanjaan atau projek yang telah ditentukan semasa tabung amanah tersebut diwujudkan.

## **DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)**

1.12.2 Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan (MARRIS) diwujudkan untuk mengakaunkan terimaan geran yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kerajaan Negeri. Geran ini digunakan untuk membayai kos penyelenggaraan termasuk pemeliharaan, penjagaan, pemulihan jalan, perabut tepi jalan, jambatan, pembentungan (saliran) dan penyelenggaraan landskap yang menjadi sebahagian daripada jalan.

### **1.13 Pinjaman Kakitangan (Komputer dan Kenderaan)**

	2016 RM	2015 RM
<b>Pembayaran pinjaman bersih</b>		
Dalam tempoh satu tahun	60,401	65,229
Lebih dari satu tahun dan kurang 5 tahun bagi pinjaman komputer dan kurang 9 tahun bagi pinjaman kenderaan	159,613	227,776
	<b>220,014</b>	<b>293,005</b>

Kadar keuntungan yang dikenakan ialah 4% setahun masing-masing bagi pinjaman komputer dan pinjaman kenderaan mengikut kaedah baki berkurangan.

### **1.14 Matawang Asing**

Transaksi matawang asing direkod dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran transaksi berlaku. Kadar pertukaran untuk aset dan liabiliti yang melibatkan matawang asing dinyatakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Keuntungan atau kerugian akibat pertukaran wang asing diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

	2016 RM	2015 RM
Pada nilai 1 US Dollar	4.4860	4.2935
Pada nilai 1 SG Dollar	3.1006	3.0395

Bagi pertukaran matawang asing yang melibatkan pelaburan simpanan tetap Al-Mudharabah ia berdasarkan kepada tukaran matawang asing yang ditetapkan dan dipersetujui semasa perletakan simpanan tetap tersebut.

## **1.15 Cukai Pendapatan dan Goods and Services Tax (GST)**

Majlis adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan mengikut Seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Berkuatkuasa mulai 1 April 2015 semua perolehan barang dan perkhidmatan Majlis adalah tertakluk di bawah *Act 762, Goods and Services Tax Act 2014 (GST Act 2014)*.

Mengikut Seksyen 9 *GST Act 2014*, semua barang dan perkhidmatan Majlis adalah tertakluk kepada *GST* kecuali perolehan di bawah fungsi kawal selia dan penguatkuasaan [Seksyen 64(1)(b)]. Oleh itu hasil daripada Kutipan Letak Kereta, Hasil Sewaan Kemudahan dan Hasil Lain adalah dikenakan *GST Output* manakala Cukai Taksiran, Kompaun, Bayaran Lesen dan Caj Kebenaran Merancang adalah dikecualikan.

Bagi perolehan perkhidmatan dan bekalan serta pembelian aset yang dibuat oleh Majlis daripada pembekal juga dikenakan *GST Input* yang dibayar terus kepada pembekal yang berdaftar *GST* sahaja.

Di bawah Seksyen 38 *GST Act 2014*, Majlis boleh menuntut kembali *GST Input* yang terlebih dibayar berbanding *GST Output* daripada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

## **1.16 Kebajikan dan Faedah Kakitangan**

Majlis mencarum dan memberi faedah seperti berikut kepada pegawai dan kakitangan tertakluk kepada Akta dan Peraturan yang berkaitan:-

- 1.16.1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- 1.16.2 Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
- 1.16.3 Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)
- 1.16.4 Pinjaman Kenderaan Kakitangan.
- 1.16.5 Pinjaman Komputer Kakitangan.
- 1.16.6 Kemudahan Klinik Panel dan Klinik Majlis.
- 1.16.7 Insurans Kemalangan/ Perubatan/ Kematian.

## **1.17 Pembinaan/ Kerja Dalam Kemajuan/ Proses**

Pembinaan/ Kerja Dalam Kemajuan atau Kerja Dalam Proses (WIP) adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah kerja yang diambil kira adalah bersamaan dengan perbelanjaan yang terlibat dalam projek berkaitan. Kos pembinaan akan dipindahkan ke Aset Bukan Semasa yang berkenaan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan atau kerja-kerja disempurnakan.

## **DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)**

### **2. LIABILITI LUAR JANGKA**

Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar sekiranya Majlis gagal memenuhi obligasi perjanjian atau berlaku sesuatu peristiwa tertentu. Liabiliti Luar Jangka Majlis pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut :

#### **2.1 Mahkamah Tinggi Shah Alam**

**Guaman Sivil No: MT4-13-24-2003**  
**Abdul Ghapor Hussin & 85 yang lain lwn Majlis**  
**Perbandaran Petaling Jaya & Mentari Housing**

Plantif menuntut kerugian terhadap Majlis berdasarkan laporan penilaian mereka seperti berikut :-

- i. Nilai harga rumah menurun akibat pembinaan rumah kos rendah di kawasan perumahan mereka
- ii. Aktiviti dan kes jenayah meningkat
- iii. Tiada kemudahan taman permainan khas untuk taman perumahan mereka kerana terpaksa berkongsi dengan rumah kos rendah
- iv. Meningkatkan kesesakan lalu lintas yang teruk

#### Jumlah Tuntutan

RM10,000,000

#### Status Kes

Masih di peringkat Mahkamah Tinggi. Tarikh Pengurusan kes pada 6 April 2017. Tarikh Pendengaran kes pada 11 Julai 2017 dan 12 Julai 2017.

#### **2.2 Mahkamah Rayuan Putrajaya**

**Guaman Sivil No: B-02(NCVC)(W)-2185-11/2016**  
1. Digital Viva Sdn. Bhd.....Plaintif  
lawan  
1. Tyewei Marketing Sdn. Bhd.....Defendant  
2. Majlis Bandaraya Petaling Jaya – Pihak Ketiga

Permohonan melalui Mahkamah untuk memasukkan Majlis sebagai pihak ketiga oleh Defendant yang menyatakan penglibatan dalam kemungkiran Perjanjian antara Defendant dengan Majlis (yang didakwa oleh Defendant terhadap Majlis)

#### Jumlah Tuntutan

RM16,000,000



## **2. LIABILITI LUAR JANGKA (sambungan)**

### **Status Kes**

Masih di peringkat Mahkamah Rayuan Putrajaya. Tarikh Pengurusan kes pada 24 April 2017. Pendengaran Kes pada 4 Mei 2017 bagi mendengar permohonan Tywei Marketing Sdn. Bhd. untuk menarik diri sebagai pihak defendant dan permohonan mengenepikan Writ of Seizure (WSS)

## **3. MAKLUMAT KAKITANGAN**

Pada 31 Disember 2016, bilangan kakitangan Majis mengikut taraf jawatan adalah seperti berikut :

Butiran	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	Kumpulan Pengurusan & Profesional	Kumpulan Sokongan			Jumlah
			Kumpulan A	Kumpulan B	Kumpulan C	
Tetap	1	58	190	574	390	1,213
Kontrak	0	36	163	387	42	628
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>	<b>94</b>	<b>353</b>	<b>961</b>	<b>432</b>	<b>1,841</b>



#### 4. WANG DALAM BANK DAN DI TANGAN - RM 82,965,421

Keterangan	Nota	2016	2015
		RM	RM
i) Wang Runcit		22,100	21,317
ii) Wang Di Tangan		4,463	2,161
iii) Bank		82,938,858	74,122,713
<b>JUMLAH</b>		<b>82,965,421</b>	<b>74,146,191</b>

#### 5. SIMPANAN TETAP - RM 509,062,730

Keterangan	Nota	2016	2015
		RM	RM
Simpanan Tetap - Al-Mudharabah		509,062,730	515,174,835
<b>JUMLAH</b>		<b>509,062,730</b>	<b>515,174,835</b>

#### 6. PENGHUTANG - RM 58,265,910

Keterangan	Nota	2016	2015
		RM	RM
i) Tunggakan Cukai Taksiran	6.1	67,982,448	58,685,801
ii) Tunggakan Sewa Pelbagai		7,759,644	3,072,171
iii) Hasil Cukai Belum Terima dari Pelbagai Agensi		-	2,045
Jumlah Penghutang Kasar		75,742,092	61,760,017
(-) Peruntukan Hutang Ragu	6.2	(17,476,182)	(19,148,804)
<b>JUMLAH</b>		<b>58,265,910</b>	<b>42,611,213</b>

##### 6.1 TUNGGAKAN CUKAI - RM 67,982,448

Tunggakan Cukai adalah terdiri daripada jenis cukai seperti di bawah :

Keterangan	Nota	2016	2015
		RM	RM
Cukai Taksiran		66,911,446	57,311,758
Caruman Bantu Kadar Persekutuan		1,071,002	1,374,043
<b>JUMLAH</b>		<b>67,982,448</b>	<b>58,685,801</b>



## **6.2 PERUNTUKAN HUTANG RAGU - RM 17,476,182**

Memperuntukan Hutang Ragu mengikut usia tunggakan melebihi 5 tahun bagi tahun 2016.

Keterangan	Nota	2016	2015
		RM	RM
Baki Peruntukan Hutang Ragu pada 1 Januari Tambahan/ (Kurangan) - Tahun Semasa		19,148,804 (1,672,622)	19,011,214 137,590
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>17,476,182</b>	<b>19,148,804</b>

## **7. PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN TERAKRU - RM 12,997,348**

Keterangan	Nota	2016	2015
		RM	RM
i) Keuntungan Simpanan Tetap Terakru		4,537,870	4,486,436
ii) Deposit dibayar		1,358,810	1,558,810
iii) Jabatan Kastam Diraja Malaysia		7,100,668	5,028,220
<b>JUMLAH</b>		<b>12,997,348</b>	<b>11,073,466</b>

## 8. HARTAHANAH, LOJI & PERALATAN - RM 74,195,550

Jenis Harta	1. Tanah	2. Bangunan	3. Kenderaan dan Jentera Berat	Jumlah A
	RM	RM	RM	RM
<b>Kos/ Nilai</b>				
Baki pada 01/01/2016	8,533,734	341,833,433	35,324,665	385,691,832
Tambahan dalam tahun Pelarasan		3,031,710	2,622,159	5,653,869
Hapuskira / Pelupusan			(5,966,222)	(5,966,222)
<b>Baki pada 31/12/2016</b>	<b>8,533,734</b>	<b>344,865,143</b>	<b>31,980,602</b>	<b>385,379,479</b>
<b>Susutnilai Terkumpul</b>				
Susutnilai terkumpul pada 1/1/2016	2,027,174	276,338,241	28,687,614	307,053,029
Susutnilai dalam tahun Pelarasan	107,772	9,933,054	3,138,646	13,179,472
Hapuskira / Pelupusan			(5,966,105)	(5,966,105)
<b>Susutnilai terkumpul pada 31/12/2016</b>	<b>2,134,946</b>	<b>286,271,295</b>	<b>25,860,155</b>	<b>314,266,396</b>
Nilai Buku 2016	6,398,788	58,593,848	6,120,447	71,113,083
Nilai Buku 2015	6,506,560	65,495,192	6,637,051	78,638,803
Jenis Harta	4. Kelengkapan Pejabat	5. Peralatan dan Perisian ICT	6. Jentera Ringan dan Mesin	Jumlah B
	RM	RM	RM	RM
<b>Kos/ Nilai</b>				
Baki pada 01/01/2016	34,498,897	7,327,949	13,732,205	55,559,051
Tambahan dalam tahun Pelarasan	1,525,046	793,948	898,989	3,217,983
Hapuskira / Pelupusan				
<b>Baki pada 31/12/2016</b>	<b>36,023,943</b>	<b>8,121,897</b>	<b>14,631,194</b>	<b>58,777,034</b>
<b>Susutnilai Terkumpul</b>				
Susutnilai terkumpul pada 1/1/2016	33,390,055	6,473,031	13,051,332	52,914,418
Susutnilai dalam tahun Pelarasan	956,954	877,543	948,580	2,783,077
Hapuskira / Pelupusan				
<b>Susutnilai terkumpul pada 31/12/2016</b>	<b>34,347,009</b>	<b>7,350,574</b>	<b>13,999,912</b>	<b>55,697,495</b>
Nilai Buku 2016	1,676,934	771,323	631,282	3,079,539
Nilai Buku 2015	1,108,842	854,918	680,873	2,644,633

## 8. HARTANAH, LOJI & PERALATAN - RM 74,195,550 (sambungan)

Jenis Harta	8. Lain-Lain Kelengkapan, Alatan, Buku	Jumlah C	Jumlah Besar A + B + C
	RM	RM	RM
<u>Kos/ Nilai</u>			
Baki pada 01/01/2016	8,273,793	8,273,793	449,524,676
Tambahan dalam tahun Pelarasan			8,871,852
Hapuskira / Pelupusan			(5,966,222)
<b>Baki pada 31/12/2016</b>	<b>8,273,793</b>	<b>8,273,793</b>	<b>452,430,306</b>
<u>Susutnilai Terkumpul</u>			
Susutnilai terkumpul pada 1/1/2016	8,270,865	8,270,865	368,238,312
Susutnilai dalam tahun Pelarasan			15,962,549
Hapuskira / Pelupusan			(5,966,105)
<b>Susutnilai terkumpul pada 31/12/2016</b>	<b>8,270,865</b>	<b>8,270,865</b>	<b>378,234,756</b>
Nilai Buku 2016	2,928	2,928	<b>74,195,550</b>
Nilai Buku 2015	2,928	2,928	81,286,364



## 9. PEMBINAAN/KERJA DALAM KEMAJUAN/PROSES - RM 5,877,338

Keterangan	Nota	2016	2015
		RM	RM
Baki pada 1 Januari		2,037,578	440,603
(+) Pembinaan/Kerja Dalam Kemajuan/Proses		5,552,238	1,812,478
(-) Pembinaan/Kerja Dalam Kemajuan/Proses Yang Telah Selesai		(1,712,478)	(215,503)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>5,877,338</b>	<b>2,037,578</b>

## 10. PEMIUTANG - RM 75,575,527

Keterangan	Nota	2016	2015
		RM	RM
i) Pemiutang		74,983,629	57,801,159
ii) Pemiutang Utiliti		591,898	280,038
<b>JUMLAH</b>		<b>75,575,527</b>	<b>58,081,197</b>

## 11. PELBAGAI PEMIUTANG / TERIMAAN TERDAHULU - RM 11,339,546

Keterangan	Nota	2016	2015
		RM	RM
i) Sewa Terima Terdahulu		882,990	966,156
ii) Cukai Taksiran Terdahulu Daripada Agensi		33,189	3,908
iii) Cek Ganti		2,056,612	2,213,073
iv) Kos Guaman Cukai Taksiran		7,544	4,350
v) Pelbagai Pemiutang		971,742	911,419
vi) Cukai Taksiran Terima Terdahulu		7,387,469	13,425,759
<b>JUMLAH</b>		<b>11,339,546</b>	<b>17,524,665</b>

## 12. WANG CAGARAN - RM 144,371,546

Jumlah wang cagaran adalah jumlah keseluruhan wang awam yang diterima bagi tujuan tertentu yang disimpan oleh Majlis.

Keterangan	Nota	2016	2015
		RM	RM
Cagaran Terkumpul sehingga tahun		144,371,546	99,110,024
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>144,371,546</b>	<b>99,110,024</b>

## 12. WANG CAGARAN - RM 144,371,546 (sambungan)

Daripada jumlah cagaran tahun 2016 berjumlah RM144,371,546 pengasingan kategori seperti berikut :-

Keterangan	Aktif	Tidak Aktif	Jumlah
	RM	RM	RM
Cagaran Teknikal	73,934,921	11,285,125	85,220,046
Cagaran Bukan Teknikal	52,491,847	6,659,653	59,151,500
<b>JUMLAH</b>	<b>126,426,768</b>	<b>17,944,778</b>	<b>144,371,546</b>

## 13. WANG AMANAH (KURANG DARIPADA 1 TAHUN) - RM 657,395

Wang Amanah merupakan wang yang diterima untuk dibelanjakan semula bagi membiayai program tertentu.

Keterangan	Nota	2016	2015
		RM	RM
1. Bantuan Subsidi Sewa		84,850	123,135
2. Pembinaan Tapak Perkuburan Islam		23,195	1,494,579
3. Menaiktaraf Stadium Hoki		139,549	1,560,132
4. Projek Kecil Kampung Tersusun		101,830	-
5. Program Penggerak Belia		54,891	-
6. Projek Jelajah Kitar Semula		20,000	-
7. Program Aktiviti Pencegahan Denggi		10,810	-
8. Skim Laman Hijau		6,000	-
9. Kejohanan Bola Sepak Penguatkuasaan		12,144	-
10. Program Pelancongan Negeri		20,000	-
11. Program Malam Seni & Kebudayaan S'gor		20,000	-
12. Seroja		50,000	-
13. Projek Pintu Gerbang		68,000	-
14. Potongan Gaji Kakitangan		120	-
15. Pelarasan Cukai		1,822	-
16. Penganjuran Pelancaran Garis Panduan		43,884	-
17. Pelarasan Cagaran		300	-
18. Program PJ Street Arts Festival		-	12,000
19. Freedom Film Festival		-	100,000
20. Pemasangan Lampu LED dikawasan ADUN		-	103,000
<b>JUMLAH</b>		<b>657,395</b>	<b>3,392,846</b>

#### 14. GERAN BANTUAN KHAS - RM 15,105,255

	Keterangan	Nota	2016	2015
			RM	RM
<b>14.1</b>	<b>GERAN KERAJAAN TERTUNDA</b>			
	Pembinaan Stadium Petaling Jaya		15,000,000	15,000,000
	Kompleks Penjaja Jalan SS3/39		2,400,000	2,400,000
	Jejantas di Jalan SS24/1		200,000	200,000
	Dewan Serbaguna Persiaran Perdana		815,206	815,206
	Pusat Peniaga Taman Sri Manja 4		799,619	799,619
	Dewan Serbaguna SS 7/28, Kelana Jaya		1,386,883	1,386,883
	Dewan Serbaguna SS 5A/15, Kelana Jaya		1,543,749	1,543,749
	Memasang High Mast/Elektronik Score Board		2,998,829	2,998,829
	Membina Dewan Masyarakat Taman Medan		1,399,881	1,399,881
	Arena PJ		729,746	729,746
	Dewan Sivik		2,000,000	2,000,000
	Gerai Jalan Penchala		299,988	299,988
	Gelanggang Futsal di SS 26/9		70,000	70,000
	Geran Kerajaan tertunda terkumpul direalisasikan 1995 -2015 (5%)		29,643,901	29,643,901
	Geran Kerajaan tertunda direalisasikan 2016 (5%)	(a)	(23,097,336)	(21,865,141)
	<b>Baki Pada 31 Disember</b>	(b)	<b>5,314,370</b>	<b>6,546,565</b>
<b>14.2</b>	<b>GERAN KESEIMBANGAN TERTUNDA YANG DITERIMA</b>			
	Berikut adalah tahun Geran Keseimbangan Tertunda Diterima seperti berikut:-			
	2007		4,998,870	4,998,870
	2010		3,419,715	3,419,715
	2011		-	4,993,100
	2012		3,482,917	3,482,917
	2013		3,842,718	3,842,718
	2014		4,945,091	4,945,091
	2015		5,000,000	5,000,000
	2016		5,000,000	-
	Geran Keseimbangan Tertunda Yang Direalisasikan Dalam Tahun 2007 - 2015		30,689,311	30,682,411
	Geran Keseimbangan Tertunda Yang Direalisasikan Dalam Tahun 2016	( c )	(16,289,122)	(17,415,465)
	Geran Keseimbangan Tertunda Yang Belum Direalisasikan Pada 31 Disember 2016	(d)	(4,609,304)	(3,866,757)
	Bantuan Kerajaan Tertunda Yang Direalisasikan Tahun Semasa	(a) + (c)	9,790,885	9,400,189
	<b>Baki Bantuan Kerajaan Tertunda Pada 31 Disember</b>	(b) + (d)	<b>5,841,499</b>	<b>5,098,952</b>
			<b>15,105,255</b>	<b>15,946,754</b>



**15. KUMPULAN WANG MAJLIS - RM 327,783,149**

Keterangan	Nota	2016	2015
		RM	RM
Baki pada 1 Januari 2016		330,633,619	327,006,003
Lebihan bersih tahun semasa		(2,850,470)	3,627,614
Pelarasan		-	2
Baki pada 31 Disember 2016		<b>327,783,149</b>	<b>330,633,619</b>

**16. KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN - RM 1,279,986**

Keterangan	Nota	2016	2015
		RM	RM
Kumpulan wang pinjaman diluluskan			
Komputer		500,000	500,000
Kenderaan		1,000,000	1,000,000
	(a)	<b>1,500,000</b>	<b>1,500,000</b>
Pinjaman kakitangan yang telah dikeluarkan			
Komputer		10,495	15,195
Kenderaan		209,519	277,810
	(b)	<b>220,014</b>	<b>293,005</b>
Kumpulan wang pinjaman bersih	(a) - (b)	<b>1,279,986</b>	<b>1,206,995</b>
Bayaran balik pinjaman			
Kurang daripada 1 tahun		60,401	65,229
Lebih daripada 1 tahun		159,613	227,776
		<b>220,014</b>	<b>293,005</b>



**17. KUMPULAN WANG AMANAH - RM 167,251,893**

BIL	AKAUN AMANAH	BAKI PADA 01/01/2016 (a)	TERIMAAN (b)	BAYARAN (c)	BAKI PADA 31/12/2016 (d) = (a) + (b) - (c)
1.	Program Penggerak Belia Tempatan (PeBT)	1,312	-	1,300	12
2.	Geran Penyelenggaraan Jalan (Marris)	21,405,435	47,484,193	56,715,944	12,173,684
3.	Wang Caruman Pembinaan Interchange Persiaran Surian & Mahagony	23,431,612	1,968,106	1,413,495	23,986,223
4.	Menaiktaraf Infrastruktur Kg. Kayu Ara	2,327,922	526,408	77,060	2,777,270
5.	Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF)	15,421,042	10,280,310	10,866,605	14,834,747
6.	Tabung Pembangunan Mampan	27,325	569,565	161,080	435,810
7.	Caj Pemajuan	33,263,155	5,725,392	11,655,192	27,333,355
8.	Program Zon Bersih MBPJ	11,361	-	-	11,361
9.	Pembinaan Ramp/Terowong dari Kawasan PJU1A melintas NKVE	13,596,297	3,503,773	244,526	16,855,544
10.	Tabung Hijau	602,264	400,000	140,954	861,310
11.	Terowong Tropicana	449,120	-	71,026	378,094
12.	Menaiktaraf Jalan Penchala dan Mensehala Jalan Utara	6,675,454	38,519	3,463,815	3,250,158
13.	Menaiktaraf Infra Sek. 13, P.Jaya dan Jalan Harapan	29,495,422	943,233	5,152,577	25,286,078
	Jumlah (i)	146,707,721	71,439,499	89,963,574	128,183,646



**17. KUMPULAN WANG AMANAH - RM 167,251,893 (sambungan)**

BIL	AKAUN AMANAH	BAKI PADA 01/01/2015 (a)	TERIMAAN (b)	BAYARAN (c)	BAKI PADA 31/12/2015 (d) = (a) + (b) - (c)
14.	Pembangunan Kompleks Bazaar Muhibbah, Kota Damansara	299,866	-	221,480	78,386
15.	PJ City Innovation & Service Centre, Kota Damansara	39,263,837	-	12,224,160	27,039,677
16.	Tabung Pendidikan	4,320,000	970,101	138,675	5,151,426
17.	Menaiktaraf Jalan Tanjung	2,695,373	586,831	-	3,282,204
18.	Projek Tempat Letak Kereta di 3 Tapak Tanah Bawah Rentis Elektrik Dekat Stesyen LRT	7,129,350	-	4,865,022	2,264,328
19.	Hadiah Kemenangan	17,400	30,650	22,230	25,820
20.	Tabung Perkuburan	-	1,226,406	-	1,226,406
	Jumlah (ii)	53,725,826	2,813,988	17,471,567	39,068,247
	<b>Jumlah Besar (i) + (ii)</b>	<b>200,433,547</b>	<b>74,253,487</b>	<b>107,435,141</b>	<b>167,251,893</b>

**18. PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2016**

Nota	2016 (RM)	2015 (RM)
<b><u>PENDAPATAN</u></b>		
<b>18.1 HASIL CUKAI</b>		
Cukai Taksiran	233,785,165	226,732,044
Caruman Bantuan Kadar	<u>2,022,117</u>	<u>1,746,501</u>
	<b><u>235,807,282</u></b>	<b><u>228,478,545</u></b>
<b>18.2 HASIL BUKAN CUKAI</b>		
Lesen Dan Permit	27,136,394	21,588,978
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	28,318,498	24,556,307
Perolehan Dari Jualan Barang	652,354	1,386,237
Sewaan	20,218,034	12,563,929
Faedah Dan Perolehan Pelaburan	25,030,309	24,710,097
Denda Dan Hukuman	17,164,820	16,572,582
Sumbangan Tempatan dan Bayaran	2,944	2,688,327
Gantirugi dari Luar Negara		
	<b><u>118,523,353</u></b>	<b><u>104,066,457</u></b>
<b>18.3 PELBAGAI TERIMAAN</b>		
Pulangan Balik Perbelanjaan	2,245,417	1,554,175
Bantuan Kerajaan Tertunda Direalisasikan	5,841,499	5,098,952
Terimaan Balik Bayaran GST	11,150,188	5,769,785
Peruntukan Hutang Ragu	<u>1,672,622</u>	-
	<b><u>20,909,726</u></b>	<b><u>12,422,912</u></b>
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b><u>375,240,361</u></b>	<b><u>344,967,914</u></b>
<b><u>PERBELANJAAN</u></b>		
<b>18.4 EMOLUMEN</b>		
Gaji Dan Upahan	48,173,824	44,380,903
Elaun Tetap	19,473,887	22,296,775
Sumbangan Berkanun	9,053,123	8,628,217
Elaun Lebih Masa	9,982,867	8,674,225
Faedah Kewangan Yang Lain	<u>6,654,770</u>	<u>3,214,338</u>
	<b><u>93,338,471</u></b>	<b><u>87,194,458</u></b>



**18. PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2016**

	<b>Nota</b>	<b>2016</b> <b>(RM)</b>	<b>2015</b> <b>(RM)</b>
<b>18.5 PERKHIDMATAN &amp; BEKALAN</b>			
Tuntutan Perjalanan		3,488,052	3,041,379
Pengangkutan Barang-barang		10,365	10,766
Perhubungan Dan Utiliti		16,012,897	15,627,792
Sewaan		2,585,822	2,203,028
Makanan-makanan Yang Lain		61,973	64,974
Bekalan Bahan Mentah		5,720,134	5,771,530
Bekalan Bahan Lain		11,463,159	10,843,443
Penyelenggaraan Dan Pembaikan		26,490,711	24,755,491
Perkhidmatan Ikhtisas		132,062,574	113,596,487
		<b>197,895,687</b>	<b>175,914,890</b>
<b>18.6 PEMBERIAN &amp; KENAAN TETAP</b>			
Pemberian Dalam Negeri		1,252,910	698,233
Tuntutan, Insuran dan Pampasan		3,900	408,332
		<b>1,256,810</b>	<b>1,106,565</b>
<b>18.7 PERBELANJAAN LAIN</b>			
Bayaran-bayaran Lain		4,576,571	4,638,230
Pulangbalik Dan Hapuskira		117	432,213
Susutnilai		15,962,549	18,305,011
Peruntukan Hutang Ragu		-	137,590
Perbelanjaan GST		15,532,022	8,421,634
		<b>36,071,259</b>	<b>31,934,678</b>
<b>18.8 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</b>			
Tempat Kemudahan Awam		14,865,897	14,319,293
Tempat Kemudahan Perniagaan		-	1,908,595
Jalan, Perparitan dan Jambatan		23,117,443	19,443,513
Pejabat dan Bangunan		8,916,247	8,953,051
Projek Pengkomputeran		2,629,017	565,257
		<b>49,528,604</b>	<b>45,189,709</b>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>378,090,831</b>	<b>341,340,300</b>
<b>LEBIHAN BERSIH</b>		<b>(2,850,470)</b>	<b>3,627,614</b>



**19. TERIMAAN BALIK BAYARAN GST - RM11,150,188**

Keterangan	RM
<b>GST Input</b>	
Jumlah GST Input	15,532,022
Tolak:	
GST Input tidak dapat dituntut ( <i>Apportionment Rule</i> )	(3,533,075)
<b>GST Input selepas 'Apportionment Rule'</b>	<b>11,998,947</b>
Tolak:	
GST Output	(848,759)
<b>BAYARAN BALIK GST DARIPADA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA</b>	<b>11,150,188</b>





مجالس بنداراي ڤتاالیبع جای

diterbitkan oleh:

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN  
TEL: 603-79563544 FAKS: 603-79581494